



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Shah Alam 11 JULAI 2011 (ISNIN)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)

(Tuan Speaker)

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim

PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)

(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali

DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)

(Timbalan Speaker)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)
YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)
YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)
YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
YB Tuan Edward Lee Poh Lin
YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)
YB Tuan Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
PJK. (Sungai Panjang)
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)
YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)
YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim, DPSM., AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

TIDAK HADIR

YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Noor Diana bt. Razali
Penolong Setiausaha II

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman
BENTARA

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
PENOLONG BENTARA

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
PELAPOR PERBAHASAN

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Aturan Urusan Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Kedua belas pada 11 Julai 2011 dimulakan dengan bacaan Doa.

I. **DOA.**

II. **PROKLAMASI**

SETIAUSAHA DEWAN : Proklamasi

OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 11 Julai 2011 hingga 15 Julai 2011 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Kedua Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 26 hari bulan Mei 2011.

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor,

TUAN SPEAKER : Selamat sejahtera dan selamat pagi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri, pegawai-pegawai kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu kembali dalam Mesyuarat Kedua Dewan yang mulia ini bagi penggal keempat Dewan Negeri Selangor yang kedua belas. Tanpa melengahkan masa saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada pagi ini

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas mesyuarat.

- i) Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2011
 - Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) 2011.
- ii) Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2011
 - Rang Undang-Undang Enakmen Tabung Amanah Bencana Alam 2011.
- iii) Kertas Mesyuarat Bilangan 14 Tahun 2011
 - Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2011.
 -
- iv) Kertas Mesyuarat Bilangan 15 Tahun 2011
 - Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Kedua 2011 dan Memorandum Perbendaharaan Negeri Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Kedua 2011 bagi Kerajaan Negeri Selangor.
 -
- v) Kertas Mesyuarat Bilangan 16 Tahun 2011
 - Laporan Tahunan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Tahun 2010.
 -
- vi) Kertas Mesyuarat Bilangan 17 Tahun 2011
 - Laporan Tahunan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Tahun 2009.
- vii) Kertas Mesyuarat Bilangan 18 Tahun 2011
 - Penyata Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor.
 -
- viii) Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2010
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri.
 -
- ix) Kertas Mesyuarat Bilangan 20 Tahun 2011
 - Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Mengenai Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor Tahun 2008.
- x) Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2011
 - Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Tahun 2010.

III. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya Pertanyaan-pertanyaan :

TUAN SPEAKER : Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PROJEK MRT

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
 - a) Apakah peranan dan mekanisme kerajaan negeri dalam perancangan dan pemantauan projek MRT?
 - b) Apakah pertimbangan dan pengiraan dalam pembayaran pampasan bagi tanah yang diambil?
 - c) Adakah projek MRT perlu mendapat kelulusan OSC di PBT berkenaan?

YAB DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Dato' Speaker, Yang Berhormat Kajang membangkitkan tentang perkara projek MRT (*Mars Rail Transport*) yang bertanyakan apakah peranan dan mekanisme Kerajaan Negeri dalam perancangan dan pemantauan projek MRT. Kedua, pertimbangan dan pengiraan pembayaran pampasan bagi tahun yang diambil dan soalan yang ketiga, perlukah projek MRT mendapat kelulusan OSC di PBT berkenaan. Kerajaan Negeri terlibat bersama dalam perancangan yang disebut pembangunan *Greater* Kuala Lumpur dan Glenmarie. Dan dari semasa ke semasa Kerajaan Negeri mengikuti Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan yang terakhir yang diwakili oleh saya pada 20 Jun 2011, yang antara lain membincangkan kemajuan projek MRT. Kerajaan negeri memandangkan jika MRT itu dibuat dengan sempurna dan tertib sudah tentu ia dapat menyelesaikan masalah pengangkutan di negeri Selangor dan di seluruh Lembah Klang. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri bersedia untuk membincangkan perkara tersebut dan dari semasa ke semasa menolong melaksanakan perkara yang ada dalam kuasa Kerajaan Negeri. Dan kuasa Kerajaan Negeri terletak pada dua perkara iaitu pertama tentang pengambilan tanah, dan kedua, kelulusan mengenai *development plan* (Rancangan Pembangunan) tersebut.

Jadi, kerajaan negeri sentiasa diberikan *report* atau laporan mengenai kemajuan yang dibuat oleh pemandu. Pemandu adalah satu Jawatankuasa *Task Force* yang diwujudkan di Pejabat Perdana Menteri dan ia memantau perjalanan tersebut. Untuk makluman Dewan, MRT bukan hanya satu projek tetapi beberapa projek yang sedang dijalankan serentak iaitu MRT *Talent Attraction* untuk mengambil, mencari pekerja-pekerja yang mahir dan berkeupayaan yang terdiri daripada rakyat Malaysia.

Ketiga, tentang *redial of live* ataupun menyatakan bahawa Sungai Klang ialah dianggap sebagai *redial of live* yang selari dengan usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam pembersihan dan pembangunan Sungai Klang. Kemudian ada dibincangkan mengenai *solace wave management* dan juga mengenai cara menyelesaikan masalah *sure rich* yang sekarang sangat perlu diperbaiki oleh kerana pertumbuhan penduduk yang begitu pesat. Jadi jawapan kepada pertama itu, kerajaan negeri memantau dan menyertai dengan tujuan supaya setiap projek itu dijalankan dengan cara yang tertib dan terbaik dan memberi kesan yang positif kepada rakyat di Lembah Klang ataupun disebut *Greater* Kuala Lumpur.

Perkara mengenai Akta Pengambilan Tanah ini yang dilakukan melalui Kerajaan Negeri dan prosesnya dan prosedurnya dibuat melalui Akta Pengambilan Tanah 1960, iaitu mengambil kira tentang nilai pasaran, pampasan yang ditawarkan, kerosakan dan kita mengambil kira

bukan hanya pengambilan tanah tersebut tetapi akibatnya kepada keseluruhan tanah yang diambil alih. Kerosakan ataupun kesan-kesan terhadap ekonomi ataupun perjalanan perniagaan dan perdagangan dan dimasukkan dalam perkiraan tersebut, perbelanjaan yang munasabah untuk pindah dan Kerajaan Negeri memantaunya dan apabila Kerajaan Negeri menjalankan tugas tersebut, perbelanjaan-perbelanjaan untuk ini boleh disalurkan daripada Kerajaan Persekutuan.

Soalan yang ke-3 adalah mengenai perlukah Projek MRT mendapat kelulusan OSC. Ia mesti melalui proses tersebut tetapi untuk menentukan Perancang Pelan itu ia perlu dilihat secara menyeluruh kerana MRT ini mahu dibina melalui beberapa Pihak Berkuasa Tempatan dari Sungai Buloh ke Kajang. Oleh sebab itu kita sudah meminta supaya keseluruhan program itu dibawa, dibentangkan di Jawatankuasa Perancangan Negeri untuk diluluskan dan seterusnya dibawa kepada OSC supaya mereka dapat meneliti tentang keputusan-keputusan yang dibuat.

YB TUAN LEE KIM SIN : Soalan tambahan. Adakah OSC PBT mempunyai kuasa untuk menolak walaupun ianya diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri yang disebut tadi.

YAB DATO' MENTERI BESAR : OSC mempunyai beberapa kuasa. Antaranya, meneliti beberapa perkara itu. Jadi, kita anggap OSC boleh memberi beberapa cadangan teknikal. Saya hendak sebut perkataan teknikal. Secara keseluruhannya Kerajaan Negeri bersetuju daripada segi dasar supaya MRT ini dapat dibangunkan untuk memberi kebaikan kepada semua rakyat di negeri Selangor.

Kedua, kita sudah tentulah pembangunan ini dibuat dengan penuh tertib supaya setiap mereka yang terlibat diberi pampasan yang bersesuaian dan perlu diadakan apa yang disebut *town hall meeting*. Perjumpaan seumpama hendaklah dihadiri oleh Ahli Dewan Negeri dan Ahli Parlimen bersama Pihak Berkuasa Tempatan dan pemimpin-pemimpin supaya mereka mengetahui perkembangan dan cara pelaksanaan, tetapi daripada segi teknikalnya OSC dapat melihat bagaimana usaha teknikal ini dapat diperbaiki. Jadi, *OSC is value adding organisation*. Maknanya menambah nilai. Oleh sebab itu saya berharap mereka bersedia untuk melihat cara penambahan nilai agar usaha ini dapat dilakukan dan ia akan berlaku bukan sahaja di Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor tetapi juga di Bandaraya Kuala Lumpur.

TUAN SPEAKER : Teratai. Tidak hadir. Taman Medan.

YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Speaker, Soalan no. 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : KEMUDAHAN ASAS UNTUK SEMUA RAKYAT SELANGOR

3. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:
 - a) Apakah usaha kerajaan negeri bagi mengatasi penduduk di kawasan luar Bandar yang tidak mendapat kemudahan asas seperti bekalan air bersih dan elektrik?
 - b) Bagaimana kerajaan kenal pasti isi rumah yang masih belum ada kemudahan asas tersebut?

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Taman Medan. Seperti yang diketahui sebelum 3 tahun yang lalu peruntukan infrastruktur luar Bandar dibiayai oleh Kerajaan Pusat melalui Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada UPEN biasanya dalam RM97 juta itu dan kemudiannya UPEN akan menyalurkan kepada daerah-daerah tetapi semenjak Pakatan Rakyat mengambil alih Kerajaan Negeri Selangor ini *arrangement* sedemikian tidak berlaku lagi wang itu disalurkan kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan dan mereka yang menganjurkan, menyelaraskannya dan sehingga kini tidak dapat butiran mereka tentang apa yang dilakukan dalam projek-projek Luar Bandar tersebut.

Kedua, untuk pengetahuan Taman Medan usaha untuk mengatasi masalah bekalan air dan elektrik di Selangor sehingga kini Pihak UPEN dan Pejabat Daerah melalui JKKK dan penduduk dan Penghulu-penghulu belum ada menerima apa-apa rungutan daripada masyarakat desa mengenai kekurangan yang berlaku di tempat mereka dalam hal mengenai air dan juga bekalan elektrik dan sebab itu walau bagaimanapun kita sentiasa menasihatkan JKKK terutamanya yang merupakan tali temali daripada Pentadbiran kita peringkat Negeri dan peringkat Daerah ini untuk memantau kalau ada kampung-kampung yang jauh, kampung-kampung terus mengambil langkah-langkah bagi saya yang menjaga akan menentukan bersama-sama dengan YB untuk YB yang menjaga Bahagian Luar Bandar untuk menentukan bahawa setiap rakyat yang tinggal di bahagian Luar Bandar di Selangor ini mendapat kemudahan-kemudahan asas terutamanya yang berkaitan dengan bekalan air dan bekalan elektrik jadi sehingga ini Taman Medan, kita belum dan tidak menerima apa-apa pun bantahan dan sungutan mengenai bekalan-bekalan air dan elektrik di kawasan Luar Bandar. Terima kasih.

YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Taman Medan.

YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Saya ingin bertanya sebab ada penduduk datang bertanya saya daripada Kg. Lubuk Kelubi, daripada Dusun Tua, yang melaporkan, mereka tidak mendapat bekalan air dan juga elektrik. Saya sudah panjangkan surat kepada Pejabat Daerah untuk dipanjangkan tetapi sehingga kini belum ada tindakan. Sekian, terima kasih.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Ini mengenai permohonan yang terpencil seperti ini belum sampai ke pengetahuan saya tetapi saya yakin, mana-mana Pejabat Daerah yang menerima permohonan-permohonan ini mereka mempunyai opsyen-opsyen sama ada menyampaikan kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan ataupun melalui Perancangan Peringkat Negeri di Peringkat Daerah-daerah dan Desa kita dapat sampaikan dapat berbincang dengan daerah-daerah yang berkenaan dan kita pun memang melakukan perbincangan-perbincangan yang berkala dengan Pentadbiran Peringkat Daerah terutamanya KADO-KADO bahagian Pembangunan untuk menentukan kalau-kalau ada permintaan-permintaan seperti yang disebutkan oleh Taman Medan daripada Kampung Kelubi kalau ada permintaan yang serupa. Kita memang tidak menunggu-nunggu lagi kalau ada pun permintaan-permintaan sedemikian kita akan menghantar pasukan-pasukan kita untuk melihat dan memberi tahu jabatan-jabatan yang berkenaan dalam konteks ini sudah tentunya SYABAS, dan TNB untuk mereka bersama-sama kita bagi menyediakan kemudahan-kemudahan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

YB TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker Soalan no. 4,

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : ANAK-ANAK SYARIKAT MEMATUHI PEKELILING PERBENDAHARAAN

4. Merujuk kepada Usul 20 Tahun 2010 berkenaan urus tadbir anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor:

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap syarikat tahu dan melaksanakan Pekeliling Perbendaharaan (PP) Bil. 9/1993, 10/1993, 11/1993 dan 12/1993?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan tiada syarikat membayar bonus tanpa mematuhi dasar yang ditetapkan mengikut PP Bil. 10/1993 dan pembayaran mesti mendapat kelulusan pihak Lembaga Pengarah dan Pihak Berkuasa Negeri (MMKN/EXCO)?
- c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan syarikat lebih fokus kepada kos operasi syarikat dan tidak kepada perbelanjaan sosial dan perbelanjaan lain yang tidak berkaitan dengan operasi yang boleh menjejaskan keuntungan syarikat?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, Soalan yang dikemukakan oleh Hulu Kelang adalah soalan sama ada anak-anak syarikat mematuhi Pekeliling Perbendaharaan. Sudah tentulah apabila saya mengambil alih Pemerintahan Negeri Selangor, bersama-sama rakan Eksko saya menetapkan bahawa pengurusan bukan sahaja pengurusan daripada segi Pentadbiran Kerajaan tetapi pengurusan syarikat-syarikat milikan Kerajaan hendaklah ditadbir urus mengikut tatakelola yang terbaik. Dengan sebab itu asas yang pertama yang kita lakukan setiap akaun syarikat-syarikat itu, diaudit dan diluluskan dalam masa yang ditentukan. Jadi, saya ingin mengatakan semua syarikat dalam milikan Kerajaan Negeri dan sekarang di bawah naungan Menteri Besar Incorporated (MBI) mengikut tatacara tersebut, selain mengikut garis panduan yang dibuat oleh Perbendaharaan. Garis panduan Perbendaharaan itu adalah hanya daripada segi maklumat tentang perjalanan syarikat seperti Audit Pemeriksaan yang dibuat. Kedua, bayaran bonus kepada syarikat-syarikat Kerajaan; ketiga, bayaran Dividen syarikat-syarikat Kerajaan; keempat ada Pekeliling meningkatkan kualiti Perancangan dan Pengurusan Syarikat.

Selain perkara 3 yang saya nyatakan tadi, saya menumpukan pada perkara yang ke- 4, iaitu setiap pentadbiran syarikat itu mengambil kira bahawa ia boleh menghasilkan nilai yang terbaik untuk Syarikat Pemilik Saham oleh MBI, dan pemilik saham adalah rakyat negeri Selangor. Oleh sebab itu kira-kira tentang mengenai urus niaga dan usaha sama dibuat berdasarkan apa yang disebut *Growth Development value*. Maknanya, nilai yang sebenar tentang harta yang diusahakan dan ini melebihi tatacara yang dibuat Pekeliling Perbendaharaan kerana Perbendaharaan melihat rekod tentang urus niaga-urus niaga tetapi tidak mengenakan syarat-syarat yang nilai tersebut dapat dipertahankan daripada segi keputusan perniagaan. Jadi kita juga mengambil kira mulai tahun lepas tentang operasi-operasi tersebut dan saya boleh

memberikan laporan mengenai perkara yang dilakukan oleh MBI dan seterusnya kesan-kesan kepada syarikat-syarikat dalam MBI. Tetapi saya ingin mengatakan sebelum 2008 MBI tidak berfungsi yang sebenarnya MBI ini diserahkan ataupun didudukkan di bawah kelolaan KDEB Kumpulan Darul Ehsan Berhad. Maknanya, MBI tidak berfungsi sebagai satu organisasi induk yang menguasai syarikat-syarikat tersebut. Alhamdulillah selepas 2008, saya berjaya mengubah keadaan tersebut dan sekarang MBI berfungsi sebagai *investment* am ataupun *investment* am oleh Kerajaan Negeri Selangor yang *transparent* dan boleh dipertanggungjawabkan. Terima kasih.

YB TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

YB TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Dato' Menteri Besar. Cuma dari segi kerja-kerja Audit yang dilakukan melalui MBI, adakah MBI ada melantik Juru Audit dalam ataupun menggunakan Juru Audit luar.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Menurut cara kebiasaannya, untuk akaun tahunan kita menggunakan Juru Audit luar sebab itu perlu berasingan, apa yang diperkatakan pemantauan. Kita menggunakan Juru Audit luar dan kita sekarang menggunakan tatacara yang biasa dilakukan. Kita mungkin menukar Juru Audit luar setiap 5 tahun supaya tidak wujud apa yang dikatakan "keselesaian bersama" antara Pengurusan dan Juruaudit.

Kita mula membawa beberapa pegawai baharu untuk mengadakan Juruaudit Dalaman. Saya dapati Juruaudit yang terbaik adalah Juruaudit yang dapat mengeutuk pembaikan Operasi tersebut. Jadi kita tengok tatacara sekiranya dia sudah bayar bil dia tuliskan rekod tetapi dia tidak melihat bagaimana pengurusan itu dapat diperbaiki. Oleh itu, kita dapat mengambil contoh berapa usaha yang dilakukan oleh syarikat-syarikat ternama antaranya Shell dan IBM audit yang lebih merit kepada cara penambahbaikan. Itu yang dibuat di dalaman tetapi audit luar sekurang-kurangnya mengikut standard *auditing guard line*. Oleh sebab itu kita boleh berasa selesa. Akaun itu jelas dibuat. Kedua, kita sentiasa memantau melalui audit-audit operasi selain wakil-wakil kita Ahli-ahli Lembaga Pengarah dalam syarikat-syarikat tersebut. tersebut.

YB PUAN GAN PEI NEI : Soalan tambahan Speaker?

TUAN SPEAKER : Ya, Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI : Saya ingin bertanya tentang '*integrity pack*', dengan izin, yang dilancarkan sebelum ini. Sejauh manakah pelaksanaan pelan integriti ini di peringkat GLC?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Dato' Speaker, kita sudah mula melaksanakan. Salah satu daripada perkembangannya ialah PKNS, yang telah setuju mengambil khidmat sokongan daripada '*transparency international*' supaya '*integrity pack*' ini dapat dilaksanakan dan PKNS telah memasukkan beberapa, mereka yang dianggap mewakili pertubuhan integriti ini supaya mereka dapat bersama-sama meneliti dan mengikuti perkembangan dan kita sudah menubuhkan apa yang disebut '*audit group*' untuk perkara ini. Yang kedua, kumpulan Semesta, kita sendiri akan bincangkan dengan kumpulan Semesta yang lebih dikenal sebagai syarikat pasirlah. Dalam Kumpulan Semesta ini juga terdapat wakil-wakil yang diambil supaya dapat menguasai pentadbiran dalam menentukan pelaksanaan '*integrity pack*'. Jadi ini pun dilakukan dan beberapa wakil yang dicadangkan daripada '*transparency*

international' diambil untuk bersama-sama melaksanakan program tersebut dan jika kita dapat pelaksanaan itu lebih berterusan dan memberikan perjalanan pengurusan yang terbaik, kita mahu kembangkan usaha ini ke seluruh pentadbiran syarikat di bawah naungan MBI.

TUAN SPEAKER : Sabak? Sabak?

YB DATO HAJI WARNO BIN DOGOL : Soalan nombor 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO HAJI WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK : **RUMAH EXCO**

5. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar :
- a) Apakah status semasa Rumah EXCO tersebut?
 - b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri terhadap rumah tersebut buat masa kini?

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Sabak. YB, Rumah EXCO sekarang ini digunakan sama ada untuk program-program rasmi Kerajaan Negeri atau ia boleh ditempah oleh Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri untuk kegunaan mereka. Ianya kerap digunakan untuk kursus-kursus dan majlis-majlis pelancaran. Selain daripada Pejabat Menteri Besar, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, ia turut disewa oleh Seksyen Sektor, Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Negeri Selangor, Tourism Selangor Sdn. Bhd. dan juga Bahagian Sumber Manusia. Ahli-Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan boleh menempah melalui Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri. Pentadbiran dan penyelenggaraan Rumah EXCO ini dilakukan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Di antara program-program yang diadakan adalah kursus-kursus seperti kursus-kursus SPIES untuk Ketua-Ketua Kampung ataupun kursus-kursus untuk Ketua-ketua Kampung dan di antara acara-acara besar yang pernah diadakan adalah seperti Majlis Pelancaran Publisiti Pindaan Draf Rancangan Tempatan untuk Majlis Perbandaran Klang dan Majlis Perbandaran Sepang. Untuk rekod, bahawa untuk tahun 2010, Banglo EXCO telah disewa sebanyak 270 hari dan pada tahun 2010, Dewan Rumah EXCO telah disewa sebanyak 56 kali. Sementara pada tahun 2011, sehingga bulan April 2011, Banglo EXCO telah disewa sebanyak 98 hari dan Dewan telah disewa sebanyak 24 kali. Kerajaan Negeri belum ada lagi hasrat untuk menjual Rumah EXCO. Sekarang ini Rumah EXCO dipromosikan untuk program-program Kerajaan seperti pelancaran-pelancaran dan kursus-kursus. Terdapat Dewan dan Banglo yang boleh disewa untuk kegunaan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK : **RUMAH EXCO**

135. Kerajaan Negeri tidak menggunakan Rumah EXCO di Seksyen 7 sebagai kediaman EXCO

- a) Apakah aktiviti yang digunakan ke atas rumah tersebut?
- b) Berapakah pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti tersebut?
- c) Berapakah kos untuk menyelenggara bangunan dan kawasan perumahan tersebut?

Saya juga ingin menjawab soalan ini bersama dengan bersekali dengan soalan nombor 135 di mana ditanyakan tentang kos penyelenggaraan. Kos penyelenggaraan yang asal adalah sebanyak RM160,000.00 sebulan, yang ini adalah penyelenggaraan secara komprehensif. Tetapi setelah diambil alih oleh Kerajaan yang baru, kita telah berunding semula dan kos penyelenggaraan ini telah diturunkan kepada RM80,000.00 sebulan untuk keseluruhan, 10 Rumah EXCO. Dari segi pendapatan, pendapatannya adalah tidak tetap kerana sekiranya ianya adalah program-program Kerajaan, program-program Kerajaan Negeri, maka kita tidak meletakkan caj ataupun kita tidak meletakkan caj kepada sewaan-sewaan tersebut. Tetapi dalam masa 2011 dan 2010, jumlah yang telah dikumpul keseluruhannya adalah lebih kurang RM37,000.00. Terima kasih.

YB DATO HAJI WARNO BIN DOGOL : Soalan tambahan?

TUAN SPEAKER : Ya, Sabak.

YB DATO HAJI WARNO BIN DOGOL : Berapakah kadar sewa yang dikenakan setiap Jabatan ataupun individu yang ingin menggunakan Rumah EXCO ataupun Dewan tersebut?

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Pada asasnya, Dewan tersebut adalah RM500.00 satu hari dan Rumah EXCO kadarnya adalah RM170.00 untuk satu hari. Kadar ini ditentukan pada asalnya adalah apabila kita mula-mula hendak menyewakan Rumah EXCO ini. Kita mendapat nilai daripada Penilaian adalah lebih kurang RM13,000.00 hingga RM15,000.00 satu bulan untuk disewa. Jadi kalau kita nak sewa dengan harga yang sedemikian, memang susah kita hendak mencari akan penyewa-penyewanya. Tetapi EXCO ataupun mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk menurunkan sewa ini kepada RM5,000.00 dan apabila kita kira dalam 30 hari atau sewaan untuk sehari, kita mendapat nilai sebanyak RM170.00 sehari. Walau bagaimanapun, untuk program-program rasmi Kerajaan, kita tidak meletakkan caj untuk program-program tersebut kecuali program-program dalaman Jabatan ataupun program-program ADUN ataupun EXCO, maka kita meletakkan caj ke atas program itu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker. Sila perelaskan YB EXCO tentang kenapa wujud perbezaan yang begitu ketara kos '*maintenance*', kos penyelenggaraan dulu dengan sekarang di mana dulu 160 sekarang 180. Apa punca yang menyebabkan perbezaan itu begitu ketara? Hampir 100%.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Kita telah pergi daripada komprehensif kepada non-komprehensif. Dulu Rumah EXCO ini diduduki dan didiami 24 jam satu hari. Oleh itu, sebelum ini ada satu '*standing team*' atau pasukan yang akan duduk di situ untuk memantau

dan menukar ataupun kalau ada kerosakan, tetapi sekarang ini oleh kerana kita akan menggunakan dari masa ke semasa, maka kita merasakan bahawa tidak perlu ada '*standing team*' di situ. Bermakna bahawa sekiranya ada kerosakan, baru kita akan panggil untuk diperbaiki atau ditukar apa-apa yang perlu. Kita merasakan bahawa ini lebih menjimatkan dan juga dari segi penyelenggaraan, terdapat perkara-perkara yang tidak perlu kita semak setiap hari ataupun setiap minggu. Dari segi kerja ataupun '*checklist*' itu, boleh kita lakukan mungkin seminggu sekali atau sebulan sekali. Itu sebab, apabila kita melakukan sedemikian, kita dapat menurunkan akan kos tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar.

YB DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD : Tuan Speaker, soalan nombor 6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : **PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)**

6. PKPS ditubuhkan untuk memajukan industri pertanian di negeri Selangor bagi manfaat rakyat.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan program atau projek PKPS untuk manfaat langsung rakyat Selangor?
- b) Adakah PKPS terlibat dalam usaha melahirkan usahawan tani?
- c) Apakah unjuran keuntungan PKPS untuk disumbangkan kepada Kerajaan Negeri?

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, menjawab soalan Sungai Air Tawar. Terima kasih untuk Sungai Air Tawar yang konsisten bertanyakan prestasi PKPS dan sumbangan-sumbangan PKPS. Projek-projek PKPS yang bermanfaat secara langsung kepada rakyat negeri Selangor adalah seperti berikut:-

1. PKPS Agro Industry Sdn. Bhd., Kompleks Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan menawarkan aktiviti :-
 - a) Penyewaan lot perniagaan ikan, daging, sayur dan buah-buahan kepada orang ramai dan juga barang-barang makanan kering.
 - b) Jumlah lot perniagaan di pasar borong ialah 310 lot dan kajian dibuat oleh pihak UKM pada tahun 2008, menunjukkan pendapatan peniaga di pasar borong tersebut antara RM3,000.00 hingga RM600,000.00 sebulan.
2. Pusat Latihan Akuakultur PKPS, Bestari Jaya, Rawang, menjalankan aktiviti khusus untuk peserta dalam teknik penternakan ikan air tawar. Beberapa peserta telah pun memulakan projek mereka sendiri setelah tamat kursus. Purata jumlah peserta yang dilatih setiap bulan ialah 25 orang atau 300 orang setahun.
3. Polens Malaysia Sdn. Bhd., di Seksyen 23, Shah Alam menawarkan aktiviti :-

- a) Pemprosesan dan pembungkusan makanan kesihatan berasaskan herba dan madu.
 - b) Merangkumi aktiviti pengeluaran produk jenama sendiri, pembungkusan, kontrak dan *'trading'*.
 - c) Sejak ditubuhkan telah membantu seramai tidak kurang daripada 300 usahawan dalam pembungkusan produk-produk keluaran mereka. Pembungkusan adalah dalam bentuk kapsul, tablet atau *'sachet'*. Sebagai contoh, syarikat Sendayu Tinggi dan Naqia Corporation yang telah dibantu oleh Polens dan kini menjadi usahawan yang dah mencapai jutawan.
4. lanya baru, projek tanaman kontan, ubi kayu. Sebagai permulaan, PKPS telah membuka sebidang tanah seluas 110 ekar di Sungai Belangan, Sepang dengan tanaman ubi kayu telah disalurkan kepada IKS tempatan.

Bagi soalan kedua, PKPS membantu usahawan-usahawan tani dengan menjalankan projek pertanian yang mana hasil projek disalurkan kepada usahawan-usahawan tani untuk dipasarkan. Sebagai contoh tadi, hasil keluaran projek PKPS adalah seperti :-

- Ubi kayu – Sepang
- Ikan tilapia – Rawang
- Benih ikan keli – Rawang
- Buah-buahan tropika – Selangor Fruit Valley

PKPS juga berusaha untuk melahirkan usahawan-usahawan tani dengan menyediakan ruang perniagaan di Pasar Borong Seri Kembangan, seperti yang saya jelaskan tadi. Selain daripada itu, PKPS memberi latihan dalam teknik ternakan ikan seperti mana yang telah saya sebutkan tadi. PKPS memberi sumbangan kewangan kepada Kerajaan Negeri pada setiap tahun hasil daripada keuntungan yang dicatatkan. Unjuran sumbangan PKPS ialah 10% daripada keuntungan yang diperolehi.

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar.

YB DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD : Tuan Speaker, soalan tambahan. Terima kasih kepada YB EXCO. Saya dengar kewangan PKPS terkini kritikal tetapi YB lebih maklumlah.

- a) Sumbangan PKPS kepada Kerajaan Negeri lebih kurang 10%. Bolehkah YB jelaskan berapa banyak pendapatan PKPS pada tahun 2009 dan 2010.
- b) Pendapatan peniaga di pasar borong amat menggalakkanlah kalau di antara RM3,000.00 hingga RM600,000.00 sebulan. Mungkin boleh dijelaskan, apa jenis *'business'*, peniaga-peniaga yang dapat lebih daripada RM500,000.00 sebulan itu dan agaknya siapa-siapa mereka itu?

Terima kasih.

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Menjawab soalan tambahan, ingin saya nyatakan bahawa prestasi kewangan PKPS sekarang sangat menggalakkan. Sebagai contoh, keuntungan daripada ladang-ladang sawit. Sebelum 2008 pengeluaran sawit, ladang-ladang sawit PKPS, antara lapan ke dua belas tan per hektar per setahun. Tapi setelah kita ambil alih Kerajaan Negeri, kita pulihkan ladang-ladang ini. Hasil purata ladang sawit meningkat lapan belas ke dua puluh dua tan per hektar, dan unjuran daripada keuntungan ladang sawit sekitar lapan belas juta tahun ini. Dan anak-anak syarikat yang tidak menguntungkan kita susun semula dan pendapatan sewaan daripada bangunan PKPS juga dapat ditingkatkan. Dijangkakan pada tahun ini PKPS akan mula mencatat keuntungan yang lebih baik dan saya tidak dapat nyatakan di sini jumlah sebenar, saya tidak bawa akaun dia, saya akan beri kemudian.

Untuk aktiviti di pasar borong Selayang, ini adalah dapatan daripada kajian di UKM. Ada daripada peniaga-peniaga di pasar borong yang mendapatkan keuntungan yang tinggi, ada pemborong-pemborong ikan dan pemborong barang kering. Tetapi nama syarikat itu tak dapat saya nyatakan di sini dan akan berikan kemudian.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu.

YB TUAN WONG KOON MUN : Tuan Speaker, soalan sebelas, er.. soalan No. 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : HASIL INDUSTRI PASIR

7. Kerajaan negeri telah menetapkan sasaran hasil industri pasir berjumlah RM150 juta setahun.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah hasil industri pasir setakar pertengahan tahun 2011?
- b) Apakah strategi Kerajaan negeri untuk meningkatkan hasil pasir tahun ini sehingga mencapai sasaran RM150 juta?
- c) Bagaimanakah permintaan terhadap industri pasir bagi memastikan hasilnya meningkat?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker, soalan mengenai hasil industri pasir, saya rasa soalan itu perlu dibetulkan kerana Kerajaan Negeri tidak pernah menetapkan sasaran hasil industri ini kepada yang dilakukan oleh negeri kepada RM150 juta. Apa yang kita lakukan adalah, daripada kajian yang kita pada awal tahun 2008, seluruh industri pasir dapat menghasilkan pulangan melebihi RM150 juta. Ini sudah kita lakukan. Tetapi perkara lain yang kita lakukan adalah untuk menyelesaikan masalah pengurusan dan pentadbiran pasir yang kita dapati tidak memberikan hasil yang terbaik untuk Kerajaan Negeri dan rakyat negeri Selangor, dan ini juga telah kita lakukan. Jadi dengan penubuhan Kumpulan Semesta Berhad ini, kita dapat buktikan yang perjalanan pengurusan dan pentadbiran perlombongan pasir dapat dilakukan dengan cara yang terbaik dan teratur dan kemudian hasil yang kita dapati ini lebih

jauh daripada apa yang berlaku sebelum 2008. Sebagai contoh di Hulu Selangor sendiri, tempat Yang Berhormat, ada di Kuala Kubu Baharu, baru-baru ini pada hari Jumaat yang lepas saya menerangkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan ketua-ketua kampung tentang perbezaan hasil yang didapati hanya di pejabat daerah Hulu Selangor sendiri. Perbezaan hasil royalti pasir yang kita terima sebelum, tiap-tiap tahun, iaitu yang kita terima sebelum 2008 dibandingkan dengan apa yang kita terima pada masa sekarang.

Sebagai contoh, sebelum 2008 kita tidak mendapati pendapatan melebihi RM300,000. Sekarang pendapatan yang diterima sahaja oleh di pejabat daerah Hulu Selangor melebihi RM2.5 juta. Jadi saudara perhatikan perbandingan antara hasil dan juga pengurusan. Kedua, saya juga ingin menyatakan bahawa pada 30 Mei, (saya sekarang ambil masa) KSSB telah menunjukkan pertumbuhan keuntungan yang memuaskan, iaitu sekarang mereka dalam tempoh penjualan untuk 5 bulan, mereka membuat penjualan lebih daripada RM60 juta dan keuntungannya didapati melebihi daripada RM20 juta untuk 5 bulan sahaja. Jadi kalau dicampurkan untuk satu tahun boleh sampai ke RM40 juta setahun dan ini yang tiak pernah termasuk dalam kiraan kita sebelum ini. TEPUK....

Dan, oleh itu Kerajaan Negeri telah membuatkan beberapa program supaya dividen yang kita dapati daripada pengurusan dan pentadbiran pasir itu dipulangkan kepada rakyat. Satu program yang kita hendak lancarkan pada 15Julai ini adalah "Jom Shopping untuk Masyarakat Warga Emas" yang kita akan beri kupon RM100 setia seorang untuk mereka sama-sama dengan wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat untuk bersama-sama merasakan hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri. Dan contoh-contoh ini boleh jadi menyenangkan hati rakan kita yang bertanya soalan sebab negeri Johor sekarang barulah berasa bahawa mereka juga perlu mengadakan Task force seperti negeri Selangor untuk membetulkan masalah kecurian pasir. Saya ingat Kuala Kubu Baharu tahu sebab pengerusinya pun baru tahu bagaimana cara pengurusan pasir ini boleh dibuat dengan lebih baik daripada yang pernah dilakukan dahulu kerana kita membiarkan kecurian-kecurian yang berlaku dan kita membiarkan pemantauan-pemantauan yang tidak dilaksanakan dengan cara yang terbaik.

Saya diberitahu inilah masa, dalam masa satu tahun yang akan datang, satu keadaan permintaan pasir yang sangat banyak sebab terdapat projek-projek Greater Kuala Lumpur yang begitu besar yang menelan belanja ribuan juta ringgit untuk kita dapat berikan penawaran pasir tersebut. Dan saya berharap ahli-ahli Dewan Negeri mestilah berjaga-jaga tentang terdapatnya negeri-negeri lain menghantar pasir ke negeri Selangor dengan tidak mengikut peraturan yang betul dan hal ini boleh merugikan Kerajaan Negeri dan rakyat. Oleh sebab itu saya berharap wakil rakyat kita, dan saya juga mungkin membangkitkan perkara ini dalam Parlimen bahawa kita perlu memantau pengaliran pasir-pasir dari Perak, dari Negeri Sembilan, malangnya Johor tidak sampai ke sini, sebab dia pergi ke Singapura. Jadi... dan berapa tempat dapat kita pantau dan kita tentukan ia diurus dengan betul dan Kerajaan Negeri mendapat hasil dan pendapatan daripadanya. Terima kasih.

YB TUAN WONG KOON MUN : Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu.

YB TUAN WONG KOON MUN : Tahniah kalau kenyataan itu betul, tahniah, kalau betul. Saya nak tanya adakah Y.A.B. Ijok sudah lupa bahawa di ucapan Menjunjung Kasih Titah Tuanku 2000, tahun 2000 bulan sebelas, dikatakan bahawa sasaran untuk pendapatan pasir adalah RM150 juta. Saya rasa Yang Amat Berhormat selalu lupa, apabila membuat satu kenyataan. Yang kedua, kalau pada 2008, pendapatan di Hulu Selangor tu rendah tapi tebing

sungai tak de runtuh, jambatan tidak ada runtuh. So , soalan saya, berapakah peruntukan telah diperuntukkan untuk kerja-kerja membaiki tebing sungai, tebing sungai yang runtuh, jambatan yang runtuh, kerana saya sering dapat aduan daripada rakyat, penduduk, untuk membaiki tebing sungai dan kebanyakan kerja-kerja membaiki tebing sungai adalah daripada peruntukan persekutuan. Ini saya ada bukti semua ini. Yang Berhormat pun tahu, berapakah peruntukan sudah diberikan dan siapakah akan bertanggungjawab untuk mengadakan perbaiki ini. Sama ada KSSB ataupun Kerajaan Negeri Selangor. Sekian.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Tuan Speaker. Nampaknya saudara, Yang Berhormat Kuala Kubu, dia buat kerja tetapi salah arah. Jadi itu yang dia lakukan.... TEPUK.

Pertama, kita mengadakan pengurusan untuk menentukan yang kita melombong pasir adalah atas tujuan, iaitu supaya sungai itu dapat di perbetulkan, jambatan juga tidak roboh. Tetapi yang jelas di Hulu Selangor, terdapat keadaan pencurian yang berleluasa, bukan disebabkan oleh Kumpulan Semesta. Oleh sebab itu kita mesti bersama-sama memantau mereka. Kita mesti memantau mereka. Kalau betul saudara bawa, supaya kita dapat tunjukkan perkara ini. Ia bukan satu perkara yang tidak ada tanggungjawab sosial saudara sama dengan tanggungjawab sosial saya, kalau ia betul berlaku. Kerana daulu, kalau roboh pun saudara tidak bangkitkan. Sekarang roboh, saudara bangkitkan, baguslah. Berperingkat, bagus, akal saudara itu bersih, maknanya baik. TEPUK.... Tetapi, dahulu saudara tidak bangkitkan sebaliknya saudara biarkan sahaja. Sekarang saudara sudah bangkitkan, itu peringkat yang pertama. Peringkat kedua, kita mula sekarang mencari penyelesaiannya. Saudara mesti bangkitkan yang sebenarnya. Itu yang menunjukkan bahawa peruntukan yang dikehendaki oleh rakyat Negeri Selangor tidak disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dengan cara yang terbaik.

Oleh sebab itulah saya sendiri pergi melihat bagaimana perjalanan projek-projek ini supaya dilihat dengan cara yang terbaik. Negeri Selangor membayar lebih RM20 bilion daripada segi cukai. Sebaliknya, pendapatannya kurang RM300 juta yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Ini adilkah? Jawabnya tidak. Tetapi kalau benda ini mesti dilakukan, dia dilakukan. Saya juga sudah berbincang dengan Tuanku Sultan sebab saya menerangkan tentang apa yang berlaku. Dari semasa ke semasa, tentang pentadbiran pasir. Kalau benar-benar ia diuruskan, kita dapat mencapai RM150 juta atau lebih. Tetapi ia tidak diuruskan dengan betul. Sebaliknya ia diuruskan secara pencurian. Terdapat bekas-bekas Ketua Bahagian juga sebahagiannya membuat kerja pencurian. TEPUK.. Termasuk wakil-wakil daripada MCA juga. TEPUK... Jadi kita boleh tunjukkan, saudara boleh tunjukkan. Kita sudah lapor dah, tetapi dia yang senang, marah saja. Sekarang dia lari, tidak nak campur dalam hal ini. Jadi, saudara tu cakap banyak tetapi tunjuk apa pun tidak ada. TEPUK.. Itulah sebabnya bangsa yang beginilah yang boleh menjatuhkan rakyatnya. Itulah sebabnya kita kena ada tanggungjawab...

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Seri Setia.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Aha, Dato' Menteri Besar saya Seri Setia ingin bertanya apakah komen YAB Dato' Menteri Besar terhadap kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad dan akhbar THE STAR tentang kecurian pasir yang serius yang berlaku di Negeri Johor dan kemudian ulasan baru-baru ini oleh Dato' Menteri Besar Johor bahawa mustahil laku kecurian pasir kerana atau pun penyeludupan pasir kerana susah untuk rasuah begitu banyak pihak. Ini kenyataan Menteri Besar Johor apabila diulas kecurian pasir yang dibangkitkan oleh akhbar THE STAR dan Tun Dr Mahathir Mohamad dan saya fikir isu penyeludupan pasir ke

Negara jiran Singapura lebih serius. Itu satu pengkhianatan kepada Negara. Minta komen Dato' Menteri Besar sebab kita nak bersihkan perkara ini.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, Seri Setia perkara ini bukan disebut satu rahsia lagi tetapi satu rahsia umum (*public secret*). Sudah diketahuilah itu. Sebab itu saya nyatakan secara sambilan yang Johor sendiri merasakan. Dia perlu membetulkan perkara yang tidak betul. Ini bukan perkara yang berlaku dua, tiga tahun tetapi perkara yang berlaku puluhan tahun dan di Selangor pula perkara ini pun berlaku sudah lebih sepuluh tahun ia berlaku dan ini kita mesti selesaikan kerana kita bertanggungjawab kepada rakyat sebab sumber-sumber ini adalah dimiliki oleh rakyat termasuk saudara yang mewakili rakyat. Kenapa tidak diperbetulkan dan diperbaiki supaya hasil ini dapat dirasakan? Kenapa saudara berasa perkara ini tidak hendak dilakukan. Adakah saudara terlibat dalam perkara ini? Kalau tidak terlibat sudah tentu saudara mesti menyokong semua usaha untuk melakukan kebaikan kepada rakyat.

TUAN SPEAKER : Bukit Melawati

YB TUAN MUTHIAH A/L MARIA PILLAY : Soalan nombor 8.

**PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : SKIM PINJAMAN MIKROKREDIT

8. Skim pinjaman mikro kredit adalah satu usaha yang baik untuk menolong peniaga-peniaga kecil dan orang-orang yang ingin memulakan perniagaan kecil. Tetapi ramai pemohon telah mengadu bahawa, terdapat banyak syarat-syarat yang ketat dikenakan dan ini menjadikan permohonan mereka gagal. Oleh yang demikian, kerajaan negeri perlu mencari jalan alternatif untuk memberi peluang kepada orang ramai yang ingin memohon pinjaman ini dengan mudah.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Setakat ini berapa ramai yang memohon pinjaman ini dan berapa orang yang dapat pinjaman ?

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Bukit Melawati, Tuan Speaker saya akan menjawabnya bersama-sama dengan soalan 91 daripada Hulu Bernam, 128 daripada Seri Muda, 219 daripada Bangi dan 232 daripada Kampung Tunku. Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada saudara-saudara YB yang telah mengemukakan soalan mengenai mikro kredit ini dan saya akan mengkhususkan jawapan kepada mikro kredit luar Bandar kerana mikro kredit Bandar atau lembah adalah tugas yang diberi kepada YB Batu Tiga.

Tuan Speaker, saya lihat soalan-soalan yang dikemukakan kepada kita adalah soalan-soalan yang bersama-sama mengikuti kemajuan mikro kredit yang telah pun berjalan hampir satu tahun dua bulan lagi mencecah dua tahun di Negeri Selangor ini. Alhamdulillah YB semuanya begitu prihatin kepada program ini kerana program ini mempunyai kelangsungan kepada pembinaan masyarakat, pembangunan masyarakat khususnya Masyarakat Luar Bandar yang perlu dipimpin, yang perlu diasuh untuk mereka keluar daripada kepompong kepimpinan agar kemiskinan. Sebab itu saya memikirkan bahawa YB-YB begitu prihatin sebab ingin melihat masyarakat Malaysia ini terutama Masyarakat Luar Bandar akan keluar daripada kepompong

kemiskinan tersebut dan salah satu dan daripada mekanisma yang kita dapati penting dan begitu berkesan di akhir-akhir ini mekanisma itu ialah mikro kredit. Sebab itu Kerajaan Negeri merupakan MBI bagi mikro kredit luar Bandar telah diluluskan RM50 juta. Bagi yang di Bandar iaitu MIMBAR telah diluluskan RM20 juta jumlahnya ialah RM70 juta. Saya ingin melaporkan kepada perkembangan yang berlaku Alhamdulillah syukur saya merasakan begitu gembira dengan teman-teman yang telah diamanahkan untuk mentadbir mikro kredit ini bahawa sesungguhnya kita telah menjalankan dengan penuh keamanahan, dengan penuh transparansi, dengan penuh *transparent* dengan izin untuk menjalankan mikro kredit ini untuk Negeri Selangor. Untuk pengetahuan Yang Berhormat kepada soalan-soalan yang disebutkan tadi sehingga ini 23hb Jun 2011 kita telah meluluskan sebanyak 2,624. 2,624 orang Melayu 2,560, orang cina 25, orang India 38 orang. Dan pembahagian mengikut Daerah kita ada Sabak Bernam 712 sebagaimana yang diketahui di Sabak Bernam itulah kita melancarkan permulaan skim mikro kredit ini. Dan Kuala Selangor kita ada 456, Hulu Selangor 431, Hulu Langat 366, Kuala Langat kita ada 445, Sepang kita ada 205. Untuk pengetahuan teman-teman saya YB-YB bahawa dari segi pembangunan dan pelaksanaan ini kita telah mencapai *target* lebih daripada *target*. *Target* kita ialah untuk sekian bagi bulan Mei 2011 daripada Januari, Mei 2011. *Target* kita ialah untuk mendapatkan sasaran kita 1,550 tetapi daripada bulan Mei hingga Jun, Januari hingga Mei 2011 kita telah sudah ada 1,668 orang bermakna kita telah mensasarkan sebanyak 100%. Kita dah dapat 107% 1.76% jadi dengan berkat pegawai dan kakitangan untuk pengetahuan Yang Berhormat semua apakah rahsia dalam masa yang singkat ini kita dapati kejayaan yang begitu menonjol bagi skim mikro kredit atau skim sel di negeri Selangor ini.

Pertama ialah sistem yang diwujudkan, kita mempunyai sistem kalau Yang Berhormat pergi kepada Lam Web kita atau pun kepada skim sel Yang Berhormat nak mengetahui siapa dia yang dapat bantuan, bila dapat bantuan, berapa bantuan berapa jumlah bayaran yang dibuat dalam masa 2 minit, 3 minit kita akan dapat seluruh laporan mengenai individu-individu yang terlibat itu melalui *system computer* yang telah dihasilkan oleh mikro kredit ini. Jadi yang kedua ialah tentang ketelusan kita. Di awal-awal lagi kita telah melantik auditor Luar, iaitu Audit Luar itu Ismail Adam dan Koh dan kita mengharap dengan lantikan Audit Luar ini bahawa *system accounting* kita, sistem pembiayaan berjalan mengikut kadar, mengikut *bench mark* yang telah ditetapkan iaitu yang tidak lain dan tidak bukan kita ingin menentukan supaya setiap sen yang dibelanjakan terus sampai kepada mereka yang menerima sepatutnya menerima bantuan mikro kredit ini. Dan saya ingin menyatakan setakat ini tidak nampak, tidak ada pun laporan mengenai keciciran ataupun ketirisan mengenai program yang dilaksanakan ini. Dan saya mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan yang begitu komited, yang begitu luhur untuk menjalankan skim mikro kredit ini. Yang kedua, yang ketiga ialah tentang latihan yang dikemukakan, bukan sahaja pegawai-pegawai yang dilantik seminar-seminar yang kita anjurkan, bulanan dan mingguan, dua mingguan tetapi setiap mereka yang terlibat terutama mereka yang menerima pembiayaan daripada skim sel ini setiap minggu *without fail* dengan izin mereka akan mengikuti program-program, mesyuarat-mesyuarat, latihan-latihan, latihan *refresher, refresher* yang diberikan kepada mereka. Untuk memungkinkan mereka *immersed* dengan izin *immersed dalam system* yang kita kendalikan iaitu sistem mikro kredit ini. Samada itu antara kita dengan peminjam-peminjam begitu hubungan begitu intim sekali mengenali mereka satu persatu bukan hanya mengenali peminjam-peminjam isterinya, tapi kita mengenali suami dan anak-anaknya, siapa yang sekolah rendah, siapa yang sekolah menengah dan sebagainya. Dengan cara yang sedemikian Tuan Speaker, kita dapati pengenalan yang sedemikian, intiman yang sedemikian telah menyebabkan skim mikro kredit ini berada dalam landasan yang benar yang baik. Pembiayaan berterusan dari MBI Alhamdulillah syukur kita MBI telah memberikan setakat ini hampir RM8.9 juta kepada kita secara berperingkat-peringkat dan kita telah pun memberikan pembiayaan RM7.6 juta daripada itu. Dan kita harap MBI tiada

masalah untuk terus kita kerana kita akan telah pun diperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk membantu rakyat di perbezaan ini. Kemudian kita memakai Konsultan, kita ada konsultan daripada USM, 2 orang konsultan yang bersama-sama dengan kita *on call basis* di atas panggilan kepada mereka dan mereka telah menunjukkan satu sifat iaitu konsultan yang sangat baik dan memberikan penonjolan-penonjolan idea kepada kita input-input yang baru bagi kita membawa bagaimana skim sel dapat dilaksanakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat-Yang Berhormat bahawa kita walaupun kita baru setahun jaguh sahaja tetapi rombongan daripada Brunei daripada Yayasan Sultan Bolkiah telah datang kepada kita untuk belajar dalam keadaan bagaimanapun perjalanan skim sel untuk kita me..... di Brunei. Begitu juga kita telah mengadakan hubungan langsung dengan Indonesia, Kemboja dan Thailand supaya kita dapat berkongsi atas suasana yang sama, environment yang sama, persekitaran yang sama bagaimana kekuatan mereka dapat kita terapkan kepada kita dan bagaimana kekuatan kita dapat secara *cross fertilization* dengan izin Tuan Speaker, dapat berikan kepada mereka. Dan akhirnya Tuan Speaker dalam hal yang sedemikian kita sangat beruntung kerana diberikan ruang dan peluang untuk melihat di mana-mana Negara sahaja bahkan dalam Mesyuarat Lembaga YAB Dato' Menteri Besar sebagai Pengerusi Lembaga Amanah telah menganjurkan kepada kita untuk kita melihat *Convention-Convention* Peringkat Antarabangsa bagaimana kita nak mengangkat martabat Skim Sel di awal-awal ini supaya kita dapat menjangkau ke Peringkat Antarabangsa. Apa pun Tuan Speaker kita merasakan kejayaan setakat ini adalah kerana dorongan daripada pimpinan, dorongan daripada pekerja dan kakitangan kita dan dorongan daripada mereka yang menerima pembiayaan itu. Dan kita mengharapkan insya-Allah walaupun kita lihat angka bagi orang-orang India dan angka bagi orang-orang Cina kecil lagi tetapi kita sedang berusaha terutama di Hulu Selangor, di Kuala Selangor dan sebagainya untuk meningkat mereka dalam program skim sel ini. Terima kasih

YB TUAN MUTHIAT AS/L MARIA PILLAY : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Melawati.

YB TUAN MUTHIAT AS/L MARIA PILLAY : Kita dapat tahu RM2,600 lebih permohonan dah luluskan. Saya nak tahu juga berapa semuanya penerima diterima so kita tahu berapa ditolak.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Begitu cerita Yang Berhormat, yang pertama sekali kita mengadakan bancian. Bancian ini berdasarkan kepada laporan daripada JKK dan daripada Ketua-ketua Masyarakat diberitahu kepada kita satu-satu Daerah dipecah-pecahkan kepada area-area, kepada kawasan-kawasan untuk kita buat bancian dan kita akan pergi rumah ke rumah. Rumah ke rumah itu biasanya yang memperolehi bantuan ini setelah kita melihat semuanya sekali *mereseume* mereka, kekuatan dan kelemahan mereka dan kemampuan mereka biasanya lebih kurang daripada 30 ke 40% daripada mereka diterima. Yang lain tidak dapat diterima kerana mereka tidak memenuhi prasyaratnya yang kita ada. Misalnya prasyarat yang kita adalah ialah tentang pendapatan mereka. Pendapatan keluarga mesti RM1,500, yang kedua mereka hendakkan pinjaman sampai RM10,000 hingga RM20,000 kebanyakan memerlukan pinjaman yang besar. Ada yang datang yang nak pinjam RM250,000 itu bukan skim sel dan skim mikro kredit. Jadi orang-orang ini memang sudah terkeluar di awal-awal lagi daripada senarai mereka. Tetapi apa yang saya nak sebutkan Yang Berhormat kita melayan semua sekali kepada siapa yang didapati memenuhi segala syarat yang kita telah kenakan saya yakin kita akan berikan bantuan ini kepada mereka. Kalau Yang Berhormat ada nama-nama mereka yang mempunyai, memenuhi prasyarat-prasyarat itu berikan kepada saya Insya-Allah kalau mereka benar-benar memenuhi syarat-syarat itu mereka akan dipertimbangkan untuk mendapatkan bantuan tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, soalan no. 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PRESTASI KEWANGAN NEGERI SELANGOR

9. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :
- a) Sila nyatakan secara terperinci bagaimanakah prestasi kewangan Negeri Selangor secara perbandingan sejak 3 tahun yang lepas ?
 - b) Sila nyatakan setakat manakah tempias kenaikan inflasi terhadap kedudukan kewangan Negeri Selangor secara holistik ?
 - c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang telah dan bakal diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kedudukan kewangan Negeri Selangor sentiasa berada dalam keadaan stabil dan kukuh ?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan Yang Berhormat Sekinchan kerana mengemukakan soalan itu dan hendak mengetahui tentang prestasi kewangan Negeri Selangor. Saya baru sahaja menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Negeri yang bertarikh 5 Julai ini dan kita diberitahu bahawa lembaran imbalan kewangan kita iaitu wang tunai kita pada 30 Jun 2011 yang biasanya berakhir pada 30 Jun. Wang tunai kita ialah RM1,110 juta berbanding dengan Disember 2010, sebanyak RM918 juta dan pelaburan kita tetap pada RM557 juta pada 30 Jun 2011 iaitu berapa hari yang lepas dan pada 31 Disember adalah RM668 juta. Oleh itu kalau kita satukan, maka jumlah kewangan kita adalah RM1.76 ribu juta berbanding RM1.58 ribu juta. Maknanya, dalam masa enam (6) bulan kita berjaya meningkatkan *reserve* kita hampir RM200 juta ringgit, (tepuk meja). Ini kita baru tunjukkan sebab kita diminta dan ini saya rasa keadaan kewangan kita adalah antara yang terbaik sejak 7/8 tahun sebab kita dapat (tepuk meja) menunjukkan bagaimana pengurusan yang kita lakukan dan kedua saya hendak sebutkan di sini sebab perkara ini ada kalanya boleh jadi Yang Berhormat semua kurang dapat maklumat dan apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Ahli *EXCO* kita tadi mengenai hansard bukan dimasukkan dalam akaun ini sebab duit ini, duit yang kita gunakan untuk projek mikro kredit ialah hasil daripada kutipan hutang yang tidak termasuk dalam buku ini pun. (Tepuk meja). Hah! Ini kutipan hutang yang kita kutip. Kita dapat dan kita kumpulkan dalam MBI dan kita peruntukkan RM50 juta untuk projek ini. Oleh sebab itu kalau kita campur-campurkan akaun ini boleh jadi lebih besar dan lebih banyak tetapi secara konservatif *accounting* kita hanya ambil duit yang dalam Akaun Disatukan dan tidak kita cantumkan dengan pelaburan dan hasil-hasil yang dibuat oleh MBI ataupun syarikat-syarikat di bawah jagaan Menteri Besar Incorporated. Saya secara terperinci mendapati keadaan kewangan kita adalah memuaskan jika dibandingkan dengan keadaan-keadaan yang selepas ini.

Saya berterima kasih kepada Pegawai-pegawai Kerajaan yang dapat mengurus dan mengutip hasil-hasil dan salah satu daripada perkaranya ialah bagaimana kecekapan kita mengutip hasil-hasil tersebut dan pengalaman sebelum 2008 adalah menentukan mereka ini dapat mengutip hasil-hasil dengan rekod-rekod keputusan yang didapati mereka yang tidak berjaya juga

dikenakan hadiah. Jadi untuk pengalaman saudara-saudara semua, saudara mengenakan hadiah penyapu tetapi Kerajaan Pakatan Rakyat tidak menghendahkan cara begitu cara yang dihendahkan oleh kita ialah memberikan mereka teknologi, maknanya teknologi. Maknanya kita dapati cara pengutipan itu perlu diperbaiki sebab rekod-rekod orang yang membayar hasil itu tidak selaras. Tanah-tanah yang pembayaran hasil itu tidak mantap sebab, kerana terlalu banyak fail yang perlu dijaga. Oleh sebab terlalu banyak fail yang perlu dijaga sudah tentulah kecekapan kita tidak begitu baik.

Jadi bagaimana Kerajaan Negeri sekarang, Pakatan Rakyat menyelesaikannya?

Kita *digitalize* rekod. Hah! Jadi esok bolehlah saudara melihat bagaimana kita digitalize rekod. Seluruh 2 juta rekod kita *digitalize*! Jadi saudara pakai *thumb drive* sahaja. Saudara boleh masuk, saudara boleh tahu mana tanah dan mana hasil dan itu lebih baik daripada penyapu. Oleh sebab itulah kita tunjukkan perbelanjaan untuk *digitalization* juga dibiayai oleh MBI hasil kutipan daripada hutang yang orang sudah kena bayar kerana yang tidak diambil kira oleh Kerajaan sebelum ini. Jadi saya hendak terangkan kemantapan kewangan kita ini bukan sahaja di peringkat Kerajaan Negeri tetapi juga di peringkat MBI dan ini kita lihat pengurusan-pengurusannya. Saya ada data, sebab itu berapa banyak Yang Berhormat belanja, berapa banyak yang digunakan saya pun semua ada data di sini. Dan sudah tentulah rakan-rakan daripada pihak pembangkang hendak tahu apa yang dia boleh dapat dan saya juga boleh menjawab tentang kontrak-kontrak yang diberi. Saya sudah ada jawapannya tetapi saya menunggu masa yang sesuai untuk menerangkan kepada Kerajaan sebab sudah ada juga sekarang nampaknya rekod negeri ini yang sangat *transparent*. Hah itu sangat bagus kerana semua orang akan tahu dan dapat menilai tentang kebaikan dan kejayaan pengurusan-pengurusan ini.

Langkah-langkah agar sentiasa berada dalam stabil dan kukuh adalah disiplin. *It is financial discipline*. Maknanya rekod mesti baik, cara mesti baik dan ramai rakan menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak, tidak menunaikan tanggungjawabnya untuk menyalurkan peruntukan kewangan yang sesuai untuk negeri Selangor. Oleh sebab itu, kita mahu berbincang dengan seluruh Dewan dan Ahli-ahli daripada Pakatan Rakyat bagaimana kita dapat menggunakan *reserve* kerana kita dapati peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan tidak memuaskan. Saya telah cadangkan dalam Dewan, dalam Parlimen supaya kita adakan sebagaimana yang dilakukan di negara-negara maju seperti Australia yang mempunyai negeri dan persekutuan-- *The federalization*. Di Kanada, cara peruntukan itu kepada negeri-negeri adalah berasaskan beberapa perkara:-

1. Jumlah hasil yang dikutip oleh negeri. Kalau kutipan itu banyak sudah tentulah peruntukan diberi kepada negeri lebih sesuai.
2. Sudah tentulah negeri-negeri yang miskin diberikan keutamaan, juga dimasukkan dalam formula tersebut. Formula tersebut disebut *equalization system*.

Dan ini kalau berlaku, hah! Sudah tentulah kita tidak berbincang dalam Dewan ini bagaimana peruntukan itu tidak dilakukan dengan cara yang terbaik. Hah! Ini juga kita perlu bersihkan kerana ini yang sangat perlu supaya setiap rakyat Selangor yang membayar cukai sudah tentulah mesti mendapat hasil dan pulangan daripada cukai yang dibayar itu dengan cara yang adil, telus dan bersih. Oleh sebab itulah saya harap kita dapat lakukan perkara ini.

TUAN SPEAKER : Bangi

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, soalan No. 10

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : TANAH RUNTUH DI HULU LANGAT

10. Tanah runtuh yang berlaku di Hulu Langat telah menyebabkan 16 orang anak yatim di Madrasah Al-Hidayah At-Taqwa terkorban pada 21 Mei 2011 yang lepas

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Kecuaian pihak manakah yang menyebabkan tanah runtuh tersebut boleh berlaku?
- b) Apakah tindakan pembelaan yang diambil untuk mengelakkan kejadian tanah runtuh terus berlaku?
- c) Apakah tindakan pembelaan terhadap Madrasah dan pelajar?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, kejadian tanah runtuh yang berlaku di Hulu Langat yang telah menyebabkan 16 orang anak yatim di Madrasah Al-Hidayah At-Taqwa terkorban pada 21 Mei 2011 yang lepas disebabkan oleh beberapa faktor. Yang utamanya adalah aktiviti manusia di mana cerun potongan dibina terlalu curam dan dibiarkan tanpa sebarang kaedah pengukuhan cerun. Tambahan pula terdapat ketiadaan zon penampunan dengan izin *buffer zone* dan juga ketiadaan penyelenggaraan kawasan cerun tersebut. Jadi apa langkah Yang Berhormat Bangi telah menanya bagaimana kita boleh mengelak kejadian tanah runtuh terus berlaku saya ingin maklum kepada Yang Berhormat bahawa kejadian tanah runtuh adalah sesuatu yang boleh dikatakan semula jadi, *it's natural to have land slide* dengan izin tetapi dengan campur tangan manusia kekerapan kejadian tanah runtuh boleh berlaku dengan lebih kerap jadi kita perlu satu sifat yang lebih bertanggungjawab iaitu kita perlu:-

1. Memantau
2. *Maintainance* ataupun menyelenggarakannya
3. Kita juga perlu ada program untuk menasihati dan juga memberi kesedaran awam kepada orang awam khususnya yang duduk di kawasan cerun tepi bukit ataupun cerun.

Di MPKj, unit cerun akan ditubuhkan di bawah Jabatan Kejuruteraan yang mana fungsinya adalah untuk memantau pembangunan di kawasan berbukit, cerun dan tanah tinggi selain daripada itu *task force* juga telah ditubuhkan untuk menjalankan inventori bagi kawasan pembangunan kawasan tanah tinggi di Hulu Langat. Di peringkat negeri kita ada satu jawatankuasa khas untuk memantau projek-projek di kawasan sensitif alam sekitar yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Negeri. Tindakan ataupun bantuan yang telah dihulurkan kepada Madrasah dan juga pelajar-pelajar adalah:-

1. Sumbangan tunai yang berjumlah sebanyak RM206 ribu ringgit diberi kepada semua keluarga mangsa-mangsa.

2. Pelajar-pelajar dan penghuni telah ditempatkan sementara di asrama anak yatim yang berdekatan.

Penempatan semula di lokasi yang lain akan dibina setelah laporan kejadian yang ini disiapkan dan satu tapak tanah sudah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri di mana Madrasah itu yang tersebut boleh pindah pada masa yang terdekat dan kawasan itu, tapak tersebut diletakkan di kawasan berhampiran dengan Semenyih.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Bangi telah melawat bagi kali kedua

TUAN SPEAKER : Bangi dulu.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Bangi telah melawat ke kawasan apa dia ni tanah runtuh bagi kali kedua, 30 Jun 2011. Pengerusinya Dr. Idris memaklumkan kepada Bangi bahawa mereka kurang senang kalau diberi tapak di Semenyih kerana ini jauh dan terpaksa di alih semua apa dia ni yang berhubungan dengan kegiatan persekolahan ke sana. Jadi kalau boleh, diberi di ertinya kawasan yang berdekatan. Kemudian sejauh mana apa dia ni Kerajaan Persekutuan yang telah berjanji nak memberi peruntukan binaan dilaksanakan ataupun sudah ada peruntukan untuk pembinaan bangunan. Terima kasih.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Bangi kalau pihak Madrasah ada masalah dengan tapak yang telah dikenal pasti memang kita boleh bincang lagi tetapi saya juga ingin nasihatkan pihak Madrasah dan juga pihak-pihak yang ingin menolong kalau berdekatan kawasan tersebut, kalau kita boleh sudah pergi ke sana, kawasan yang di mana bencana berlaku, kita boleh lihat kawasan cerun di sana boleh dikategorikan sebagai kritikal. Terlalu banyak cerun di kawasan itu di potong sewenang-wenangnya terdapat banjir dan sebagainya, itu adalah satu signal ataupun isyarat kawasan tersebut tidak begitu selamat. Jadi saya juga ingin maklum bahawa kalau boleh cari pihak Madrasah boleh mencari tapak yang lebih kukuh yang lebih selamat untuk anak-anak mereka. Keduanya tentang bantuan yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan itu adalah antara pihak Madrasah dan juga Kerajaan Persekutuan kita tidak akan campur tangan selain kalau Kerajaan Persekutuan tidak mengotakan janji mereka.

TUAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa.

YB TUAN MOHAMAED AZMIN BIN ALI : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, sebahagian besar rakyat yang saya wakili di Bukit Antarabangsa duduk di cerun-cerun bukit dan di tepi-tepi, di lereng-lereng bukit. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kejadian tanah runtuh seperti yang berlaku di Hulu Langat dan Bukit Antarabangsa pada bulan Disember pada 2008 tidak akan berulang dan apakah asas yang telah digunakan? Berdasarkan persoalan tambahan saya berhubung laporan tanah runtuh Bukit Antarabangsa dan laporan risiko banjaran Hulu Kelang yang telah disiapkan oleh IKRAM dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Kerja Raya pada tahun 2007 yang telah diklasifikasikan sebagai Rahsia Rasmi Kerajaan (OSA). Apakah Kerajaan Persekutuan telah bersetuju dengan desakan Kerajaan Negeri untuk membuatkan laporan ini menjadikan laporan awam dan berdasarkan laporan ini Kerajaan Negeri mampu mengambil tindakan dan langkah-langkah yang sewajarnya bagi menangani masalah yang

boleh membebankan rakyat sehingga mencabut nyawa mangsa-mangsa di kawasan berkenaan.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Bukit Antarabangsa, beberapa langkah sudah dijalankan di kawasan Bukit Antarabangsa di bawah MPAJ / Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Di antaranya adalah penubuhan sebuah kumpulan yang dipanggil "*sloopword*" satu NGO yang bertugas di sana untuk : -

1. Meningkatkan kesedaran awam di antara penduduk-penduduk di sana.
2. Untuk juga mengenal pasti beberapa kawasan kecerunan yang boleh dikatakan berisiko tinggi
3. Kerjasama dengan pihak dan agensi yang berkenaan termasuk MPAJ untuk memperbaiki beberapa kawasan cerun yang memang ada sedikit kelemahan tersebut.

Kita juga telah maklum kepada penduduk-penduduk di kawasan Bukit Antarabangsa khususnya di mana kawasan cerun tersebut masih di bawah hak milik mereka. Mereka perlu menyelenggarakan di kawasan tersebut dengan lebih baik dan mengukur "*big impose*" kawasan cerun di mana rumah ataupun hak milik tanah mereka diletak. Tentang laporan risiko banjaran Hulu Kelang, saya dengan dukacitanya saya ingin memaklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa setakat hari ini sampai hari ini kita belum dibenarkan untuk membaca dan melihat laporan tersebut yang masih di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) "*Official Secret Act*" ini adalah satu perkara yang amat mendukacitakan kerana:-

1. Keselamatan rakyat Selangor adalah perlu diutamakan. Kalau kita dengar slogan daripada Perdana Menteri "Rakyat Di Utamakan" tapi Bukit Antarabangsa saya memang rasa sedih mereka langsung tidak diutamakan.
2. Bukan sahaja laporan risiko banjaran Hulu Kelang tapi laporan bencana tanah runtuh yang berlaku Disember 2008, laporan itu masih d bawah OSA sehingga hari ini. Bagaimana Kerajaan Negeri boleh membuat pembangunan atau perancangan untuk membangun di kawasan tersebut kalau kita tidak dapat maklumat yang terperinci dan tepat dan betul. Bagaimana penduduk di sana boleh tidur setiap malam dengan selesa dengan nyaman kalau mereka tidak tahu cerun di belakang rumah mereka akan runtuh atau tidak.

Jadi, Yang Berhormat saya juga harap Kerajaan Persekutuan pada masa yang terdekat boleh membentangkan satu undang-undang khas, iaitu undang-undang seperti di ... yang telah kita luluskan di negeri Selangor iaitu Akta Maklumat Kebebasan " " dengan F.O.I. saya rasa semua perkara ini yang perlu diberi kepada penduduk, yang perlu diberi kepada Kerajaan Negeri, semua akan terbongkar pada masa terdekat.

TUAN SPEAKER : Kota Alam Shah.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya No. 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : PROGRAM SKIM MIMBAR

11. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah jumlah orang yang telah layak setakat ini mengikut komposisi kaum bagi program Skim MIMBAR yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor?
 - b) Berapakah jumlah orang yang telah layak setakat hari ini mengikut komposisi kaum bagi program Skim MIMBAR di kalangan peminjam-peminjam tersebut?
 - c) Sejauh manakah program Skim MIMBAR ini berkesan di dalam membantu para peminjam-peminjam tersebut?

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker, saya menjawab sekali soalan 173 daripada Balakong dan 100 eh! 202 dari Seri Muda. Soalan yang dikemukakan adalah Kota Alam Shah bertanyakan soalan tentang "Berapakah jumlah orang layak setakat ini mengikut komposisi kaum bagi program Skim MIMBAR?", soalan ini juga sama dengan soalan (b) jadi saya akan jawab sekali. Untuk sehingga Jun 2011, kalau diikutkan di sini peratusan atau jumlah kaum yang mendapat bantuan adalah Melayu, India, China dan orang asal. Melayu: permohonan yang diterima 4458 dan peserta yang berjaya sebanyak 943 orang. India 744 yang telah bermohon dan yang telah berjaya sebanyak 179 orang. Cina 157 orang yang memohon dan yang telah berjaya sebanyak 25 orang, orang asal yang memohon seorang dan mereka mendapat 100%, seorang itu telah dapat pinjaman. Rata-rata Tuan Speaker dan Kota Alam Shah purata yang memohon dan berjaya adalah, sebenarnya yang berjaya adalah sebanyak 20% yang telah layak, tidak mengira apa pun kaum. Kerana kita lihat di sini kebanyakan sebab-sebab penolakan dibuat adalah sebagaimana yang diberitakan oleh Gombak Setia, kebanyakan mereka ini memohon pinjaman melebihi sebanyak 5000.00. Sedangkan program MIMBAR ini atau Mikrokredit Bandar ini kita peruntukan kepada pinjaman tidak melebihi 5000. Begitu juga kita tolak disebabkan oleh syarat, pra-pra syarat yang tidak layak ataupun mereka tidak dapat menepati pra syarat yang telah ditetapkan juga ada juga yang ditolak itu berdasarkan kepada mereka ada berada di bawah atau di kawasan luar bandar yang mana kita memajukan, memajukan permohonan itu kepada Skim Sel supaya mengambilnya sebagai salah satu pinjaman atau buku atau borang permohonan yang kurang diproses.

Untuk soalan kedua "Sejauh manakah program Skim MIMBAR ini berkesan di dalam membantu para peminjam-peminjam tersebut?" Alhamdulillah saya lihat kali ini sambutan yang memberangsangkan. Kalau kita lihat tidak sampai empat (4) bulan dilancarkan bermula Mac 2010 kita dapati bahawa hampir 5360 di mohon bukan itu sahaja kita lihat bahawa skim ini benar-benar, bila kita tengok dari jumlah yang memohon ini kita dapati bahawa benar-benar dapat apa ini... liputan yang meluas, dan ramai pemohon yang dipanggil untuk memohon. Dan kita lihat daripada maklum balas daripada Pemohon mereka layak, yang telah layak, mereka mengatakan bahawa Alhamdulillah mereka apa ni begitu terharu apabila tidak adanya produksi daripada sudut dokumentasi contohnya tidak ada syarat untuk ada penjamin, tiada syarat untuk

apa ini untuk memastikan dokumen-dokumen yang banyak, dan sebagainya. Tetapi yang penting di sini, rata-rata ia berkesan bila mana ramai peminjam-peminjam ini yang terdiri daripada usahawan-usahawan kecil ini yang sebenarnya perlu suntikan modal pada masa yang tepat, ya. Kebanyakannya suntikan modal atau modal yang betul yang diperlukan ini sebenarnya mereka mohon tetapi disebabkan birokrasi yang banyak itu akhirnya mereka terlepas peluang perniagaan yang sepatutnya pada masa satu bulan atau dua bulan sahaja mereka boleh laksanakan tapi terlepas. Tapi dengan skim Mikrokredit Bandar ini Alhamdulillah kita dapati sejumlah 1048 orang yang telah diterima selama dalam masa empat (4) bulan ini dan kebanyakannya juga ia dapat berlangsung atau menjayakan program perniagaan yang telah mereka lakukan. Dan mengapa saya katakan skim ini begitu berjaya kerana hasil pemantauan bayaran yang dibuat juga kita lihat bayarannya alhamdulillah 100% tidaklah kata 100%, 99% sebab 1% itu kebanyakannya ramai lagi tidak faham tentang bayaran semula yang boleh kita buat secara *online*. Tetapi yang lebih menggembirakan bila mana ada peminjam-peminjam yang membayar melebihi daripada apa yang mereka janjikan, Kalau katakan tahun, bulan ini dia bayar 130 disebabkan rezeki perniagaan yang dijalankan itu mereka membayar lebih daripada apa yang ada Alhamdulillah. Mereka mengatakan bahawa ia supaya cepat menyelesaikan bayaran pinjaman yang sedia ada. Untuk soalan sekali, yang saya cakapkan tadi Tuan Speaker tentang apakah “Memandangkan kurangnya sambutan kaum cina, apakah langkah-langkah kerajaan negeri untuk memperbaiki keadaan ini?” soalan daripada Balakong, jadi saya menyatakan di sini langkah-langkah yang telah diambil pertamanya kita telah pun mendapat bantuan daripada MES dan pusat-pusat khidmat yang ada. Di setiap kawasan untuk giat menyebarkan maklumat kepada penduduk yang berbangsa cina dan di Kampung Baru Cina. Yang keduanya, pihak MIMBAR akan membantu secara langsung taklimat dan penerangan lanjut di samping menjalankan sesi soal jawab antara rakyat. Yang kita tengok di sini bahawa kadang kala masalah komunikasi itu yang menyebabkan kadang kala maklumat itu tidak begitu jelas pada kaum cina. Jadi, pada 25 Jun yang lepas, MIMBAR telah pun mengiklankan jawatan kosong yang telah dibuat Sin Jun We Po yang telah pun kita keluarkan, Alhamdulillah mudah-mudahan nama-nama pemohon itu telah boleh mula bekerja dan kita telah mempunyai jawatan pekerja yang diambil daripada berbangsa cina untuk mula bekerja di dalam MIMBAR, kita membuat permohonan ini tidak, atau pun kita buka peluang untuk pekerja-pekerja berbangsa cina ini melalui pusat-pusat khidmat tapi nampaknya belum ada sambutan jadi kita buka secara iklan di surat khabar. Dan keempatnya, MIMBAR telah membuat taklimat dan program di kawasan-kawasan yang berbangsa cina melalui penyelarasan DUN yang dilantik melalui PBT-PBT yang terbabit. Jadi, itu sahaja Tuan Speaker jawapan daripada saya. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Masa perbahasan telah tamat. Jadi saya menangguhkan dewan ini untuk aturan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-Undang Enakmen Pembekalan Tambahan No. 2 Tahun 2011 semua peringkat.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-Undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan Peraturan Tetap 78 ditangguhkan. Peraturan Tetap 78 dan 53 bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju kata “YA”. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju kata “TIDAK”. Dipersetujui.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama satu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk Perbelanjaan Tambahan Perkhidmatan 2011 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu dibacakan kali pertama.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Rang Undang-undang ini dibacakan buat kali pertama.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-undang ini bernama satu Enakmen bagi menggunakan bagi sejumlah wang negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan bagi tahun 2011 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu pada tahun itu.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk kuasa sekretari bagi bayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan negeri 2011 yang tidak diperuntukkan oleh undang-undang yang sedia ada. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Melalui Enakmen Pembekalan 2011, 2010 yang diluluskan pada 8 November 2010 sejumlah RM1, 430, 000.00 diperuntukkan bagi perbelanjaan perkhidmatan negeri dan seterusnya melalui Enakmen Pembekalan Tambahan No. 1 Tahun 2011 pula sebanyak RM49,300, 00.00 diluluskan pada 1 April 2011 untuk perbelanjaan pertama perkhidmatan. Berpandukan keperluan kewangan masa dan anggaran perbelanjaan hingga Disember 2011 terdapat kekurangan peruntukan bagi jabatan-jabatan tertentu. Sehubungan itu, peruntukan tambahan sebanyak 114 226 965.12 adalah diperlukan bagi menampung kekurangan tersebut. Peruntukan tambahan ini diperlukan oleh jabatan-jabatan seperti berikut:

P03 Pejabat Dewan Negeri sebanyak RM1, 268, 205.12.

P12 Jabatan Kerja Raya Selangor sebanyak RM10 Juta.

P13 Jabatan Pengairan Saliran Selangor sebanyak RM1, 800, 000.00.

P29 Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) sebanyak RM81, 130, 760.00.

P06 Caruman Kepada Kumpulan Wang Negeri sebanyak RM20, 280, 000.00.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Peruntukan tambahan bagi maksud bekalan B03 Pejabat Dewan Negeri sebanyak satu juta dua ratus enam puluh lapan ribu dua ratus lima ringgit dan dua belas sen adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan kenaikan elaun Ahli Dewan Negeri yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 12 April 2011. Bagi maksud B12 Jabatan Kerja Raya Selangor pula tambahan sebanyak sepuluh juta adalah diperlukan bagi pembelian kenderaan Jabatan. Bagi B13 Jabatan Pengaliran dan Saliran Air Selangor diperlukan sebanyak satu juta lapan ratus ribu ringgit. Peruntukan tambahan ini pula adalah bertujuan untuk pembelian kenderaan Jabatan. Maksud B29 Perbendaharaan Negeri perbelanjaan am tambahan sebanyak lapan puluh satu juta satu ratus tiga puluh ribu tujuh ratus enam puluh ringgit di bawah objek sebagai empat dua kosong, kosong pemberian dalam negeri adalah dikehendaki untuk perbelanjaan seperti berikut sebanyak enam puluh satu juta enam ratus ribu adalah dikehendaki untuk membiayai bayaran bil air percuma dan cetakan kupon sebanyak sepuluh juta pula diperuntukkan untuk tabung amanah bencana alam, perumahan

bagi menampung perbelanjaan bencana alam di negeri Selangor. Sebanyak ringgit Malaysia lapan juta satu ratus enam puluh lapan ribu diperuntukkan untuk penyelarasan penyata pelaburan Kerajaan Negeri dengan tabung amanah pengurusan berpusat sebanyak satu juta tiga ratus enam puluh dua ribu tujuh ratus ringgit diperuntukkan bagi menampung keperluan pengurusan panggung teater oleh Majlis Bandaraya Shah Alam. Bagi maksud B06 caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri tambahan sebanyak dua puluh juta dua puluh lapan ribu ringgit adalah dikehendaki untuk perbelanjaan bagi P01 Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan penjelasan tadi saya mencadangkan satu enakmen perbekalan tambahan nombor dua, dua kosong-kosong satu bagi menggunakan wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan kedua tahun 2011 berjumlah seratus empat belas juta dua ratus dua puluh enam ribu sembilan ratus enam puluh lima ringgit dan dua belas sen, dan memperuntukkan wang itu bagi maksud yang tertentu dibaca kali kedua.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian cadangan ini telah pun disokong saya dikemukakan rang undang-undang ini dibahaskan. Dipersilakan Sungai Burong.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker. Ahli-Ahli Yang Berhormat *Assalamualaikum warahmatuhhi wabarakatuh*. Sungai Burong mengucapkan setinggi penghargaan terima kasih kerana diberi peluang untuk memperbahaskan enakmen perbekalan tambahan bilangan nombor dua 2011. Jumlah peruntukan yang dipohon ialah sebanyak RM seratus empat belas juta dua ratus dua puluh enam ribu seratus enam puluh lima dan dua belas sen dari peruntukan wang yang disatukan Negeri. Ini menunjukan sebanyak tujuh perpuluhan sembilan lapan peratus daripada anggaran belanjawan 2011 iaitu sebanyak RM satu ribu empat puluh ribu juta. Pada Mesyuarat Pertama DUN, Dewan Undangan Negeri pada bulan Mac 2011 Dewan Undangan Negeri telah pun meluluskan perbekalan tambahan yang pertama iaitu sebanyak RM empat puluh sembilan juta tiga ratus ribu ringgit iaitu sebanyak tiga perpuluhan empat dua peratus daripada anggaran belanjawan 2011, Dengan kelulusan tambahan kedua ini bermakna kita akan memperuntukkan tambahan sebanyak RM seratus enam puluh tiga juta dua ratus dua puluh enam ribu sembilan ratus lima ringgit iaitu sebanyak sebelas perpuluhan empat peratus daripada anggaran perbelanjaan 2011. Dan dalam tempoh enam bulan kita dapati sebanyak dua kali permohonan peruntukan tambahan ini telah dibuat, peruntukan tambahan ini merupakan jumlah yang besar dan ini menunjukkan bahawa terdapat rancangan dalam membuat belanjawan yang lemah dan kurang teliti. Ini juga jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri bukan sahaja gagal, merancang dan menjangka keperluan perbelanjaan tetapi nampaknya gagal juga mengawal dan menyelesaikan perbelanjaan mengikut keperluannya. Mengapa persoalannya ialah mengapa Kerajaan Negeri tidak merancang dengan lebih awal dan membuat perancangan dengan cara *ad hoc* dengan izin yang akhirnya kita lihat dapat menjejaskan kewangan.

Y.A.B. Menteri Besar sebagai seorang tokoh korporat yang profesional dan bertanggungjawab sepatutnya telah membuat perancangan dan analisis yang terperinci semasa membuat belanjawan 2011 dan semasa dalam membuat peruntukan tambahan yang pertama pada bulan Mac yang lalu dan kerana itu kita tidak perlulah membuat permohonan untuk peruntukan tambahan-tambahan seperti ini. Dengan Enakmen Belanjawan tambahan yang kedua ini menunjukkan bahawa kita tidak dapat membuat sesuatu perancangan secara holistik dan sempurna. Tuan Speaker dalam mesyuarat pertama Selangor pada bulan Mac yang lalu

Dewan yang mulia telah juga tambahan pertama sebanyak RM empat puluh sembilan juta di bawah empat puluh dua ribu iaitu pembelian dalam Negeri untuk membiayai kos program air percuma bagi 20 meter padu bagi tempoh April hingga Julai 2011. Kali ini Kerajaan Negeri memerlukan tambahan sebanyak RM enam puluh satu juta enam seratus ribu untuk membiayai bayaran bil air percuma dan cetakan kupon. Sungai Burong ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri yang pertama selama manakah Kerajaan ini akan mampu mempunyai sumber kewangan untuk terus membiayai kos air percuma yang dianggarkan sebanyak RM seratus dua puluh juta tahun. Kedua daripada jumlah tersebut berapa peratuskah telah dapat dinikmati oleh golongan rakyat yang berpendapatan rendah dan berapa peratuskah pula yang dinikmati oleh rakyat berpendapatan tinggi dan kaya. Yang ketiga bukankah jumlah yang besar itu lebih manfaat untuk digunakan bagi membiayai perkhidmatan sosial yang lebih kritikal seperti menyenggarakan kemudahan-kemudahan lif dan kemudahan asas bagi rumah-rumah rendah dan sederhana yang rata-ratanya dihuni oleh rakyat yang berpendapatan rendah atau pun juga kepada pembinaan atau penyelenggaraan jalan-jalan di kampung-kampung dan di luar Bandar yang akhir ini didapati banyak telah rosak dan tidak dipedulikan oleh Kerajaan Negeri.

Nampak Kerajaan Negeri tidak ada pilihan lain kerana ini adalah janji-janji popular yang telah dijanjikan dalam pilihanraya 12 yang lalu. Tuan Speaker saya berharap peruntukan-peruntukan tambahan ini merupakan permohonan peruntukan tambahan yang terakhir tahun 2011 ini. Saya sangat berharap selepas ini kita tidak akan lagi dengar permohonan-permohonan untuk mendapatkan permohonan tambahan kerana ini menunjukkan kelemahan-kelemahan daripada segi perancangan. Berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman yang masa lalu saya rasa tidak yakin bahawa peruntukan tambahan ini bagi kali yang terakhir selagi Kerajaan Negeri mendekati pendekatan yang *popilistic* semata-mata saya menjangkakan ada lagi peruntukan-peruntukan tambahan yang akan datang. Kita menunggu apa yang berlaku di masa akan datang. Setakat itu perbahasan saya bagi permohonan perbekalan tambahan ini, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : *Assalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan reformasi dan bersih. Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian perbahasan bajet tambahan ataupun belanjawan tambahan yang telah diusulkan oleh Kerajaan Negeri pada pagi ini dan sebelum saya memulakan perbahasan ini saya ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada pimpinan dan seluruh rakyat Negeri Selangor yang telah berani, bangun untuk berhimpun secara aman mendokong bersih pada 9 Julai yang lalu di *Forviden City* Kuala Lumpur. Saya rasa kagum apabila melihat perhimpunan yang mencecah lebih seratus ribu rakyat Malaysia, pelbagai kaum dan majoritinya anak muda.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker minta laluan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Belum Habis ayat lagi

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Minta laluan ya.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Tetapi sebelum itu ucapan tahniah kepada Taman Templer, yang memakai tali leher kain kuning pada hari ini. Terima kasih.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker terima kasih tidak perasan kebetulan ini tanggungjawab lain pula. Tuan Speaker saya nak tanya Yang Berhormat Bukit Antarabangsa jadi adakah terang-terang Yang Berhormat mengaku bahawasanya perarakan yang kononnya seratus ribu yang saya rasa tidak seratus ribu bersih ini adalah khas parti pembangkang yang

war-warnya yang dinyatakan pihak-pihak kepimpinan tertinggi yang bahawasanya ini bukan agenda parti pembangkang tetapi NGO-NGO ingin bersih-bersih tapi tidak tahulah rumah ke bersih masjid tetapi adakah ini agenda di mana hari ini sendiri dalam dewan ini kita tanya pasal bajet tambahan tetapi lari tajuk tetapi bahawa ini adalah satu hasil usaha daripada parti pembangkang. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ini kata-kata aluan pendahuluan, saya benarkan kata-kata pendahuluan jadi janganlah nak tanya kata-kata pendahuluan terpaksa melencong lagi janganlah ya bagi peluang kepada semua, kata pendahuluan sedikit cukup jangan pula tanya soal ini. Kita menjimatkan masa. Silakan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Taman Templer. Sebenarnya dia tidak lari daripada tajuk sebab kalau pemimpin di atas itu tidak bersih dia tidak boleh uruskan ekonomi dan bajet dengan baik. Seperti Yang Berhormat daripada Ijok dia bersih, dia cekap, dia bertanggungjawab sebab itu dia boleh urus ekonomi negeri Selangor dengan cukup baik dan telus dan hari ini rakyat Selangor keluar beramai-ramai untuk menyertai perhimpunan aman Bersih pada 9 Julai lalu. Jadi jangan takut dengan istilah bersih ataupun warna kuning. Kalau takut dengan warna kuning saya kira pentas yang depan itu kita perlu tukar untuk Menteri Besar kalau takutlah UMNO. Tapi kita tidak takut dengan warna. Yang keduanya ia bukan didalangi oleh Pakatan Rakyat. Ia adalah inisiatif gabungan NGO yang cintakan pilihan raya yang bersih dan adil dan tuntutan yang dibuat oleh Bersih itu selaras dengan agenda perjuangan Pakatan Rakyat yang mahu pilihan raya yang bersih dan adil. Bila ada pilihan raya yang bersih kita dapat melantik wakil rakyat yang bersih. Kalau kita ada pilihan raya yang kotor yang diangkat nanti adalah di kalangan pembunuh, perompak, perogol sebab itu kita nak satu pilihan raya yang bersih dan adil. Jadi jangan takut dengan istilah bersih dan warna kuning dan Taman Templer boleh teruskan menggunakan *tie* kuning untuk hari-hari seterusnya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sekarang saya masuk kepada perbahasan. Anggaran perbelanjaan bekalan tambahan iaitu yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di bawah maksud B29 perbelanjaan Am iaitu sebanyak RM 81.1 juta termasuk RM61.6 juta untuk bayaran bil air percuma dan juga cetakan kupon bagi tempoh September hingga Disember 2011 ekoran kedegilan kerajaan pusat untuk mengambil sikat yang lebih bertanggungjawab bagi menyelesaikan isu yang berlarutan sekian lama dan membebankan rakyat. Saya berani menyatakan di dalam dewan yang mulia ini bahawa kerajaan pusat yang dipimpin oleh UMNO tidak langsung menunjukkan minat untuk peduli terhadap masalah dan kebajikan rakyat negeri Selangor. Sebaliknya pimpinan UMNO lebih cenderung untuk melindungi kroni-kroni dan kepentingan mereka dan memperkayakan kroni-kroni pimpinan UMNO. Sebagai contoh pada suku tahun keempat 2010 kerajaan pusat telah memberikan kemudahan pinjaman kepada SYABAS berjumlah RM320 juta. Syarat pinjaman pula jelas berpihak kepada SYABAS. Antara syarat-syaratnya adalah pertama pembayaran balik oleh SYABAS kepada kerajaan pusat di buat hanya selepas tahun yang kedua puluh. Maknanya *repayment scheme* ini akan hanya *effective* pada tahun yang kedua puluh satu. Mana ada dalam dunia Tuan Speaker, kerajaan pusat dalam keadaan tidak ada wang tidak ada peruntukan untuk rakyat tetapi sanggup memberikan pinjaman dengan mudah kepada syarikat kroni yang bernilai RM320 juta tanpa memberikan syarat pembayaran balik dalam tempoh 20 tahun yang pertama. Maknanya sekiranya SYABAS mengalami masalah kewangan ataupun mufliis mungkin dalam masa lima tahun akan datang, sepuluh tahun akan datang kerajaan pusat akan *absorb* pinjaman RM320 juta itu. Fikirkan Taman Templer. Kalau RM320 juta ini diturunkan kepada rakyat berapa ribu dan juta rakyat akan mendapat manfaat. Saya nampak Seri Setia bangun dulu.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker, saya sama dengan Taman Templer pakai *tie* warna kuning. Yang Berhormat Bukit Antarabangsa saya nak bertanya kalau tadi pembangkang bercakap fasal pengurusan kewangan yang berhemah jadi bagaimana kerajaan Barisan Nasional pihak pembangkang dahulu boleh luluskan pinjaman sebegitu.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Seri Setia. Saya nampak dia bangun dulu sebab *tienya* lebih ceria daripada Taman Templer. Kuningnya lebih terang. Walaupun dia orang muda tapi dia berani pakai kuning yang terang. Taman Templer tu berani tapi ada takut sikit. Campur-campur sikit.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker minta laluan. Nak tanya penjelasan Tuan Speaker.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Belum jawab Seri Setia lagi. Seri Setia menanyakan apakah pembangkang di negeri Selangor dan UMNO di pusat mampu menguruskan ekonomi secara telus dan bertanggungjawab sudah tentu jawapannya tidak. UMNO ini khususnya Perdana Menteri yang ada sekarang dia lebih minat jaga kepentingan kroni bukan rakyat yang terbanyak dan rakyat sudah tahu sebab itu dalam perhimpunan aman bersih pada 9 Julai walaupun Kuala Lumpur ditutup. Kuala Lumpur Tuan Speaker *under siege* saya hampir-hampir tak dapat datang dewan pada hari ini sebab saya ada *restricted order* saya tidak boleh masuk Kuala Lumpur. Orang Mongolia boleh. Orang Kazasthan boleh tapi orang Malaysia tak boleh. Mongolia boleh. Saya tak boleh, ada *restricted order*. Tetapi puluhan, lebih seratus ribu dilaporkan oleh Al-Jazera. Berani membolosi sekatan-sekatan polis yang diupah oleh Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri. Fikirkan kalau tidak ada sekatan saya fikir yang paling minima Taman Templer satu juta rakyat Malaysia akan berhimpun di Kuala Lumpur. Sila Taman Templer.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin meminta penjelasan. Sebenarnya ini bukan *tie* kuning. Ini *tie* Harimau Malaya. Apa pun Tuan Speaker saya nak mohon pada YB Bukit Antarabangsa kalau benarlah yang disebutkan tadi itu boleh tak memberikan fakta-fakta dan maklumat terperinci kerana saya takut mungkin ini ada kaitan dengan mungkin bukan air tetapi juga mungkin projek lain mungkin dari segi PFI. Ataupun mungkin skim yang lain yang berkaitan dengan pembangunan perumahan dan sebagainya. Jadi kadang-kadang bila kita sebut itu biarlah lebih terperinci dengan fakta yang lebih terperinci di dewan yang mulia ini mendapat maklumat yang bukan *half truth* tapi *full truth*. Kalau memang berkenaan dengan air maka mungkin ada fakta-fakta yang boleh *justify* dengan izin tentang tuduhan beliau. Tetapi kalau tidak ia mungkin berkenaan dengan pembangunan lain. Pembangunan perumahan dan sebagainya yang berkaitan dengan PFI bukan sahaja SYABAS yang mendapat pinjaman sebegitu rupa tetapi banyak lagi syarikat-syarikat korporat yang telah pun mendapatkan pinjaman tersebut. Terima kasih.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Taman Templer. Sebelum saya *respond* kepada persoalan pinjaman tadi, *tie* Taman Templer tu walaupun tidak berani mengaitkan dengan bersih dan mendakwa itu adalah *tie* Harimau Malaya tapi saya juga pelik baru-baru ini Malaysia bertanding lawan Taiwan walaupun mengikut pengetahuan saya Yang Berhormat Tuan Speaker bila Malaysia lawan di *homeground* dia perlu pakai baju kuning. Betul?. Kalau dia bertanding di luar dia kena pakai baju biru. Tapi oleh sebab UMNO itu takut warna kuning malam tu bila Malaysia lawan Taiwan pasukan Malaysia di arah tukar jersi dari kuning jadi biru. Ini penyakit apa Speaker?.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker boleh saya bagi penjelasan?.

TUAN SPEAKER : Saya rasa sudah cukuplah. Saya pun sekarang sudah takut dengan kuning dah. Kuning *tienya*, bajunya. Cukup, cukup.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker saya nak bagi penjelasan boleh Tuan Speaker?.

TUAN SPEAKER : Tak payahlah. Nanti saya bagi peluang berucap nanti. Teruskan Bukit Antarabangsa dengan Bajet kita.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Bajet kita ini berdasarkan kerana kita buat ini sebab pentadbiran di Putrajaya itu dalam keadaan yang gila. Kalau orang jawa sebut zaman edan, zaman kegilaan. Ketuanya gila. Pengikutnya gila. Sampaikan Ketua Polis Negara pun dah jadi gila. Ini zaman edan la ni. Jadi sekarang saya teruskan bajet untuk menyelamatkan....

YB DATO' Ir. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR : Bukit Antarabangsa saya rasa Bukit Antarabangsa tadi telah memaklumkan bahawa sebahagian peruntukan ini ialah untuk bantuan membiayai pembayaran air dan juga cetakan kupon yang berjumlah RM61.6 juta. Kemudian ini adalah untuk September hingga Disember 2011. topiknya sudah jauh lari daripada topik yang sebenar. Saya nak minta penjelasan boleh tak terangkan dengan terperinci jumlah September hingga Disember peruntukan ini untuk bekalan air. Adakah daripada kalau tak silap saya jumlah RM11 juta satu bulan dulu hari ini telah meningkat dan kemudian adakah peruntukan ini khususnya dari masa ke semasa akan terus meningkat. Saya mintak penjelasan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat telah mengemukakan satu soalan yang baik tapi soalan itu patut ditujukan kepada Yang Amat Berhormat bukan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa. Bukit Antarabangsa belum jadi Menteri Besar lagi. Jadi tanya pada Menteri Besar yang ada ni. Jangan menyimpang. Sila duduk. Saya nak bawa kamu ke landasan yang betul. Jadi jangan melencong lagi. Sila Bukit Antarabangsa.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Tuan Speaker, Tuan Speaker kena tarik balik kenyataan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Apa tu?

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Tuan Speaker kata saya belum lagi jadi Menteri Besar.

TUAN SPEAKER : Memang belum lagi melainkan Yang Amat Berhormat Ijok. Semua orang belum lagi.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Saya bimbang ia akan menimbulkan spekulasi Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Tak apa. Saya pun bercita-cita nak jadi Menteri Besar. Cuma tak tercapai saja. Sila teruskan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Saya memberikan ketaatan dan kesetiaan saya pada Dato' Menteri Besar Ijok. Mana bodek. Ini bukan UMNO. Baik Paya Jaras. Saya tidak menyimpang daripada topik perbahasan kita pada pagi ini. Yang saya sebut Kerajaan Negeri

minta satu peruntukan yang saya kira agak besar RM61.6 juta untuk maksud yang saya sebutkan tadi. Pertama untuk bayaran bil air percuma dan juga cetakan kupon. Mengapa benda ini berterusan kerana saya sudah sebutkan di awal tadi sebabnya kerajaan pusat tidak mahu menyelesaikan dengan kerajaan negeri tentang penstrukturan air. Kalau kerajaan pusat mengambil satu inisiatif untuk duduk bincang dan muktamadkan semua perbincangan itu datang dalam keadaan yang munasabah saya yakin kita tidak perlu lagi memohon peruntukan tambahan dan rakyat yang akan mendapat manfaat daripada permuafakatan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Jadi saya meneruskan perbincangan tadi. Mengapa kerajaan pusat tidak minat kerana minatnya beralih kepada kroni dan bukan kepada rakyat dan saya masukkan topik itu untuk teruskan perbincangan. Jadi saya tidak nampak saya menyimpang dari topik yang kita kemukakan pada pagi ini.

YB DATO' Ir. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR : Maksud saya, minta penjelasan Tuan Speaker. Ini adalah janji pilihan raya Pakatan Rakyat bukan masalah lain. Cuma saya nak bangkitkan di sini adalah janji Pakatan Rakyat bahawa dia akan membiayai pembayaran percuma air itu sahaja.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kita nak tunaikan apa yang kita janjikan. Program ini boleh diteruskan dan ia boleh mendapat banyak manfaat kalau kerajaan pusat juga mengambil tanggungjawab yang sama.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker, Yang Berhormat Bukit Antarabangsa saya ingin bertanya berbanding dengan perbelanjaan air oleh kerajaan negeri kalau kita bandingkan dengan pembelian senjata oleh kerajaan pusat melibatkan komisen sampai berbilion ringgit. Bagaimana rakyat mendapat manfaat daripada pembelian senjata tersebut.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Susah saya nak jawab Seri Setia. Tunggu saya jadi Menteri Pertahanan baru saya jawab. Kita akan bongkar siapa yang bertanggungjawab, siapa yang beli senjata, siapa yang dapat komisen, siapa yang beli *handbag Berkin* sampai berpuluh-puluh kita akan bongkar. Untuk sementara ini kita kerja dulu. Yang kedua Tuan Speaker, selain syarat mudah yang diberikan SYABAS ini di mana pembayaran balik dibuat hanya selepas tahun kedua puluh. Syarat kedua yang diberikan kepada...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Batu Caves bangun. Batu Caves ada apa?.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih. Saya pun nak balik semula kepada YB Seri Setia. Saya rasa kalau nak buat perbandingan senang sahaja. Bandingkan perbelanjaan air negeri Selangor dengan perbelanjaan air dan elektrik rumah Perdana Menteri dan Rosmah. Saya rasa ada perbandingan yang amat besar dan kita telah memberi nikmat yang besar kepada rakyat berbanding kepada satu dua orang seperti mana yang diberikan oleh kerajaan Barisan Nasional. Apa komen Bukit Antarabangsa?.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Ya Batu Caves, angka-angka ini kita perolehi dalam persidangan parlimen yang tamat dua minggu yang lalu di mana parlimen dimaklumkan bil air Perdana Menteri dan isterinya sebulan tiga puluh ribu ringgit. Saya tak tahulah dia mandi apa, setiap jam saya dengar ucapan Timbalan Presiden PAS yang baru saudara Mohamad Sabu baru-baru ini bila mengupas tentang bil air kediaman Perdana Menteri lebih tiga puluh ribu ringgit sebulan saudara Mohamad Sabu sebut badak sumbu yang mandi daripada pagi sampai tengah malam pun tak sebanyak itu bil airnya, (dewan ketawa) itu kata beliaulah. Tapi saya

fakir-fikir betul juga badak sumbu itu duduk dalam air daripada subuh sampai isyak mandi saja. Bilnya baru tiga ringgit lima puluh sen jadi Tuan Speaker taksirlah sendiri apa maksudnya. Syarat kedua yang digunakan oleh Kerajaan Pusat kepada SYABAS ialah lima tahun yang pertama tidak ada *interest* dikenakan ke atas pinjaman yang bernilai tiga ratus dua puluh juta ringgit. Kita pinjam nak beli kereta

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker, nak minta laluan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Nantilah..nak pinjam pinjaman kenderaan di bank baru lima puluh ribu ringgit setiap bulan kena kejar. Tapi kerajaan pusat beri pinjaman tiga ratus dua puluh juta ringgit kepada SYABAS lima tahun yang pertama tidak ada *interest*. Apakah rakyat nak terus diperbodohkan. Rakyat di bawah menderita tetapi tauke besar, kroni besar boleh dapat pinjaman yang besar tanpa sebarang *interest* untuk lima tahun yang pertama. Silakan Taman Templer.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker, terima kasih YB Bukit Antarabangsa. Saya hanya nak bertanya balik tentang persoalan saya tentang boleh tak berikan penjelasan terperinci tentang tuduhan atau pun maklumat yang diberikan tadi sama ada ia berkaitan dengan pembiayaan air, projek air atau pun projek-projek lain yang berkaitan satu. Yang kedua saya nak tanya tentang bil air rumah kediaman Perdana Menteri adakah Yang Berhormat Bukit Antarabangsa tahu bahawa kalau rumah di Putrajaya itu bukan macam badak sumbu seekor saja ini ramai yang duduk di situ daripada pengawal lah, daripada tukang masaklah dan banyak juga program-program meraikan pembesar-pembesar negara-negara lain dan projek-projek rasmi diadakan. Jadi saya rasa soalan ini terlalu subjektif kerana saya rasa jumlah tiga puluh ribu saya rasa memang memadai saya sendiri terkejut kerana saya rasa mungkin lebih daripada itu. Jadi kalau tiga puluh ribu untuk membiayai semua projek-projek besar-besaran dan sebagainya saya rasa memang patutlah. Jadi kalau boleh itu jangan cuba melencong rakyat-rakyat dan tuduhan-tuduhan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Taman Templer. Yang pertama saya sebut secara terperinci tadi pinjaman ini dibuat kepada SYABAS untuk pinjaman mudah sebagai pengendali air di Negeri Selangor jadi dia tidak melibatkan projek-projek pembangunan yang lain. Itu khusus untuk industri air di Negeri Selangor, yang ini kita pertikaikan. Soal mandi banyak mana, bil banyak mana tak pelah saya dah jawab tadi. Saya serah kepada tafsiran rakyat untuk lihat berapa banyak badak sumbu di Putrajaya. Yang ketiganya kalau lihat pembayarannya dibuat hanya selepas dua puluh tahun, lima tahun yang pertama tidak ada *interest* ini bukan lagi pinjaman tetapi ini lebih bersifat sebagai satu geran yang diberikan kepada SYABAS untuk memonopoli industri air di Negeri Selangor dan pada masa yang sama kita boleh lihat juga kadar tarif yang terus dinaikkan dan masalah *leakages* masih berleluasa di Negeri Selangor tidak ada satu sistem yang lebih baik walaupun telah diswastakan dan semua ini harus kita bincang dalam semangat muafakat dan tanggungjawab supaya kita dapat menyelamatkan wang yang sebesar ini untuk memanfaatkan kepada rakyat yang terbanyak.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, boleh dapat penjelasan.

TUAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa macam mana, ya sila.

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Bukit Antarabangsa saya hendak bertanya apakah tujuan pinjaman itu diberikan. Bukan ke pinjaman itu diberikan untuk tujuan bagi menyelenggarakan paip-paip air yang sudah *beyond refundable* yang perlu dibaiki dengan segera. Adakah Antarabangsa sedar ini berlaku kerana kegagalan rundingan-rundingan yang berlarutan di antara kerajaan negeri dengan kerajaan persekutuan. Kalau benda ini

diselesaikan cepat kerajaan negeri membantu untuk membaiki sistem apa ini orang kata, *leakages* paip-paip air ini dari segi penyelenggaraan tersebut ini dengan kalau dapat dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun yang lalu sudah tentu dapat menyelesaikan masalah pembekalan air-air bersih ini dengan lebih baik di negeri ini. Tapi oleh kerana kelewatan perjanjian ini, rundingan-rundingan perjanjian inilah yang menyebabkan perkara ini berlaku dan untuk menyelamatkan kerajaan persekutuan berikan pinjaman yang ini kalau nak dikira adakah Antarabangsa setuju yang ketiga ini yang dikenakan, setuju bahawa ini juga kira macam memberikan subsidi kepada rakyat, yang membolehkan supaya penyelenggaraan sistem paip-paip yang tidak dibaiki akan lebih teruk kepada rakyat di Negeri Selangor ini dapat diberikan kepada rakyat. Jadi tiga perkara penyelesaian.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Sungai Burong. Masalah paip bocor, paip buruk ini atau pun dalam istilah industri airnya disebut sebagai NRW "*non-revenue water*" ini ekoran paip pecah, paip bocor ini bukan berlaku mulai Mac 2008 ianya dah bertahun-tahun dah berlaku. Jadi kenapa nak dibebankan seolah-olah kebocoran paip ini hanya berlaku 9 Mac 2008. Menang je Pakatan Rakyat paip semua bocor di Negeri Selangor. Sebelum itu paip elok je...tak betul. Saya akan kemukakan

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Penjelasan, minta penjelasan...

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Nanti, nanti saya akan kemukakan....

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Boleh dapat penjelasan daripada kenyataan tersebut.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Itulah....saya nak berilah, saya beri. Saya ada statistik dari UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia tentang masalah NRW ini. *Leakages* yang berlaku bertahun-tahun sebelum 2008 pun *percentage* nya berapa, kosnya berapa, saya akan kemukakan sebentar lagi ye, sabar sikit Sungai Burong. Yang keduanya soal usaha kerajaan negeri yang berterusan ini saya kira ini satu tanggungjawab kerajaan negeri Pakatan Rakyat untuk menangani masalah NRW ini sebab walau pun pinjaman sejumlah tiga ratus dua puluh juta telah diberikan pinjaman mudah diberikan tetapi SYABAS sendiri tidak ada minat untuk menangani masalah NRW ini. Ini juga *finding* ataupun dapatan yang dibuat oleh Universiti Kebangsaan Malaysia yang akan saya kemukakan sebentar lagi, namun saya percaya kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar hari ini dapat keluar daripada kemelut politik kerajaan persekutuan ini kerana komitmen kita kesungguhan kita untuk memastikan setiap sen itu diurus secara bertanggungjawab dan amanah sebab itu kita dengar sendiri Dato Menteri Besar sebut dalam tempoh enam bulan pertama maknanya sehingga suku tahun kedua pada tahun ini kita telah meningkatkan *reserve* kita sebanyak dua ratus juta ringgit. Pelaburan pada tahun Disember 2010 mencatatkan enam ratus enam puluh lapan juta tetapi enam bulan pertama tahun ini sudah mencecah lima ratus lima puluh tujuh juta sudah hampir mencapai jumlah pelaburan yang kita catatkan pada tahun 2010, baru enam bulan yang pertama. Maknanya kalau enam bulan yang akan datang kita yakin ianya akan meningkatkan lagi jumlah pelaburan dalam negeri Selangor. Begitu juga wang tunai yang diumumkan oleh Dato Menteri Besar tadi sebanyak 1.2 bilion sehingga 30 Jun 2011 berbanding dengan Disember 2010 ianya mencatatkan hanya sembilan ratus juta ringgit sahaja. Baru enam bulan yang pertama dan saya yakin dengan kepimpinan Dato Menteri Besar ketelusan kebertanggungjawaban, kecekapan, setiap sen itu kita akan memanfaatkan demi rakyat di Negeri Selangor ini Insya-Allah.

Tuan Speaker, usaha kerajaan negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk memberikan cadangan-cadangan kepada kerajaan pusat tentang usaha menyelesaikan menunjukkan kebolehan dan kemampuan Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar dan

Pakatan Rakyat dalam mengurus ekonomi dengan cekap dan bertanggungjawab. Saya difahamkan kerajaan negeri telah pun mengemukakan rancangan khusus kepada kerajaan pusat berhubung penstrukturan semula perkhidmatan industri air di Negeri Selangor secara menyeluruh atau pun holistik dan saya berharap kerajaan negeri jangan lagi tunduk kepada tekanan kerajaan pusat. Kita harus maju ke depan dan pertahankan cadangan-cadangan ini demi rakyat dan model holistik ini perlu dipertahankan supaya konsesi air di Negeri Selangor ini yang diberikan kepada beberapa individu saya ingin mencadangkan di dalam dewan ini supaya kerajaan negeri mencadangkan kepada kerajaan pusat supaya tamatkan konsesi mereka dengan segera dan kerajaan negeri Selangor yang menguasai ekuiti dalam SPV baru yang hendak dibentuk mestilah diberikan lesen oleh WATSIA menuruti akta perkhidmatan industri air 2006 supaya SPV yang baru ini yang dikuasai oleh kerajaan negeri melalui satu ekuiti perlu diberikan satu lesen operasi dan menyelenggarakan perkhidmatan industri air demi rakyat Negeri Selangor.

Kerajaan negeri Selangor juga saya berharap tidak akan tunduk dengan tuntutan kerajaan pusat bagi pihak SYABAS untuk membenarkan kenaikan tarif air sekurang-kurangnya lima belas peratus. Sebarang cadangan pertambahan tarif yang munasabah hendaklah dibincangkan terlebih dahulu dan dipersetujui oleh kerajaan negeri melalui perbahasan terbuka di dalam dewan Negeri Selangor ini yang mana kita ahli dewan negeri sama ada dalam Pakatan Rakyat mahu pun dalam pembangkang mereka mewakili rakyat Negeri Selangor dan mengalas amanah rakyat Negeri Selangor maka mereka wajar diberikan ruang untuk membahaskan satu isu yang besar ini. Kita tidak mahu melihat berlaku seperti waktu-waktu yang lalu di mana beberapa rang undang-undang dibentangkan di dalam Dewan Negeri Selangor tidak diberikan ruang yang secukupnya oleh ahli-ahli Dewan Negeri memberikan maklum balas dan pandangan tetapi di asak untuk menjadi *rubber stamp* dalam Dewan Negeri Selangor ini dan meluluskan dan saya berharap di dalam isu air ini di mana kerajaan negeri bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah dengan kerajaan pusat harus menghormati peranan dewan Negeri Selangor dan memberikan ruang kepada ahli-ahli dewan negeri membahaskan secara terbuka bagi mempertahankan hak rakyat di Negeri Selangor.

Rakyat Negeri Selangor tidak mahu meneruskan dasar dan amalan Kerajaan Pusat yang memberikan kebebasan kepada pengendali-pengendali air untuk menekan rakyat dan pada masa yang sama kita dapat menyaksikan berlakunya kecurangan dan ketidakcekapan kos melalui sistem yang diamalkan oleh Kerajaan Pusat pada hari ini. Saya juga ingin menarik perhatian dewan berhubung projek Kerajaan Pusat untuk membina kemudahan perawatan di Langat 2. Persoalannya apakah benar dakwaan Kerajaan Pusat bahawa akan berlaku krisis air pada tahun 2014, sehinggakan Kerajaan Pusat tergesa-gesa untuk membina loji rawatan air di Langat 2. Kita boleh merujuk kepada banyak kajian perbahasan dan perdebatan yang dibuat oleh pelbagai pihak berhubung cadangan Kerajaan Pusat kerana ramai juga yang berpendapat keputusan untuk membangunkan kemudahan perawatan di Langat 2 ini adalah bersifat spekulasi. Dan berat sebelah kerana kajian yang diguna pakai oleh Kerajaan Pusat dibuat oleh *rain hill* dan juga SMHB yang kedua-duanya adalah pemain-pemain utama dalam industri air. Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air mendakwa bahawa sekiranya projek *Pahang Selangor Raw Water Transfer* yang menelan kos sebanyak 9 bilion ringgit ini tidak diteruskan Selangor akan menghadapi krisis air. Saya melihat ini sebagai satu ugutan yang agak melampau tanpa diasaskan kepada dapatan ataupun kajian yang lebih bertanggungjawab dan tidak *bias* seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat. Sebenarnya ini merupakan satu cerita yang sudah lapuk saya masih ingat SYABAS mengeluarkan kenyataan mendakwa Negeri Selangor akan menghadapi krisis air pada tahun 2007 tetapi ianya tidak berlaku. Sekarang ini orang yang sama manusia yang sama dan mendapat dukungan daripada Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air mengulangi dakwaan yang sama bahawa krisis air akan berlaku pada

tahun 2014. Puan Speaker saya sempat melihat beberapa kajian dan mendapati unjuran yang dibuat oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air ini sebenarnya berdasarkan kepada *Nasional Water Resources Study* yang dikendalikan oleh EPU pada tahun 2007. Unjuran yang dibuat hasil kajian NWRS ini atau pun yang saya nyatakan tadi *Nasional Water Resources Study* ini sebenarnya tidak menentapati beberapa garis panduan besar yang dilakukan oleh Malaysia Water Association 1994 berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya, pertama kriteria yang digunakan oleh NWRS atau pun Nasional Water Resources Study ini mengambil kira *population growth* akan mencatatkan pertumbuhan sebanyak lebih 4 peratus setahun. Sedangkan *population growth* Negara pada hari ini khususnya di Negeri Selangor telah mencatatkan penurunan daripada 3.7 peratus kepada 3.4 peratus sahaja. Yang kedua, pada awal 2001 NWRS mendakwa permintaan air sebanyak 3000mld tetapi permintaan sebenar pada tahun 2001 mencatat hanya 2647.6mld. Ini lah antara beberapa pengecualian ataupun kelemahan yang dibuat oleh NWRS dan telah memberikan gambaran yang salah kepada Kerajaan Pusat sehingga Kerajaan Pusat tergesa-gesa ingin membangunkan Loji Rawatan Air di Langat 2, kita juga ingin menanganai masalah NRW yang dibangkitkan oleh Sungai Burung sebentar tadi, iaitu *None Revenue Water*. NWRS dalam laporannya mendakwa bahawa kebocoran ataupun *leakages* mencatatkan 35 peratus, namun kita juga menyaksikan satu lagi laporan tentang *Pahang Selangor Raw Water Transfer* yang mendakwa bahawa projek ini dapat menyalurkan air ke Langat 2 sebanyak bekalannya sebanyak 1150mld. Namun ada lagi satu kajian yang dibuat oleh jurutera-jurutera, pakar-pakar industri air mengesahkan bahawa 55 peratus daripada jumlah bekalan air ini ataupun 55 peratus daripada 1150mld yang dibekalkan melalui *Pahang Selangor Raw Water Transfer* ini dapat diselamatkan sekiranya kebocoran atau masalah NRW ini dapat ditangani segera, maka tanggungjawab kita termasuk kerajaan hari ini ialah untuk melihat bagaimana masalah kebocoran, paip rosak, paip lama ini dapat diselesaikan itu sepatutnya menjadi keutamaan kita dalam menanganai masalah ini namun maklum balas yang kita terima daripada SYABAS ialah mereka tidak mempunyai peruntukan untuk maksud tersebut dan mereka enggan membaiki paip-paip yang bocor paip-paip yang rosak, ini lah menyebabkan masalah NRW ini berterusan dan kajian yang dibuat oleh jurutera-jurutera dalam industri air mengesahkan bahawa kita dapat menyelamatkan 55 peratus daripada jumlah tersebut sekiranya masalah *leakages* ini dapat kita selesaikan, seterusnya masalah *growth weight*. NWRS mendakwa bahawa *growth weight* kita ialah di antara 8 hingga 9 peratus tetapi apa yang kita saksikan pada tahun ini khususnya dan pada tahun depan lebih parah lagi pertumbuhan kita hanya mencatatkan tidak lebih 4 peratus. Begitu juga dengan *consumption pattern, domestic water consumption pattern* yang harus kita teliti dalam melihat hujah-hujah yang dikemukakan oleh NWRS ini pada tahun 1970 *consumption pattern* yang dicatatkan ialah 200 liter air *per day per capital* tahun 1980 meningkat kepada 250 lpd atau liters per day, 1990 300lpd, dan pada hari ini ianya melonjak kepada 500lpd khususnya di kawasan-kawasan perumahan di kawasan *urban* atau pun kawasan Bandar. Kalau kita melihat *recommendation by United Nation* ataupun pertumbuhan bangsa-bangsa bersatu mereka mencadangkan supaya *water consumption* ini harus berada pada paras 200lpd ataupun 200 liter per *day*, tapi kalau kita lihat angka yang saya tunjukkan sebentar tadi pembaziran air-air bersih ini banyak berpunca daripada sikap pengguna itu sendiri kita menggunakan air bersih untuk tandas kita menggunakan air bersih untuk mencuci kereta kita menggunakan air bersih untuk menampung keperluan kolam renang ala bali yang kita bina,

YB TUAN LAU WENGA SAN : Haa di mana

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI : Seksyen 7, kita menggunakan air bersih untuk menyiram pokok, jadi kalau ini lah sikap pengguna di negeri kita atau Negara kita pastinya ianya akan menjurus kepada pembaziran dan Kerajaan Negeri harus memulakan program-program untuk mengurangkan penggunaan air bersih, maka sebab itu saya ingin

mencadangkan dalam dewan yang mulia ini beberapa cadangan pertama Kerajaan Negeri harus segera memulakan program-program pendidikan untuk memperkenalkan apa yang disebut sebagai *Rain Water Harvesting Program*, khususnya untuk *None Essential Activities* nak cuci kereta, siram pokok, kolam renang tandas, dan kalau kita lihat satu kajian yang dilakukan oleh HUKM pengguna *Rain Water Harvesting* ini dapat mengurangkan antara 40 hingga 50 peratus bil air jadi kalau kita menggunakan satu jumlah bagi setiap bulan kalau kita mengambil pendekatan *Rain Water Harvesting* ini kita dapat menyelamatkan bil air sebanyak 40 hingga 50 peratus, namun saya tidak menolak bahawa kemungkinan Negeri Selangor akan menghadapi masalah kekurangan air apabila kita membaca laporan-laporan antarabangsa tentang isu *Global Warming* pada hari ini, tetapi kalau kita pendekatan yang cepat progresif dan proaktif dalam menangani masalah ini saya percaya Kerajaan Negeri dalam menyelamatkan rakyat negeri daripada isu *Global Warming*, Pertama saya telah cadangkan supaya memperkenalkan program *Rain Water Harvesting* ini yang kedua kita harus juga menganjurkan program-program yang menjurus ke arah *conservation* ataupun menyelamatkan air-air yang bersih dan yang ketiga saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri mengenakan beberapa syarat tambahan kepada industri-industri di dalam Negeri Selangor khususnya SMI supaya mereka menggunakan teknologi-teknologi baru di dalam kilang dan industri masing-masing yang dapat menggunakan air yang pada kadar yang kurang, sekarang kita ada beberapa teknologi untuk maksud yang saya cadangkan tadi, saya juga ingin menyarankan kepada Kerajaan Negeri untuk jangka panjang, program pemberian air percuma ini memang baik menjurus ke arah merakyatkan ekonomi Selangor dan juga memberikan kebajikan kepada rakyat negeri. Tetapi untuk jangka panjang saya kira program ini perlu di teliti semula supaya ianya dapat dimanfaatkan oleh kumpulan dan golongan masyarakat yang benar-benar memerlukan air percuma, kalau kita lihat komen 15 *United Nation* ianya dengan tegas menyatakan supaya dalam *convention right to water* ataupun hak mendapatkan air ini harus diberikan kepada keluarga dan golongan masyarakat yang miskin dan memerlukan saya kira Sungai Panjang tak perlu air percuma, Sekinchan tak perlu air percuma, Ijok tak perlu air percuma, Bukit Antarabangsa tak perlu air percuma, kami di bukit banyak hujan, banyak air terjun, kita harus teliti balik program ini sementara program itu memberikan manfaat kepada rakyat tetapi kumpulan sasar saya itu adalah kumpulan yang benar-benar memerlukan bantuan daripada Kerajaan dan saya berharap komen 15 *United Nation* ini dapat diterima pakai oleh kerajaan Negeri supaya program pemberian air percuma ini dapat diberikan kepada golongan keluarga miskin kepada seluruh Negeri Selangor, kerana kosnya terlalu besar dan kalau kita berterusan begini ianya tidak mencapai matlamat sebenar iaitu orang yang kaya mendapat manfaat sedangkan yang miskin masih belum lagi mendapat pembelaan yang sewajarnya dengan kata-kata itu Puan Speaker saya mendokong usul yang di bawa YAB Dato' Menteri Besar untuk mendapatkan satu jumlah tambahan kerana jumlah yang telah dicerakinkan oleh Menteri Besar sebentar tadi membuktikan bahawa program-program yang disenaraikan untuk memberikan manfaat kepada rakyat negeri Selangor dan bukannya untuk kumpulan-kumpulan tertentu sahaja. Maka dengan itu, saya mendukung usul yang dibawa oleh Dato' Menteri Besar. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik, terima kasih. Kg. Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ya, terima kasih Puan Timbalan Speaker. Kg. Tunku juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat dasar berkenaan dengan enakmen pembekalan tambahan No. 2 untuk tahun 2011 ini. Kg. Tunku ingin memulakan perbahasan dengan mendeklamasikan satu puisi yang dihasilkan oleh Sasterawan Negara baru-baru ini yang bertemakan unggun bersih. 'Semakin lara kita di dera bara. Kita laungkan juga pesan merdeka. Demokrasi sebenterang mentari, hasrat, hajat semurni harga diri. Lama resah kita, demokrasi luka, lama duka kita, demokrasi lara. Demokrasi yang angkuh kita cemuh, suara

bebas yang utuh kita idami. Dua abad lalu Sang Adam berseru di Boston, dijirus laut biru, tak diperlu gempita sorak yang debu, diburu hanya unggun api yang syahdu. Kini menyala lah unggun sakti itu, kini merebaklah nyala unggun itu. Puan Timbalan Speaker, puisi ini ditulis oleh Dato' A. Samad Said yang juga merupakan Sasterawan Negara menjelang perarakan besar-besaran Bersih 2.0 yang diadakan 2 hari yang lalu. 2 hari yang lalu pada 9 Julai, rakyat Malaysia sekali lagi mencipta sejarah di mana rakyat dalam bilangan puluhan ribu berarak secara aman pada hari itu dengan tujuannya iaitu mendesak SPR atau Suruhanjaya Pilihanraya melaksanakan 8 tuntutan pembaharuan pilihanraya. Saya meminta supaya saya dapat lafazkan ke lapan-lapan tuntutan ini yang saya rasa merupakan tuntutan yang bernas, penting dalam menghidupkan demokrasi di Malaysia dan Selangor.

Tuntutan yang pertama, bersihkan senarai undi. Yang kedua, mereformasi undi pos. Yang ketiga, mengguna dakwat kekal. Yang keempat, memberi masa berkempen minima 21 hari. Yang kelima, akses media yang bebas dan adil. Yang keenam, mengukuhkan institusi awam. Yang ketujuh, menghentikan rasuah dan yang kelapan menghentikan politik kotor. Malangnya, SPR berkali-kali berdolak-dalih dengan penganjur perarakan raksasa kali ini iaitu Bersih 2.0 dengan menggunakan pelbagai alasan kononnya SPR tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk mengkaji dan melaksanakan tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh Bersih 2 ini. Dan sehinggalah, Puan Timbalan Speaker, ke saat-saat terakhir apabila SPR mula menghadapi tekanan yang kuat daripada Bersih 2 dan warga Internet kerana mereka berlengah-lengah dalam melaksanakan pembaharuan pilihanraya ini barulah SPR mula tunduk dan berkata ingin berbincang dengan Bersih. Harapan mereka hanya satu iaitu supaya perarakan ini dibatalkan. Memang pihak berkuasa selalu ingin membatalkan perarakan ini, bermulalah dengan tuduhan-tuduhan berbaur perkauman bahawa Bersih 2 ini dipimpin oleh seorang wanita kaum India beragama Hindu. Diikuti dengan tuduhan bahawa Bersih diperalatkan untuk menghidupkan semula fahaman komunis. Sekali gus menyebabkan penyokong-penyokong Bersih 2.0 sekarang ini yang berasal dari Parti Sosialis Malaysia ditahan di bawah *Emergency Ordinance* sehingga sekarang. Tidak cukup dengan itu sahaja, media-media yang dikawal oleh UMNO dan Barisan Nasional sentiasa memainkan cerita-cerita dongeng seperti penemuan senjata-senjata seperti parang, *monotof cocktail* malahan senapang oleh polis. Mereka cuba menyekat perarakan ini dengan menggunakan pelbagai tohmahan dan fitnah yang dilancarkan tanpa berhenti secara bertubi-tubi terhadap Bersih. Saya bertanya..

YB TUAN WONG KOON MUN : Puan Speaker. Ya, terima kasih kepada Puan Speaker, sepertimana dikata oleh Kg. Tunku bahawa senarai Pilihanraya itu tidak bersih. Kalau senarai nama itu tidak bersih, BN tidak akan hilang 5 negeri dan kalau senarai nama itu tidak bersih, bubar lah kerajaan negeri Selangor kerana 'you' menang di atas senarai nama yang tidak bersih. Itu satu tuduhan yang tidak betul. Sentiasa kata bersih, kalau rasa senarai pilihanraya itu tidak bersih maka bubarlah kerajaan kerana awak telah dipilih bawah satu senarai nama yang tidak bersih. Satu kerajaan yang kotor. Kalau 'you' mengaku, bubarkan kerajaan negeri Selangor.

YB TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih dari Yang Berhormat. Kuala Kubu Baharu. Sebenarnya kalau berani, saya juga meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membubarkan Dewan Rakyat dan kita lawan di dalam padang yang adil dan saksama. Saya ingin menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu bahawa kita menang walaupun senarai pengundi itu tidak bersih. Jawapan saya ialah, kita menang kerana kita mempunyai penyokong dan sokongan yang cukup kuat dalam pilihanraya...

YB TUAN WONG KOON MUN : Bolehkah tanya..?

YB TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat, saya belum habis jawapan..saya belum habis lagi..saya belum habis lagi..jawapan saya. Sabar, sabar. Sabar, nanti sakit jantung. Yang Berhormat saya meneruskan jawapan saya. Oleh kerana kita menerima sokongan yang kuat daripada pengundi pada tahun 2008 kita mampu memenangi kerusi yang mencukupi dan membentuk kerajaan. Ini berlaku bukan sahaja di negeri Kelantan tetapi juga di negeri-negeri yang lain seperti di Kedah, di Pulau Pinang, di Perak dan juga di negeri Selangor. Apa yang saya boleh kata ialah, kalau pilihanraya ini dijalankan dengan bersih bukan berdasarkan 8 tuntutan Bersih 2 tetapi berdasarkan kepada 4 tuntutan Bersih 1 pada tahun 2007 kalau ianya dijalankan dengan berlandaskan ke empat-empat tuntutan ini pada tahun 2008 yang menjadi kerajaan bukan Barisan Nasional di peringkat pusat. Yang menjadi kerajaan di peringkat pusat ialah Pakatan Rakyat.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Yang Berhormat.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ya, silakan.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Saya juga ingin bertanya. Kalau di negeri Mesir di bawah Hosni Mubarak. Bagaimana pembangkang dapat 10 peratus daripada undi popular dalam keadaan tekanan yang begitu hebat. Adakah kerana sistem pilihanraya bawah Hosni Mubarak itu bersih dan adil.

YB TUAN LAU WENG SAN : Memang pilihanraya yang diadakan di Mesir itu tidak bersih. Dan ini telah ditunjukkan melalui pilihanraya yang tidak dapat dijalankan dengan telus dan kalau kita lihat demonstrasi-demonstrasi perarakan yang berlaku di negeri Mesir ini kita dapat lihat keputusan pilihanraya Mesir dengan hasrat dan naluri hati rakyat Mesir tidak sama. Jadi ini telah menunjukkan bahawa memang ada kecacatan dalam sistem pilihanraya yang ada di Mesir ini. Apa yang saya kata ialah, kalau kita lihat apa yang berlaku di Mesir dan bandingkan dengan apa yang berlaku di Malaysia, pada tahun 2008, yang menang di Putrajaya ialah Pakatan Rakyat bukan Barisan Nasional. Barisan Nasional akan kalah di negeri Perlis, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Sabah, Sarawak termasuk Johor. Ini ialah jawapan saya kepada Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik, saya minta Kg. Tunku teruskan kepada perbahasan. Terima kasih.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ya,ya. Puan Speaker, saya meminta supaya berhujah sedikit sebanyak tentang Bersih ini kerana ianya mempunyai kaitan langsung terhadap semua ahli yang dipilih melalui pilihanraya di Dewan Undangan Negeri ini. Saya terkejut dengan tohmahan-tohmahan bahawa penyokong-penyokong Bersih akan melakukan keganasan khususnya saya melihat gambar yang menunjukkan penemuan polis bahawa mereka menemui *monotof cocktail* dan ini ialah *monotof cocktail* yang pertama kali saya tengok iaitu *monotof cocktail* dengan menggunakan botol plastik *mineral water* diisi dengan petrol. Saya tak tau bagaimana *monotof cocktail* ini akan berfungsi. Dulu saya pernah bila saya menunggang motosikal semasa belajar di Universiti Malaya saya pernah pakai botol plastik untuk mengisi minyak, tak sampai 5 hari botol itu kemek. Macam mana kita akan dapat menggunakan *monotof cocktail* yang sebegini rupa jadi jelas Puan Timbalan Speaker bahawa ini adalah cerita-cerita dongeng yang direka oleh pihak-pihak tertentu. Mereka menggunakan cerita-cerita ini untuk menakut-nakutkan rakyat supaya rakyat takut dan tidak akan keluar menyokong perarakan, menyokong tuntutan-tuntutan Bersih 2 ini. Lebih dahsyat lagi Pemuda UMNO dan Perkasa juga ingin menggagalkan perarakan ini dengan laungan pertempuran, saya pasti rakan-rakan masih ingat yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Ibrahim Ali, semasa di

Parlimen. Perkasa yang ekstremis, dahsyatnya mereka sehingga mereka mengugut masyarakat Tionghoa supaya simpan makanan yang mencukupi dan tidak keluar ke mana-mana pada 9 Julai. Agak-agaknya mereka telah lupa bahawa Malaysia hari ini bukan lagi Malaysia 60-an, 70-an. Cerita-cerita dongeng seperti ini tidak laku dalam abad ke-21 ini. Saya ingin menyatakan kepada rakan dari sebelah sana khususnya wakil daripada MCA., rakyat berbilang kaum telah keluar beramai-ramai untuk menyokong ke semua tuntutan murni Bersih 2 ini termasuk masyarakat Tionghoa. Termasuk Marina Mahathir, anak kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir.

YB TUAN WONG KOON MUN : Boleh beri laluan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ya, silakan.

YB TUAN WONG KOON MUN : Kalau cakapan pada Kg. Tunku seolah-olah perhimpunan Bersih ini mendapat sokongan kuat ramai daripada orang Cina. Itu satu pembohongan. Kalau kita tengok gambar, berapa ramai orang Tionghoa ada dalam Bersih. Lagi satu kenyataan telah dibuat oleh Bukit Tunku dikatakan bahawa perhimpunan Bersih ini boleh bawa peluang perniagaan 2 juta untuk Kuala Lumpur. Kalau ini adalah satu kenyataan yang betul, rakan-rakan Barisan Nasional tiap-tiap minggu boleh buat perhimpunan di Shah Alam ataupun di Penang supaya bawa pendaftar 2 juta setiap hari untuk Penang naik Selangor. Kalau setuju, kami akan buat. Setuju?

YB TUAN LAU WENG SAN : Kami tidak ganas. Kami sangat neutral.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Tenang, tenang, Ahli-ahli Dewan Negeri. Kali ini kita membahaskan isu..bukan Bersih..kita membahaskan isu perbekalan tambahan. Jadi saya minta Ahli Dewan Negeri berbalik ke pangkal jalan. Saya sudah beri ruang untuk pembuka kata bagi perbahasan Kg. Tunku. Jadi jangan melebihi had.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ya, ya. Tapi, sebelum itu saya ingin menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu. Kalau Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu ingin membuat perarakan dan perhimpunan, demonstrasi dan macam-macam. Sebenarnya kalau kita menjadi Kerajaan Pusat boleh. Mungkin tidak perlu beli, kami hanya mengarahkan polis supaya mengawal tata tertib supaya peserta-peserta demonstrasi ini tidak melakukan sebarang bentuk kacau ganggu. Saya belum habis lagi Yang Berhormat, jangan tergesa-gesa. Saya belum habiskan

YB TUAN WONG KOON MUN : Kenapa buat di Kuala Lumpur, buatlah di Selangor.

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya belum habiskan jawapan saya lagi, relaks dulu, relaks dulu. Tak apa, tak apa Taman Sri Muda, saya belum habis lagi.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kuala Kubu, sila duduk ya.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Nak tambah, sikit je, sikit je.

YB TUAN LAU WENG SAN : Tak apa, tak apa, saya akan bagi peluang nanti.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Duduk dulu Sri Muda.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Nak tambah sikit je. Saya rasa ada satu fakta yang Kuala Kubu Baharu kena tahu.

YB TUAN LAU WENG SAN : Silakan, silakan.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih. Ok, Kg. Tunku. Dalam pilihanraya kecil 2010, mengikut kiraan kita Kuala Kubu Baharu walaupun

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari)

(Dewan disambung semula)

(Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Dewan disambung semula.

YB TUAN LAU WENG SAN : yang seperti yang berikut:-

- 1) Membersihkan senarai daftar pengundi
- 2) Mereformasikan undi pos
- 3) Menggunakan dakwat kekal
- 4) Access media yang bebas dan adil

Puan Timbalan Speaker, ke-empat-empat tuntutan ini merupakan tuntutan yang cukup ringkas dan senang difahami. Malahan SPR pernah memberi respons terhadap tuntutan yang ke-3 sebelum PRU yang ke-12 iaitu penggunaan dakwat kekal. Saya ingat semua Ahli Yang Berhormat masih lagi ingat sejurus beberapa hari sebelum hari pembuangan pengundian penggunaan dakwat kekal ini ditarik balik secara tiba-tiba oleh SPR. Ini telah sekali lagi telah membuktikan sikap *fig frog* Kerajaan Pusat apabila ianya dibatalkan akibatnya jutaan wang ringgit dirahsiakan dan tidak dan dakwat kekal yang dibeli tidak pernah digunakan sehingga sekarang. Mungkin ada Ahli-Ahli Yang Berhormat, mungkin ada Pegawai Kerajaan, mungkin ada orang awam yang bertanya sebenarnya apakah kaitan BERSIH dengan Dewan ini. Beberapa hari yang lalu saya terbaca sebuah rencana yang diterbitkan di dalam media cetak aliran utama yang mempersoalkan kewajaran perarakan BERSIH 2 ini memandangkan masih banyak lagi seperti masalah orang miskin, masalah sampah, masalah longkang, masalah jalan, masalah lif dan masalahnya bermacam-macam yang masih belum diselesaikan oleh Kerajaan Negeri. Memang betul sebenarnya kalau kita mengikuti perarakan BERSIH 2 ini dia tidak akan menyelesaikan masalah-masalah ini. Bukan itu sahaja bahkan ia tidak akan menyelesaikan masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh PBT dan Kerajaan Negeri tetapi masalah-masalah yang kita hadapi sekarang mustahil dapat diselesaikan jikalau wakil rakyatnya wakil rakyat, Adun, Ahli Parlimen yang dipilih adalah dipilih melalui sistem pilihan raya yang tidak adil dan tidak bersih. Saya ingin bertanya kepada mereka yang menyoalkan kewajaran perarakan ini. Bayangkan wakil rakyat siapakah yang sudi bertungkus-lumus menyelesaikan masalah-masalah rakyat ini. Jikalau wakil rakyat itu boleh menang di dalam pilihan raya melalui cara yang tidak bersih dan tidak adil. Kalau seseorang boleh menang di dalam pilihan raya hanya dengan membeli undi apakah keperluannya untuk bertemu dengan rakyat dari masa ke semasa ? Tidak perlu. Apakah keperluannya untuk mendengar rintihan rakyat ? Tidak perlu. Apakah keperluannya untuk bersusah payah menghadiri Sidang Dewan yang mulia ini? Apakah keperluannya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan? Mereka tak perlu kerana mereka telah melarikan diri sampai petang. Apakah keperluannya kalau saya boleh menang hanya dengan membeli undi? Mengapa saya perlu bersusah payah melakukan ini? Oleh itu Puan Timbalan Speaker dan rakan-rakan yang lain ianya mempunyai kaitan secara tidak langsung kepada Dewan yang mulia dan juga kesejahteraan hidup rakyat Negeri Selangor. Pilihan raya yang adil dan bebas adalah asas kepada sebuah masyarakat yang bertamadun.

Ianya juga adalah asas penyelesaian kepada segala masalah yang dihadapi oleh penduduk baik penduduk akar umbi baik masalah yang dihadapi oleh Pemimpin-pemimpin Kerajaan.

Puan Timbalan Speaker, akta Utusan Malaysia. Berkali-kali menuduh Pakatan Rakyat dan DAP yang terbaru ialah tuduhan liar daripada Utusan Malaysia bahawa DAP ingin menubuhkan sebuah negara Kristian. Ini adalah satu lagi cerita dongeng yang tidak pernah terfikir di dalam fikiran saya dan mana-mana pemimpin DAP tapi ianya telah dilaporkan dan ini merupakan cerita dongeng yang paling mengarut yang belum pernah saya baca sebelum ini.. Kalau kita mempunyai logik kita akan berfikir, kalau DAP memperjuangkan sebuah negara Kristian bagaimana dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat? Bagaimana dengan ahli-ahli kita? Bagaimana dengan pemimpin-pemimpin DAP yang bukan beragama Kristian seperti saya? Seperti YB Ng, Yang Berhormat dari Sekinchan? Seperti Yang Berhormat Kota Alam Shah? Bagaimana dengan kita? Bagaimana dengan kami? Jadi ini adalah satu soalan dan cerita dongeng yang langsung tidak masuk akal. Seterusnya UMNO terus kacau mengganggu, kacau mengganggu cawangan-cawangan DAP yang dianggotai oleh orang Melayu kerana UMNO iri hati dengan pencapaian DAP yang mampu menarik sokongan daripada kaum bumiputera. Bukan sahaja di Negeri Selangor tetapi juga semasa pilihan raya Negeri Sarawak yang baru berlangsung baru mereka berjaya menarik keluar beberapa orang pemimpin cawangan di kawasan Yang Berhormat Bandar Kinrara. UMNO tidak sangka bahawa keluar seorang pemimpin cawangan Melayu daripada DAP akan menarik ramai lagi orang Melayu mencintai DAP di kampung yang sama dan kini saya ingin mengatakan bahawa cawangan ini beroperasi dengan normal tanpa sebarang gangguan.

Puan Timbalan Speaker, Pakatan Rakyat menggunakan konsep Pentadbiran Kerajaan Negeri berlandaskan Merakyatkan Ekonomi Selangor atau M.E.S mulai tahun 2008. Keuntungan Semesta Sdn. Bhd atau KSSB kalau saya tidak silap pada tahun 2010 sudah mencecah 24 juta ringgit. Secara keseluruhannya keuntungan yang diperolehi oleh Kerajaan melalui aktiviti perlombongan pasir sudah melebihi 40 juta ringgit. Oleh itu Kerajaan telah melancarkan program *Jom Pergi Shopping* bersama ADUN baru-baru ini. Saya menyambut baik cadangan daripada Kerajaan Negeri Selangor ini. Dulu saya memberi satu harapan bahawa pelaksanaannya perlulah diringkaskan kerana saya difahamkan kupon akan diberikan kepada setiap warga usia emas yang telah berdaftar dengan Kerajaan Negeri Selangor dan pengangkutan yang akan digunakan ialah bas dari PBT masing-masing. Saya berpendapat bahawa cara ini boleh diringkaskan misalannya kalau di kawasan bandar, mungkin di kawasan luar bandar kita boleh menggunakan bas PBT tetapi di kawasan bandar kebanyakan warga emas mereka mempunyai anak saudara yang mempunyai kenderaan sendiri tapi mungkin yang lebih penting (**tape rosak dan tidak jelas apa yg dicakapkan**) ataupun saya terletak macam di kawasan saya, kita mempunyai kemudahan jadi tak perlu mengadakan birokrasi. Saya mencadangkan supaya kawasan-kawasan di bandar bolehlah kupon itu diberi terus kepada ahli Mesra Usia Emas yang telah berdaftar dengan Kerajaan Negeri dan ini akan meringkaskan seluruh proses pentadbiran. Saya juga memerhati bahawa rizab Kerajaan Negeri telah bertambah seperti apa yang dibacakan tadi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar rizab Kerajaan hanya berjumlah 400 juta ringgit pada tahun 2008. Ini dia sedang mencecah 1 bilion ringgit dan kalau dikira dengan wang pelaburan yang dibelanjakan melalui pelbagai Program MES yang dinilai kira-kira 600 juta ringgit maka peningkatan rizab kerajaan setiap tahun 2008 sudah sampai ke paras 1 bilion ringgit. Bagi tempoh 3 bulan yang pertama pada tahun 2011, Kerajaan Negeri Selangor merekodkan nilai pelaburan asing tertinggi yang sebegitu banyak iaitu sebanyak 150.1 bilion ringgit diikuti dengan Pulau Pinang iaitu 99.1 bilion ringgit dan Johor 76 bilion ringgit. 59 pelaburan telah diluluskan di Negeri Selangor di mana 43 daripadanya adalah pelaburan baru dan 16 yang lain adalah pelaburan yang lama. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri mampu untuk mempertahankan Negeri Selangor sebagai negeri yang ada di

kedudukan pertama dari segi pelaburan asing. Bukan sahaja kita menarik pelaburan asing tetapi 43 pelaburan daripada 59 yang diluluskan adalah pelaburan baru. Ini menunjukkan bahawa kita mempunyai pelabur baru dari luar negara yang pada tahunnya belum pernah melabur di Negeri Selangor tetapi sekarang mereka sudah bertukar arah bertukar ke Negeri Selangor. Ini merupakan satu petanda positif.

Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri kerana sekali mencapai kejayaan ini. Walaupun kita di pintas oleh Pulau Pinang pada tahun 2010 tetapi pada keseluruhannya saya rasa Selangor mempunyai berada pada kedudukan yang cukup baik untuk menjadi johan dalam pertandingan ini. Saya juga mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri kerana sekali lagi kita memimpin dan mendahului Kerajaan Pusat dalam pembinaan rumah mampu milik kepada golongan muda umur di bawah 35 tahun yang berpendapatan antara RM 2500.00 -RM 5000.00 sebulan. Rumah-rumah yang akan dijual oleh Kerajaan Negeri Selangor yang dibangunkan oleh PKNS antara 69 ribu ringgit hingga 100 ribu ringgit. Kita juga menyambut baik mana-mana syarikat pemaju swasta yang ingin menyertai program ini dan saya juga difahamkan bahawa 6 lokasi telah dikenal pasti untuk membina skim rumah mampu milik di seluruh Selangor. Puan Timbalan Speaker, ini adalah suatu perkembangan yang cukup bermakna kerana Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat sudah mampu pelopori malahan membina rumah mampu milik di Selangor dengan harga yang lebih murah sementara Kerajaan Persekutuan sekarang baru hendak mengorak langkah dengan membina rumah sebegini itu pun dengan harga yang lebih tinggi berapa mahal ...220 ribu ringgit. Sekurang-kurangnya 120 ribu ringgit lebih mahal daripada rumah mampu milik yang akan dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Saya berharap, betul-betul berharap supaya lagi banyak skim ini dibina di kawasan-kawasan bandar supaya golongan miskin bandar juga mempunyai peluang untuk menduduki rumah mampu milik yang diusahakan oleh Kerajaan. Satu contoh yang baik ialah projek *PJ Elevated City* iaitu di kawasan Yang Berhormat Seri Setia berdekatan dengan kawasan saya yang saya fahamkan bahawa pada masa sekarang projek ini masih dalam tahan *consent* dan saya berharap dalam peringkat ini kerajaan boleh membantu supaya boleh memasukkan banyak konsep pembinaan rumah mampu milik ini ke dalam tempat ini supaya projek *PJ Elevated City* ini akan memberi manfaat kepada orang muda dan golongan miskin yang masih tidak memiliki rumah sendiri di sekitar Sungai Medan dan Seri Setia. Saya juga mengucapkan syabas bahawa Kerajaan Negeri telah berjaya membangunkan semula projek perumahan Bukit Botak yang telah begitu lama terbengkalai. Projek ini akan disambung semula oleh PKNS dan dijangka akan siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2012. Sebanyak 1422 rumah teres setingkat akan dibina dan akan menelan belanja sebanyak 2.16 bilion ringgit. Di mana 790 juta ringgit ditanggung oleh PKNS sendiri. Berita baik ini ditambah pula dengan peruntukan 9.9 juta ringgit daripada Kerajaan Negeri untuk membaiki lif-lif yang rosak di Rumah Pangsa Kos Rendah di bawah Skim Bantuan Baik pulih Negeri Berkebakikan. Skim ini memang dilancarkan untuk membantu rakyat miskin dan saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya sentiasa menerapkan nilai-nilai murni seperti berdikari di kalangan penduduk rumah kos rendah supaya mereka tidak terlalu bergantung kepada bantuan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah mereka kerana kita sedia maklum bahawa masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk sini ialah pembayaran kos penyelenggaraan tidak dibuat dengan begitu tepat mengikut masa menyebabkan JMB dan MC tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk menyelenggara fasiliti-fasiliti di dalam rumah pangsa ini.

Oleh itu adalah bijak bahawa Kerajaan hanya membiayai 80% daripada perbelanjaan keseluruhannya dan selebihnya dibayar oleh penduduk sendiri. Saya berharap sumbangan Kerajaan akan berkurangan dari masa ke semasa sehingga ke 50% dan selebihnya akan ditanggung oleh penduduk sendiri. Puan Timbalan Speaker, dalam masa kita mencatat peningkatan dari segi dana dan rizab Kerajaan Persekutuan pula masih boros dalam

perbelanjaannya. Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak membelanjakan wang rakyat sebanyak 2.8 juta ringgit untuk lawatannya ke Amerika Syarikat, Australia dan United Kingdom baru-baru ini. Bermula dari tahun 2006 hingga tahun 2010 Kerajaan Persekutuan membayar wang sejumlah 4,900 juta ringgit hanya untuk membiayai bil air, bil elektrik, sewa dan bil penyelenggaraan kediaman rasmi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Kalau perbelanjaan ini dipecah mengikut *item, we give itemize expenses* maka Kerajaan Persekutuan membayar sewa sebanyak 3.3 juta ringgit kepada Perbadanan Pengurusan Putrajaya. Kos penyelenggaraan mencecah sebanyak 3.6 juta ringgit. Apa yang lebih dahsyat lagi dalam tempoh lima tahun ini Puan Timbalan Speaker, Kerajaan Persekutuan menanggung air sebanyak 200 juta ringgit. Bil elektrik sebanyak 10.3 juta ringgit. Kalau kita *convert* tukar kepada bil yang dibayar setiap bulan. Satu bulan bil elektrik kediaman rasmi Perdana Menteri 33 ribu ringgit. Bil, ini adalah bil air, bukan. Maafkan saya bil air 33 ribu ringgit. Nak pakai air macam mana. Mandi badak, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa. Bagaimana dengan bil elektrik. Bil elektrik 171 ribu ringgit satu bulan. *One seven, one zero, zero* satu bulan. Rumah dia hendak menjana elektrik ke. Atau pun hendak mengguna elektrik. Saya tidak faham. Bagaimana sebuah kediaman rasmi boleh begitu mahal dari segi ..

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Maaf, Puan Speaker.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ya! Silakan, silakan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya! Silakan.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Yang Berhormat Puan Speaker. Saya rasa, apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi lebih menjerus kepada Kerajaan Persekutuan. Hari ini kita berada di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri, berbaliklah kepada Sidang Dewan Undangan Negeri. Kerana, saya rasa juga tidak boleh disebut. Ya, ini rumah Perdana Menteri, dan rumah Perdana Menteri ini bukan rumah biasa. Ya! Yang dikunjungi oleh rakyat, dikunjungi oleh orang-orang luar, pemimpin-pemimpin luar. Jadi, apa yang diceritakan ini saya rasa kalau Pakatan Rakyat pun menjadi kerajaan saya ingat, sama juga perkara yang sama akan berlaku. Ya! Jadi, saya haraplah kita baliklah kepada sidang dewan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat, saya akan kembali, akan mengaitkan perkara ini dengan apa yang kita bahas pada petang ini. Tapi, apa yang saya ingat ingatkan kepada Yang Berhormat. Kalau Pakatan Rakyat memegang Kerajaan Pusat, Yang Berhormat kata, bahawa sama saja. Saya rasa tak sama. Kalau sama saja, taklah kita akan memperlihatkan peningkatan rizab yang begitu banyak seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Menteri Besar,

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Saya rasa lebih banyak bil air saya rasa. Kerana lebih banyak benda yang hendak dibersihkan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih, Yang Berhormat, Walau macam mana pun, saya ingin mengatakan bahawa ini bukan sahaja satu, satunya pemborosan yang berlaku di Negara kita. Kerajaan juga telah memperuntukkan 50 juta ringgit, untuk buat apa, Yang Berhormat tahu tak. Ini 50 juta ringgit hanya untuk menjalankan projek My ///. Dan ianya diberi kepada sebuah syarikat yang bermasalah. Yang disenaraikan sebagai salah sebuah Syarikat G & 3. Kalau Yang Berhormat tak tahu apa itu G & 3 saya ungkapkan di sini. G & 3 dengan izin Puan Timbalan Speaker, *is a company designated as an effected listed company because of its poor or adverse financial conditions and level of operation fall into the criteria described in Bursa Saham Malaysia Client Note 3*. Maksudnya kewangan syarikat ini mempunyai masalah. *Adverse financial conditions* yang sangat teruk tetapi mendapat projek 50 juta ringgit. *Open*

tender ke tak *open tender*, sama tak. Kerajaan Negeri Selangor *open tender*. Kalau Kerajaan pusat *close tender*. *Negotiated tender*. Bukan sahaja itu, Yang Berhormat. Ini wang rakyat, wang Negeri Selangor. Petronas mencapai keuntungan sebanyak 63 ringgit untuk tahun kewangan akhir 31 Mac 2011. Peningkatan sebanyak 38.5% berbanding tahun kewangan yang lalu. Dividen yang dibayar kepada Kerajaan Persekutuan 30 bilion ringgit. Tapi Kerajaan Persekutuan nak tarik balik subsidi Petrol, tarik balik subsidi diesel, dan dikatakan Kerajaan boleh menjimatkan wang berbilion-bilion ringgit. Saya ingin bertanya kalau boleh jimat wang berbilion-bilion ringgit, ini dari pengambilan balik subsidi, mengapa tidak diguna wang ini untuk membantu menaikkan taraf, menaikkan taraf kehidupan rakyat di Negeri Selangor seperti apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Belum cukup lagi. Yang Berhormat Guru, Menteri Pelajaran, Muhyiddin Yasin mengatakan bahawa kenaikan gaji guru....

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Tuan Speaker. Saya mohon sekali lagi lah. Saya haraplah Yang Berhormat terus kepada sidang dewan lah. Kita kena cakap Kerajaan Negeri *instead of* Kerajaan Persekutuan. Dah banyak sangat dia bercakap pasal Kerajaan Persekutuan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Saya rasa ini bukan Parlimen.

YB TUAN LAU WENG SAN : Jangan bimbang Yang Berhormat. Saya akan, seperti apa yang saya katakan tadi bahawa saya akan kembali kepada satu, saya akan mencapai satu rumusan bagaimana perbezaan *dua style* pentadbiran kerajaan yang berbeza yang boleh menyebabkan keputusan yang cukup berbeza. Kalau kita lihat apa yang diumumkan oleh Menteri Pelajaran pada bulan Mei. Ada berita baik bahawa guru akan diberi kenaikan gaji tapi indah khabar dari rupa, isinya tidak ada. Hanya mereka, kenaikan gaji ini hanya akan manfaat 5% daripada guru yang terlibat. Manakala 4 ratus ribu orang guru yang lain tidak dapat merasai kebaikan kenaikan gaji ini. Saya ingin bertanya. Mengapa Kerajaan Persekutuan dengan cukai yang begitu banyak dari Kerajaan rakyat Negeri Selangor dengan untung Petronas yang begitu banyak sampai 63 bilion ringgit setahun. Mengapa wang ini tidak boleh digunakan untuk kebajikan rakyat. Mengapa wang ini tidak boleh digunakan untuk menampung kos kehidupan yang miskin, mengapa wang ini tidak boleh digunakan untuk memperbaiki rumah kos rendah, mengapa wang ini tidak boleh digunakan untuk membaiki jalan, longkang, parit di Negeri Selangor. Saya tak tahu. Oleh itu, saya hanya boleh merumuskan bahawa jawapannya hanya satu iaitu Pakatan Rakyat pentadbiran kita berlandaskan merakyatkan ekonomi Selangor. Sedangkan Barisan Nasional di peringkat pusat merompak ekonomi Selangor. Ini hanya menunjukkan bahawa slogan Rakyat Diutamakan, pencapaian diutamakan oleh BN hanya kata-kata kosong. Satu Malaysia kini tidak lagi Satu Malaysia, tepi telah bertukar menjadi Sapu Malaysia. Sapu kontrak, sapu tender, sapu projek, sapu Satu Malaysia. (Dewan Bertepuk)

Puan Timbalan Speaker. Kita akan menjalankan pemilihan Ketua Kampung tidak lama lagi. Ini merupakan satu pemilihan secara percubaan yang akan dijalankan di tiga buah kampung. Iaitu Kampung Baru Jenjarom, Kampung Baru Pandamaran dan Kampung Bagan, Pulau Ketam. Pelaksanaan pemilihan kampung ketua kampung ini akan memberi debaran dan nafas baru untuk menyuburkan demokrasi di Selangor. Ini juga akan membuktikan kepada Kerajaan Persekutuan dan SPR bahawa pemilihan di peringkat akar umbi boleh dijalankan. Barisan Nasional yang selama ini buta demokrasi memang tidak akan memahami makna pemilihan percubaan ini kerana mereka sendiri tidak akan berhasrat untuk memulihkan sistem demokrasi tanah air yang semakin penat setelah ditadbir oleh BN selama 56 tahun lalu. Malahan Ketua Pembangkang membuat tuduhan liar pada 10 Mei 2011 bahawa Kerajaan memperuntukkan 87.6 juta ringgit, satu peruntukan yang cukup besar hanya untuk menjalankan pemilihan Ketua Kampung kerana, apa, sebab saya menyatakan bahawa ini adalah tuduhan liar kerana

Kerajaan tidak pernah meluluskan wang ini untuk tujuan pemilihan Ketua Kampung. Saya sudah semak. Hanya, Kerajaan hanya akan menggunakan 60 ribu ringgit untuk pemilihan Ketua Kampung di ketiga-tiga kampung baru ini. Iaitu secara purata 20 ribu ringgit untuk setiap kampung. Oleh kerana Kerajaan Negeri Selangor mempunyai 78 buah kampung baru dan 360 kampung tradisi maka jumlah perbelanjaan pemilihan ketua kampung sekiranya dijalankan keseluruhan 438 kampung ini ialah 87.6 juta ringgit. Itu kalau pemilihan dijalankan di seluruh Selangor. Tapi kita belum lagi, belum jalan macam mana kata Kerajaan Negeri Selangor, lulus. Jadi, ini menunjukkan bahawa pembangkang Barisan Nasional buta fakta. Saya percaya, dan saya hanya akan percaya kalau Selangor Kerajaan Negeri Selangor mempunyai tanah dan kedudukan kewangan yang stabil barulah kita mampu menjalankan pemilihan kampung secara menyeluruh. Oleh itu tuduhan ini adalah tuduhan yang tidak benar, dan bertujuan untuk memesongkan rakyat. Pemilihan Ahli Majlis secara percubaan juga akan dijalankan untuk 8 zon Majlis Perbandaran Petaling Jaya yang pada masa sekarang diketuai oleh ahli-ahli Majlis yang dilantik daripada NGO. Saya berharap pemilihan secara percubaan ini, walau pun hanya percubaan pada peringkat awal ia akan menunjukkan kepada rakyat di seluruh Negara bahawa Pakatan Rakyat mampu menjalankan pilihan raya yang bersih dan adil walau pun di peringkat akar umbi. Ini menunjukkan kemampuan kita.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Beri laluan, Tuan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan.

YB TUAN WONG KOON MUN : Okey. Seperti mana yang dikatakan ada pemilihan Ketua Kampung di tiga kampung Cina. Mengapa hanya 3 kampung Cina. Mana dia kampung Melayu, mana dia kampung India. Kan tadi katakan Kerajaan Pakatan Rakyat untuk semua rakyat. Sekarang, you buat pemilihan ikut sesuka hati. Pilih kampung saja, Satu. Yang kedua, yang untuk NGO menjadi Ahli Majlis. Masih ada lagi ke Ahli Majlis di bawah tiket NGO. Saya difahamkan kalau dulu Tiket NGO dia perlu menyertai parti. Sama ada Pas, Keadilan atau DAP. Sila nyatakan, siapa daripada wakil NGO menjadi Ahli Majlis. Jangan cuba nak kelirukan rakyat.

YB TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat bolehlah bertanya kepada EXCO. Tapi saya akan ...

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Itu, biarlah Kerajaan yang jawab.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ah! Ya. Saya, saya bukan EXCO lagi. Jangan bimbang. Saya bukan lagi, saya belum lagi. Saya tidak dapat menjawab. Kalau saya boleh jawab saya akan cuba jawab sebera setakat pengetahuan saya.

YB TUAN WONG KOON MUN : Jangan cakap sesuatu yang tidak berasas. Bila ditanya jawapan tidak boleh dijawab.

YB TUAN LAU WENG SAN : Jawapan saya, jawapan saya, jawapan saya. Yang Berhormat dengar jawapan saya.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Siapa yang hendak bercakap dan siapa yang hendak jawab.

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya hendak jawab. Saya belum habis jawab, Yang Berhormat Kuala Kubu sudah bangun.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu, kalau diberi izin untuk bercakap, boleh bercakap. Jangan mencelah tanpa izin.

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu bahawa pemilihan Ketua Kampung ini adalah satu percubaan. Sama ada tiga kampung, empat kampung, lima kampung, kampung tradisi, kampung cina, kampung bagan, kampung mana-mana satu pun. Dia hanya satu percubaan. *The substance*, apa yang penting bukan kampung mana yang dijalankan pilihan raya, tetapi apa yang penting ialah semangat demokrasi itu, subur, disuburkan melalui pemilihan Ketua Kampung. Dan ianya boleh dilaksanakan dan Pakatan Rakyat mampu menjalankannya dengan adil dan bersih. Itu ialah inti pati. Masalah kita bukan kampung mana satu yang hendak dipilih. Siapa nak pilih.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Minta laluan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya belum habis lagi. Berkenaan dengan NGO.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kg. Tunku tak beri izin. Duduk.

YB TUAN LAU WENG SAN : Jangan bimbang, saya akan habiskan jawapan saya. Berkenaan dengan wakil daripada NGO. Kalau di Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Kita ada lapan orang NGO. Kesemua lapan orang NGO ini memang berlatarbelakangkan NGO. Saya ada dua, tiga contoh. Misalannya, yang pertama Encik Derek Fernandez. Memang beliau sudah lama aktif dalam persatuan-persatuan penduduk di Petaling Jaya. Puan Cynthia Gabriel daripada SUARAM. Encik Anthony, seorang wakil dari OKU. Jadi, ini adalah antara contoh NGO-NGO, wakil-wakil NGO yang dilantik menjadi Ahli Majlis. Sama ada NGO ini perlu menjadi ahli parti ke atau tidak, itu terpulang kepada kemampuan mereka, keinginan mereka. Kalau mereka hendak sertai, kita tidak boleh halang. Ya, silakan.

YB TUAN WONG KOON MUN : Ini cakap Kampung Tunku senang saja, kalau dia masuk MCA kalau dipecat Ahli Majlis. Saya nak tanya di Hulu Selangor mana satu wakil daripada Ahli Majlis daripada NGO dahulunya NGO sekarang sudah menjadi parti, kalau tiada parti daripada PKR dia akan dipecat. So, ini adalah satu pembohongan kepada rakyat dalam segi pembungkusan tu cantik, kata mewah, kata dia terus terang, tapi saya tak nampak kalau you kata untuk pemilihan ketua kampung ni, melalui percubaan mengapa tak cuba di kampung Melayu, cuma di kampung cina sahaja. Kalau nak adil nak tunjukkan bahawa you berani buatlah pemilihan di kampung Melayu, kampung India jangan pilih di kampung Cina, saya tau apa sebab usul-usul you nak buat pemilihan di Kampung Cina cuba di Kampung Melayu, itu baru nampak adil sikit, nampak sekarang tak adil, ini hipokrit politik lebih pada pemilihan...

YB TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat, kalau saya boleh tunjuk satu contoh untuk menyangkal tuduhan Yang Berhormat itu sudah membuktikan bahawa tuduhan Yang Berhormat tidak benar, lagipun saya bukan bagi 1 contoh saya bagi 3 contoh Encik Anthony, Encik Derek Fernandez dan Puan Cynthia Gabriel. 3-3 wakil NGO tapi Yang Berhormat jangan bimbang salah saya adalah mungkin saya tidak dapat menjawabnya dengan penuh, masalahnya ialah jawapan akan diberi oleh EXCO nanti dan saya percaya Yang Berhormat akan mendapat jawapan yang memuaskan hati. Puan Timbalan Speaker saya ingin menyebut sedikit tentang Alam Flora dan saya ingin menyebut tentang semakan kehakiman yang difailkan oleh Alam Flora Sdn Bhd yang mencabar keputusan Kerajaan Negeri meminta semua PBT mengambil alih kerja-kerja pembersihan yang saya ingat saya rasa ini adalah satu tindakan berniat jahat yang bertujuan untuk menggagalkan usaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang lebih baik kepada pembayar cukai.

Alam Flora merupakan sebuah Syarikat yang telah diberikan konsesi menguruskan sisa pepejal dan pembersihan pemandaran oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sebelum ini di Negeri Selangor. Tujuannya adalah untuk mengambil alih tugas-tugas pengurusan sampah

dan pembersihan pambandaran daripada PBT kepada sebuah syarikat swasta supaya kualiti perkhidmatan dapat dipertingkatkan. Puan Timbalan Speaker, malangnya disebabkan tugas-tugas ini dipusatkan dengan sebuah Syarikat sahaja iaitu Alam Flora dan bukan melalui tender terbuka, maka dalam keadaan kekurangan persaingan yang sihat prestasi Alam Flora semakin merosot. Walaupun banyak aduan telah diterima oleh PBT terhadap Alam Flora dan Kontraktor-Kontraktornya sejak tahun 2008, Alam Flora sering kali memberi alasan bahawa banyak PBT di Selangor gagal menjelaskan bayaran mereka sekali gus menjejaskan prestasi kewangan Alam Flora dan kontraktor yang dilantikannya. Biarpun begitu, kualiti perkhidmatan Alam Flora di PBT-PBT yang menjelaskan bayaran kepada Alam Flora tepat waktunya tanpa berlengahan sering kali dipertikaikan, ini berlaku kerana Kerajaan Negeri dan PBT tidak memainkan apa-apa peranan dalam pemilihan kontraktor-kontraktor Alam Flora. PBT selalunya hanya menjadi tukang bayar sahaja dan tidak memainkan sebarang peranan dalam pelantikan dan pemilihan kontraktor. Ini menyebabkan ramai kontraktor yang dilantik tidak berdaya saing, khususnya mereka yang pernah berkhidmat dengan Kerajaan yang lama dan mereka terus dilantik. Ada pula mereka yang dilantik ini memberikan kontrak kepada orang lain di mana mereka akan mendapat komisen daripada subkontraktor ini. Sudah tentu subkontraktor tidak mampu memberikan perkhidmatan baik apabila keuntungan yang mereka sepatutnya raih dikurangkan disebabkan '*Tender System*' yang tidak telus ini.

Kerajaan Negeri sudah memutuskan supaya kerja-kerja pembersihan diuruskan seperti oleh PBT, manakala Alam Flora masih kekal menguruskan kutipan sisa-sisa pepejal. Keputusan ini adalah keputusan yang berpatutan. Jika Alam Flora tidak dapat menjalankan tugas mereka dengan baik mengapa pula tidak diserahkan balik kepada PBT melalui Tender terbuka. Yang Berhormat Tender Terbuka bukan Tender Tertutup. Melalui cara ini, semua kontraktor yang berminat....

YB TUAN WONG KOON MUN : Beri laluan, beri laluan tolong.

YB TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat berminat. Saya nak beri laluan

YB TUAN WONG KOON MUN : Saya agak pelik juga lah, yang Alam Flora saya masih ingat pernah EXCO yang menjaga Alam Flora ni di bawah EXCO Gombak Setia dia kata pengurusan Alam Flora prestasi kerja Alam Flora memuaskan. Saya masih ingat, masa itu Bukit Antarabangsa kata mengapa you kata Alam Flora baik, tapi hari ni you kata Alam Flora tak baik. Saya rasa you tak layak fasal EXCO telah mengisytiharkan bahawa Alam Flora telah menjalankan kerja-kerjanya dengan memuaskan. Hari ni you kata tak baik pula. Mana yang betul. Saya tak pasti sama ada Yang Berhormat boleh memberi bukti bahawa Yang Berhormat Gombak Setia mengatakan sebegini. Mungkin Yang Berhormat Gombak Setia puas hati dengan prestasi kontraktor di kawasannya tapi secara keseluruhannya ia nya tidak memainkan prestasi yang sepatutnya. Tak apa Yang Berhormat, kalau kontraktor Alam Flora tidak dapat memainkan prestasi tidak menunjukkan prestasi-prestasi yang bagus kalau mereka merupakan kontraktor yang bagus, baik mempunyai kualiti, mempunyai kemampuan maka pertukaran ini tidak akan menjejaskan mereka kerana di bawah '*Sistem Tender Terbuka*' pun mereka akan dapat kontrak daripada Kerajaan Negeri. Betul tak Yang Berhormat. Setuju dengan saya. Kalau mereka mempunyai kemampuan di mana-mana sahaja pun mereka boleh mendapat kontrak dan kerja. Jadi melalui cara ini saya berpendapat bahawa semua kontraktor berminat bolehlah mengemukakan permohonan mereka melalui tender terbuka dan keputusan akan dipantau oleh Jawatankuasa Tender dan Sebut harga. Keputusan Jawatankuasa ini juga perlu dibentangkan di Mesyuarat Bulanan Penuh PBT. Semua ini dilakukan dengan cara yang terbuka dan orang ramai juga mempunyai hak untuk mendapatkan maklumat lanjutan melalui Enakmen Kebebasan Maklumat yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Oleh itu, saya menyokong sepenuhnya Kerajaan Negeri untuk mencabar semakan kehakiman yang

difailkan Alam Flora dan pada masa yang sama mengarahkan semua PBT untuk menyejajarkan pengambilalihan kerja-kerja pembersihan dan mempelawa kontraktor-kontraktor yang berdaya saing untuk membida kerja-kerja ini.

Puan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang JKR, di mana saya mendapati baru-baru ini, jalan-jalan di sekitar Telok Gong dan Pulau Indah mempunyai masalah yang besar. Telok Gong dan Pulau Indah merupakan tumpuan para pelabur dari dalam dan luar negara. Berikutan kedudukannya yang berdekatan dengan Pelabuhan Barat. Banyak syarikat-syarikat pengangkutan dan logistik menubuhkan bengkel, depot dan pejabat urusan mereka di sekitar Telok Gong dan Pulau Indah. Telok Gong juga merupakan salah satu tumpuan peminat-peminat makanan laut dari seluruh negara dan Selangor di mana pada setiap hari minggu restoran-restoran makanan laut di Telok Gong pasti penuh dengan peminat-peminat makanan laut. Oleh itu, Kerajaan harus memberikan tumpuan khas kepada pembangunan infrastruktur di Telok Gong dan Pulau Indah. Tempat-tempat ini pada dahulunya terdiri daripada perkampungan-perkampungan tradisi dan tanah pertanian kini ia nya telah bertukar wajah dengan pembinaan kilang-kilang pemprosesan dan pengeluaran. Setiap hari ribuan kenderaan berat keluar masuk kawasan-kawasan ini dan disebabkan itu keadaan jalan-jalan utama di kawasan ini kebanyakannya yang kebanyakannya merupakan jalan-jalan di bawah pemantauan JKR. Selalu rosak dan tidak diselenggara dengan betul. Kerajaan juga harus berusaha untuk memutihkannya kilang-kilang haram yang beroperasi di tanah-tanah pertanian di kawasan ini di mana kerajaan boleh meminta pemilik-pemilik kilang di kawasan ini membayar *fee* infrastruktur untuk menyelenggara jalan-jalan yang dirosakkan oleh kenderaan-kenderaan berat. Sementara itu, Kerajaan juga harus mendesak Kerajaan Persekutuan di bawah JKR untuk menyelenggara mana-mana jalan Persekutuan yang terletak di bawah penjagaan JKR pusat. Kegagalan JKR pusat untuk memantau dan menyelenggara jalan-jalan Persekutuan ini telah menyebabkan keadaan jalan yang memang sudah teruk di kawasan ini bertambah lebih teruk lagi. Salah satu cara yang boleh diambil oleh Kerajaan ialah meluluskan satu peruntukan khas memandangkan kutipan dana kita pun sudah meningkat untuk menyelenggara jalan-jalan dan infrastruktur-infrastruktur di kawasan ini. Kerajaan selepas ini juga boleh memasukkan caj ini dalam bentuk premium atau cukai taksiran mana-mana pekilang yang telah berjaya diputihkan. Cadangan ini dibuat semata-mata kerana kedudukan Telok Gong dan Pulau Indah yang sangat strategik. Kalau Kerajaan menunggu semua kilang di sini untuk diputihkan dan kemudian membayar fi-fi penyelenggaraan yang sepatutnya dibayar saya ingat ia akan mengambil masa yang sangat lama lebih-lebih lagi kebanyakan kilang-kilang di kawasan ini masih belum mendapat sijil layak menduduki kerana masih belum mendapat kelulusan daripada Jabatan Bomba dan sekali gus ini telah melambatkan sebarang usaha untuk meningkatkan infrastruktur-infrastruktur kawasan ini. Telok Gong dan Pulau Indah memainkan peranan dan fungsi yang sangat penting dalam menarik pelaburan asing ke Negeri Selangor. Untuk kepentingan ekonomi Selangor saya berpendapat adalah wajar kerana Kerajaan Negeri memberi tumpuan khas kepada masalah-masalah infrastruktur di kawasan ini. Saya juga menggesa supaya Kerajaan memastikan penggunaan peruntukan MARRIS tidak akan disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tertentu. Ini merupakan satu tuduhan yang dibuat oleh Menteri Kerja Raya di peringkat pusat Yang Berhormat Shaziman Mansor, saya berharap Kerajaan Negeri boleh menyemak dan jikalau tuduhan ini adalah tidak benar saya meminta EXCO yang berkenaan untuk memberi penjelasan secara terbuka di Dewan yang mulia ini.

Saya juga menggesa kepada Kerajaan Negeri supaya memantau dengan betul-betul prestasi kewangan di Majlis-Majlis Daerah di seluruh Negeri Selangor kerana kesuntukan kewangan di kawasan-kawasan ataupun PBT ini sudah menjadi satu masalah yang semakin serius. Saya meminta Kerajaan Negeri kalau boleh memberi peruntukan khusus dalam mana-mana perbekalan tambahan seperti ini untuk memajukan, membangunkan infrastruktur di PBT ini

supaya masalah nya tidak akan berlengah-lengah lagi, dilengah-lengahkan lagi dan dapat diselesaikan secepat mungkin. Oleh itu, saya mengalu-alukan audit khas yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri terhadap semua kontrak yang diberikan kepada kontraktor pembersihan di bawah Majlis Daerah Kuala Selangor. Ini perlu untuk memastikan bahawa punca kelewatan serta sama ada tuntutan pembayaran tersebut dibenarkan menurut garis panduan sedia ada. Melalui semakan awal yang dilakukan Kerajaan Negeri telah mendapati MDKS telah meluluskan perbelanjaan melebihi had yang dibenarkan. Ini kerana pada tahun 2007, Kerajaan Negeri hanya membenarkan MDKS membelanjakan sejumlah 3.2 juta untuk kerja-kerja pembersihan. Jadi, semakan ini dari masa ke semasa perlu dijalankan untuk memastikan bahawa tahap dan keadaan kewangan PBT khususnya PBT Majlis Daerah-Majlis Daerah ini sentiasa dalam keadaan yang sihat dan saya meminta supaya Kerajaan dapat melaksanakan syor-syor yang diketengahkan oleh saya tadi supaya agar dalam pertengahan tahun yang kedua selepas ini rakyat di Negeri Selangor akan dapat menikmati manfaat-manfaat daripada pentadbiran Kerajaan yang berlandaskan merakyatkan ekonomi Selangor, dengan itu saya mengakhiri ucapan saya dengan ribuan terima kasih dan saya berharap rakan-rakan di Dewan yang mulia ini bolehlah menyokong Enakmen Perbekalan Tambahan ini. Sekian, terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih, Kampung Tunku. Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Puan Speaker, Y.A.B. Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan, Kakitangan Kerajaan serta para pemerhati yang saya muliakan. Salam sejahtera, salam bersih untuk semua. Dalam Dewan yang mulia ini Sekinchan ingin turut serta dalam perbahasan Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan No.2/2011 di Persidangan Kedua Penggal ke 3 Dewan Negeri Selangor yang ke 12 ini. Sebelum saya mengupas lanjut membahaskan untuk tentang bajet tambahan ini, ingin saya kupas sedikit tentang BERSIH. Kenapa?.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, saya rasa dah cukup BERSIH dah. Dah cukup BERSIH, tak usah lagi BERSIH.

YB TUAN NG SUEE LIM : Saya akur kepada nasihat Speaker tentang BERSIH cuma saya nak katakan saya tidak, mesra dengan kuning, sebab warna kuning bukan sahaja warna diraja, warna kuning nama saya hurufnya kuning maknanya HWANG, warna kuning saya memang sinonim dengan kuning dulu kini dan selamanya. Tapi ada orang ada puak-puak yang takut orang *jowo ngomong betik* kalau kuningan sindrom ketakutan kuning. HWANGSA, KONG CHIK SEN. Tuan Speaker, bajet tambahan yang memperuntukkan sejumlah 114,226,965.12 ini bukan sahaja bagi memenuhi keperluan perbelanjaan tambahan malahan ia adalah bukti nyata bahawa kedudukan kewangan Negeri Selangor berada dalam keadaan yang kukuh dan stabil. Di samping itu, peningkatan kutipan hasil semasa yang telah memperkukuhkan kedudukan kewangan di mana laporan terkini yang diberi oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar bahawa aliran tunai negeri telah mencatat kenaikan lebaran kewangan imbalan kewangan sebanyak 20%. Iaitu lebih kurang 200 juta dalam tempoh 6 bulan yang pertama tahun 2011. (Dewan Bertepuk).

Pada bulan Disember 2011 jumlah wang tunai dalam Negeri Selangor dan di campur kesemuanya ialah 1.63 bilion berbanding dengan Ringgit Malaysia 1.8 sehingga Jun 2011 ini. Pertambahan bajet ini sebanyak 200 juta bukan sahaja mengejutkan membuktikan pengurusan kewangan negeri dalam keadaan yang kukuh kembali dalam landasan yang betul dan sekali gus menyangkal dakwaan serta doktrin pihak pembangkang yang kita sering menambah bajet dan tidak kira bajet pada pembentangan bajet pada akhir tahun, kenapa harus ditambah. Pada hemat saya wajar ditambah kerana kedudukan pendapatan kutipan hasil Negeri Selangor ini sudah bertambah dan kukuh maka perbelanjaan semasa wajib dilakukan. Ini cara yang

Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat mengurus mentadbir ekonomi. Bukan seperti Barisan Nasional di peringkat Pusat, bukan sahaja bajet defisit malah setiap kali Persidangan Parlimen peruntukan tambahan bajet dilakukan menambahkan lagi defisit bajet mereka. Inilah semakin teruk cara mereka mengurus tadbir ekonomi berbanding dengan Pakatan Rakyat.

Tuan Speaker, salah satu faktor yang menambah kepada kekuatan sistem Pentadbiran Negeri Selangor yang mendapat kutipan hasil yang tinggi dan semakin bertambah ini adalah kerana prinsip pentadbiran urus tadbir Negeri Selangor yang menekankan pentingnya urus tadbir melalui konsep ketelusan, kebertanggungjawaban dan keupayaan yang dipraktikkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri bersama seluruh EXCO Kerajaan Negeri. Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bagaimana usaha Kerajaan Pakatan Rakyat mutakhir ini memikirkan bagaimana mengurangkan bebanan rakyat yang akhir-akhir ini dibelenggu oleh kos saraan hidup yang semakin hari semakin tinggi angkara kenaikan harga barangan yang melampau tinggi. Harga tepung naik, harga gula naik, elektrik naik, semua naik tetapi gaji kakitangan awam atau sebagainya tidak dinaikkan. Lainlah di Negeri Selangor gaji guru-guru KAFA baru-baru ini telah dinaikkan 300 ringgit menjadi 1,300 ringgit. Inilah cara contoh bagaimana Kerajaan Pakatan Rakyat memikirkan membantu rakyat mengurangkan bebanan tanggungan mereka.

Tuan Speaker, baru-baru ini Kerajaan telah melaksanakan satu dasar baru pembaharuan tanah yang cukup canggih dan inovatif telah dirangka untuk kerajaan negeri menerusi satu skim yang dinamakan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan Untuk Kediaman Persendirian. Terdapat tiga objektif utama dalam skim pembaharuan tanah tersebut.

1. Menyelesaikan masalah rakyat berkaitan ketidakmampuan menjelaskan bayaran premium tanah;
2. Memberi peluang kepada rakyat Negeri Selangor membuat pilihan untuk menentukan kaedah membayar premium mengikut kemampuan masing-masing; dan
3. Membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan isu pendudukan setinggan di atas tanah kerajaan.

Ketiga-tiga objektif ini menepati cara pentadbiran Kerajaan Negeri memikirkan bagaimana nak membantu rakyat dan meringankan bebanan rakyat. Sejak sekian lama masalah tanah memang menjadi satu masalah yang cukup dititik berat oleh seluruh rakyat Negeri Selangor tidak kira Melayunya, Cina, India dan sebagainya. Mereka masing-masing ingin mempunyai, memiliki tanah untuk kediaman mereka tetapi sering kali tidak memperolehi kelulusan daripada Pihak berkuasa khususnya pada waktu zaman Kerajaan Barisan Nasional terdapat ramai yang duduk di kawasan tanah kerajaan selama 30 tahun, 50 tahun tetapi oleh sebab mungkin mereka salah parti, dikatakan menyokong Pakatan Rakyat ataupun salah parti lain tidak diberi kelulusan. Dan selepas Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih tampuk pemerintahan pada 3 tahun yang lalu, beratus dan beribu hak milik tanah telah diluluskan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat kepada mereka yang menduduki tanah kerajaan untuk kediaman persendirian tidak kurang yang lebih 20 tahun dan 30 tahun rata-rata mereka memperolehi hak milik tanah. Walau bagaimanapun, terdapat ramai lagi rakyat khususnya di luar bandar di kawasan Sekinchan, Sabak Bernam, Sungai Panjang di Sekinchan contohnya, walau pun hak milik sudah diluluskan, borang 5A sudah diberi kepada pemilik, saya bagi contoh di Kampung Penerangan Parit 5, Sekinchan di mana seramai 55 keluarga yang menduduki kawasan tersebut selama lebih 30 tahun dan Kerajaan Negeri telah meluluskan 55 kesemuanya hak milik dan borang 5A sudah diberikan sejak hampir dua tahun yang lalu, tetapi sehingga kini rekod yang diterima oleh

Pejabat Tanah Sabak Bernam masih ramai lagi yang tidak menjelaskan premium tanah kerana mereka tidak mampu. Memandangkan tanah yang diduduki itu di bawah *zoning* perindustrian, maka premium yang dikenakan lebih tinggi dari tanah yang berstatuskan pertanian. Saya difahamkan tapak yang diluluskan rata-rata menerima diarahkan membayar di antara 15,000 hingga 18,000 tanah di Kampung Penerangan di mana kawasan tersebut 55 keluarga majoritinya masyarakat Melayu dan ramai daripada mereka adalah majoritinya penyokong tegar Barisan Nasional UMNO, tetapi waktu zaman pemerintahan mereka Barisan Nasional, UMNO walau pun penyokong kuat mereka tetapi mereka ini tidak diberi layanan yang seadilnya tetap dizalimi, tetap dizalimi, tidak diberi hak milik pun, di janji melalui Pilihan Raya berkali-kali tetapi tidak diberi hak milik. Selepas Pakatan Rakyat kita beri hak milik masalah sekarang adalah kerana mereka tidak mampu, tidak mampu membayar premium kerana ramai di antara mereka adalah golongan fakir miskin yang kerja sambilan, maka dengan itu dengan adanya skim bayaran premium 1,000 ringgit ini maka masalah mereka bakal diselesaikan.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Tan Sri Dato' Seri Menteri Besar kerana telah memikirkan bagaimana cara untuk membantu rakyat sehingga menyelesaikan masalah rakyat dan tidak lupa juga saya mengucapkan tahniah kepada seluruh Pegawai Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor yang bertungkus-lumus untuk membantu dalam menjayakan program ini iaitu memberi skim, Melancarkan Skim Tanah, Pemilikan Tanah untuk Kediaman Persendirian yang menawarkan dua pilihan iaitu sekiranya yang tidak mampu, yang mampu boleh bayar premium semasa dan akan diberi potongan 30% dalam tempoh sah Borang 5A iaitu 6 bulan. Dalam tempoh 6 bulan akan diberi potongan 30% tanpa perlu membuat rayuan dan sebagainya kerajaan akan terus memberi potongan bagi mereka yang mampu dan akan perolehi geran mereka hak milik mereka. Bagi mereka yang kurang mampu Kerajaan Negeri tawarkan bayaran 1,000 ringgit dominan, 1,000 ringgit dan juga akan memperolehi hak milik mereka dan geran mereka boleh bawa balik tetapi akan disyaratkan apabila tanah ini dijual kepada pihak ketiga untuk dijual kepada orang lain tanah akan dikenakan premium semasa mesti dilangsaikan, dibereskan dan tanah ini juga boleh dipajak dengan bank dan sebagainya. Apabila gagal membayar hutang-hutang lelongan dibuat premium semasa mesti ditolak. Ini antara syarat yang dikenakan dan ini adalah khabar berita yang paling baik diterima oleh rakyat Negeri Selangor, rata-rata menyanjung cara Kerajaan Negeri mengendalikan masalah tanah ini. Saya yakin dan percaya Selangor dalam konteks penyelesaian tanah ini kita berada di hadapan, reformasi tanah ini, pembaharuan tanah ini, kita adalah negeri yang pertama yang melakukan anjakan seperti ini, reformasi seperti ini. Tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, saya ingin nyatakan di sini juga tentang ada juga terdapat rungutan aduan daripada rakyat yang 1,000 pun mereka tidak mampu bayar. Ada juga sebab ada golongan OKU memang golongan asnaf jangan kata 1,000, 500 pun mereka enggak mampu untuk bayar premium. Jadi bagaimana kita hendak membantu rakyat sedemikian. Maka Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga sudah memikirkan sudah memikirkan secara terperinci, memperhalusi bagaimana nak membantu rakyat yang kurang mampu bayar 1,000 ringgit ini. Kalau betul kita siasat mohon kerajaan sudah menyediakan dana sebanyak 2 juta untuk membantu rakyat yang tidak mampu 1,000 ringgit ini tetapi ada syaratnya. Kerajaan Negeri akan umum syaratnya iaitu mintak kerja atau diganti dengan kerja-kerja kebajikan atau kerja apa yang akan ditetapkan oleh Kerajaan. Biar mereka membantu kerajaan dalam kerja sambilan atau dengan apa cara sekali pun, tetapi ini akan ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Maka selepas ini saya yakin dan percaya masalah tanah akan diselesaikan lebih daripada 90%. Kalau yang tak dapat diselesaikan saya yakin mungkin di antara masalah pertindihan, masalah mahkamah dan sebagainya itu mungkin yang tidak dapat

diselesaikan yang lain majoritinya 90% sudah pasti selesai. Dan di DUN Sekinchan ini Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah bermurah hati di bawah Pakatan Rakyat bukan sahaja memberi kelulusan hak milik tanah kepada Kampung Penerangan yang diduduki kawasan majoriti Melayu tetapi juga pada masa yang sama memberi kelulusan hak milik tanah secara pemberimilikan kepada rakyat Nelayan di Kampung Bagan Sekinchan. Kampung Nelayan Bagan Sekinchan Lorong 1 hingga Lorong 5, 183 hak milik sudah diluluskan dan Borang 5A pun sudah diberi tahniah kepada Kerajaan Pakatan Rakyat yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Dan seterusnya terdapat satu masalah yang ingin saya nyatakan di Dewan yang mulia ini di mana Lorong 6 hingga Lorong 12 Bagan Sekinchan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga maklum perkara ini dan telah mengarahkan Pejabat Tanah membuat satu kertas kerja untuk menyelesaikan masalah yang saya bangkitkan itu iaitu 100% penduduk yang duduk di Lorong 6 hingga 12 sejak 30 hingga 50 tahun yang lalu adalah Nelayan masyarakat China di Sekinchan. Tetapi yang pelik sedikit tanah tersebut kalau dirujuk kembali ke Pejabat Tanah status tanah berkenaan adalah rizab tanah Melayu, rizab tanah Melayu dan penduduk sudah lama memohon bantuan kerajaan sama ada dengan apa cara sekali pun untuk memberikan hak milik tanah memandangkan kekangan status tanah rizab Melayu ini agar sukar maka sehingga sekarang masalah itu tidak dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun, di bawah Menteri Besar Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim telah mencari satu pendekatan yang menang-menang *win-win situation* untuk semua iaitu mencari sekeping tanah yang sama keluasan iaitu 77 ekar tanah kerajaan yang kosong yang tidak diwartakan apa-apa dan kawasan itu diwartakan sebagai tanah rizab Melayu dan ini yang sama luasnya dikeluarkan warta rizab Melayunya untuk diselesaikan masalah ini. Syukur Alhamdulillah.

Tuan Speaker, kerja-kerja kesemuanya dan pihak EXCO, MMKN telah meluluskan beberapa bulan yang lalu untuk kelulusan ini dan sekarang ini telah sampai ke peringkat untuk mengeluarkan warta rizab Melayu ini. Saya yakin dan percaya kalau Kerajaan Negeri dapat memberi bantuan yang selebihnya pada tahun ini atau tahun depan penduduk-penduduk di situ dapat mengemukakan permohonan untuk pemberimilikan hak milik. Dan inilah saya nak tunjukkan dan buktikan di Dewan yang mulia ini bagaimana cara pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat untuk membantu rakyat bukan *ngomong-ngomong kosong*, ha.. ini yang penting, yang saya tegaskan di sini. Dan sekali lagi saya menyeru YAB Dato' Menteri Besar dapat memantau perkara ini agar supaya disegerakan proses pewartaan dan saya yakin dan percaya dalam masa terdekat perkara ini juga akan diselesaikan.

Tuan Speaker, saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan seperkara yang saya yakin cukup penting di mana di DUN Sekinchan ini masih terdapat kawasan yang memerlukan pembangunan perumahan. Satu projek sudah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di pekan Sekinchan tetapi masih terdapat satu kawasan di luar daripada kawasan Sekinchan iaitu 5 kilometer di sebelah berhampiran dengan Sungai Tenggi iaitu Hutan Simpan Sungai Karang. Kampung tersebut namanya Kampung *Side A instead Side A* iaitu 5km jaraknya daripada pekan Sekinchan. Di situ terdapat lebih kurang 180 penghuni masyarakat Cina di situ dan terdapat sebuah tokong yang besar menjadi *land mark* di situ dan kemudiannya terdapat juga sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina SJK Keing Seing. Murid-murid yang belajar di situ pelajarannya berjumlah 120 orang lebih kurang. Dan saya ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat kerana Kerajaan Negeri telah bermurah hati memperuntukkan bantuan sekolah, bantuan khas untuk sekolah SJK untuk sekolah *Side A Keing Seing* ini. Sebanyak 3 kali sekolah berkenaan sudah menerima bantuan iaitu RM50,000.00, RM75,000.00 dan RM50,000.00. semuanya RM175,000.00 dalam tempoh masa 3 tahun. Ha... ini dia bukti, bukti komitmen Pakatan Rakyat. Kita tidak mendiskriminasikan mana-mana aliran sekolah yang dapat melahirkan

modal insan yang berkualiti dapat membantu dan melahirkan modal insan yang baik untuk Selangor, Kerajaan Negeri sudi sedia membantu tanpa mengira kaum. Dan masalah yang saya fokuskan ialah di kawasan tersebut pelajar-pelajar, murid-muridnya makin hari makin berkurangan, angkara apa. Setelah di siasat ialah ramai anak-anak muda berpindah keluar kerana kekurangan rumah di situ. Hanya 180 dan rata-rata penduduk di situ meminta terdapat tanah kerajaan yang seluas 4 ekar berhampiran dengan tokong Chee Wang Yeh di sebelah tokong yang besar itu, di sebelahnya ada 4 ekar dan kertas permohonan sudah pernah dipanjangkan hingga ke EXCO tetapi ditolak kerana *zonningnya* adalah *zonning* di bawah rekreasi ataupun kawasan hijau. Memandangkan kawasan di situ sudah hijau seluruhnya, bendang semuanya hijau, sudah hijau, menghijau bagaikan lautan saya kiranya adalah wajar Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan *zonningnya* akan diubah supaya dijadikan perumahan dan dapat dibina sekurang-kurangnya 60 buah rumah teres di situ untuk memenuhi permintaan rakyat *Side A* di DUN Sekinchan ini.

Satu pendengaran awam telah dibuat oleh Pejabat Tanah, Pejabat Daerah dan Tanah dibantu oleh Majlis pada setahun yang lalu telah dibuat di situ dan saya juga menghadiri majlis tersebut majoriti 98% rakyat di situ menyokong pelaksanaan projek perumahan ini. Oleh yang demikian, saya sekali lagi menyeru YAB Dato' Menteri Besar dapat memperincikan, memperhalus permintaan rakyat di DUN Sekinchan ini khususnya di kawasan *Side A* untuk perumahan rumah teres 2 tingkat.

Tuan Speaker, apa yang saya nyatakan iaitu Kerajaan Pakatan Rakyat memikirkan bagaimana mengurangkan bebanan-bebanan rakyat. Kita mengurangkan membantu mereka mengurangkan bebanan rakyat, manakala di sebelah Barisan Nasional mereka memikirkan bagaimana menindas rakyat, menyusahkan rakyat, menzalimi rakyat. Kerana apa, mereka menaikkan harga barang, naikkan harga minyak, naikkan tarif elektrik dan naikkan polis tekan rakyat dalam perhimpunan BERSIH, ha.. ini yang saya tidak tahan. Mereka tidak memikirkan bagaimana nak menolong rakyat, mereka menyusahkan dan menindas serta menaikkan harga barangan. Kita memikirkan bagaimana meringankan masalah rakyat dan bebanan rakyat. Maka baru-baru ini Kerajaan Negeri telah melaksanakan satu program iaitu Rumah Mampu Milik.

Rumah Mampu Milik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dibantu oleh PKNS adalah rumah di bawah RM100,000.00 iaitu RM99,000.00. Rumah ini rumah seluas lebih kurang 750 hingga 850 kaki persegi ini adalah Rumah Mampu Milik yang lebih selesa daripada rumah kos rendah yang dahulunya RM42,000.00 seunit. Rata-rata rakyat di Negeri Selangor menyambut baik program ini, pelaksanaan ini dan sehingga saya mendapat banyak permintaan di Sekinchan juga ada rakyat yang datang minta kalau boleh disuruh PKNS cari atau beli tanah di Sekinchan, beli tanah rizab Melayu 3 ekar, 4 ekar untuk didirikan lagi Rumah Mampu Milik di DUN Sekinchan ini. Saya yakin dan percaya sekiranya Kerajaan Negeri dapat menghalusi permintaan ini, PKNS punya kemampuan, ya.. Kerajaan Negeri punya kemampuan untuk mendirikan, membina Rumah Mampu Milik di DUN Sekinchan ini untuk permintaan semua lapisan masyarakat sama ada golongan pertengahan dan golongan bawah. Inilah satu kerajaan yang disanjung, di dokong oleh rakyat.

Tuan Speaker, seterusnya ingin saya bangkitkan tentang masalah, satu masalah yang saya kira penting iaitu saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa PADAT sering kali menerima rungutan dan aduan daripada pengusaha-pengusaha, pengusaha lori khususnya, pengusaha lori. Ya, saya ingin tegaskan pendirian saya sebagai Pengerusi PADAT kita tidak akan kompromi dengan sebarang elemen unsur, kegiatan mencuri pasir, kita tidak, saya tidak kompromi langsung. Barang siapa yang curi pasir di negeri Selangor kita akan adu kepada pihak yang berkuasa untuk ditangkap. Sokong bukan 100%, sokong seratus kosong peratus untuk mereka disokong

kerana mereka ini telah merugikan kerajaan dari segi royalti dan bayaran cukai dan kita setuju pihak Kumpulan Semesta mengendalikan industri pasir ini di Negeri Selangor. Dan laporan yang terbaru, peningkatan demi peningkatan kutipan hasil untuk industri hasil pasir ini sehingga pihak Barisan Nasional Pembangkang semakin hari semakin berputih mata. Dan tiada lagi apa-apa yang dapat mereka lakukan kecuali hanya tengok sahaja. Dan negeri mereka iaitu Johor pun terpaksa nak melakukan benda yang sama mengekori di belakang Negeri Selangor. Dan apa yang kita saya kenal pasti dalam Jawatankuasa PADAT ini di mana terdapat pengusaha lori yang disabitkan kesalahan oleh Penguat kuasa PTG ataupun pihak Pejabat Tanah, mereka curi pasir dan sebagainya ada? Memang ada, tetapi masalahnya lori ini sudah disita, ada pengusaha yang mengadu lori mereka sudah disita bukan satu bulan, bukan dua bulan, bukan tiga bulan, bukan setengah tahun, lorinya sudah disita lebih satu tahun, setahun setengah pun ada, lori yang disita. Dan mereka sering bertanya, ya.... kalau kita salah curi pasir pun dakwalah kita di mahkamah, kita menuntut prinsip keadilan, kalau salah, kompaun ke, atau dakwa di mahkamah, janganlah sita lori tu sampai dulu, kini dan selamanya. Ha..... betul juga saya fikir. Oleh yang demikian saya terpaksa panjangkan di Dewan yang mulia ini supaya perkara ini diambil perhatian. Pihak PTG, pihak Perundangan, kalau betul mereka salah kita ambil satu SOP, satu *time period* iaitu tiga bulan, kalau mereka salah kita dakwa mereka di mahkamah, kalau mereka salah hukum lori masuk penjara atau tidak itu lain cerita. Tetapi yang pentingnya salah patut dihukum, salah patut dihukum saya setuju tetapi janganlah guna sampai satu tahun lebih. Kita juga harus memberi kewajaran tempoh yang wajar kepada pengusaha, mereka juga nak cari makan, *arek golek mangan juga'* dengan izin, nak cari makan. Kalau mereka salah sekali buat setengah tahun mereka dah taubat lahum dah tak akan mereka lakukan saya rasa. Sudah cukup untuk pengajaran kepada mereka. Jadi saya minta tangkap mesti diperketatkan lagi tetapi apabila ada kesalahan, ada penangkapan, disita lori ambil masa tiga, kalau boleh tiga bulanlah supaya menunjukkan kita efektif. Tiga bulan kita dakwa di mahkamah sama ada sabit kesalahan atau tidak supaya kes itu dapat diselesaikan. Ha..... inilah cara, satu cara pentadbiran Kerajaan yang lebih efisien, lebih ke depan.

Dan seterusnya Tuan Speaker, saya ingin panjangkan, tentang sampaikan satu cadangan kepada YAB Dato' Menteri Besar khususnya EXCO Pertanian di mana masalah nelayan ini dulu, kini, sehingga sekarang pun tidak selesai-selesai sehingga bersabitan dengan subsidi pun ada nelayan dah mogok tidak ke laut. Tetapi di Negeri Selangor ini, setakat ini masih, mereka masih merungut di mana kekurangan bantuan daripada Kerajaan Negeri. Ya, kita tahu, kita sedia maklum masalah nelayan ini di bawah Kementerian Pertanian di bawah LKIM, Lembaga Kemajuan Ikan tetapi ada kalanya Kerajaan Negeri kalau boleh kita rangkakan satu bantuan sama ada dulu Kerajaan yang dulu dipimpin oleh bekas mantan Menteri Besar, Sungai Panjang mereka adakan satu dana RM5,000.00 untuk nelayan. Tetapi malangnya dalam bantuan tersebut, bantuan motor, bantuan bot mereka tidak menggunakan satu pemantauan jawatankuasa yang telus. Cara pengagihan tidak telus, mereka hanya digunakan untuk kepentingan politik mengagih-agihkan motobot ini dan motobot ini seolah-olahnya milik UMNO, Barisan Nasional. Dan orang-orang yang lain parti, salah parti walaupun mereka nelayan yang tulen, minta maaf tiada ruangan bagi mu. Ha.... itu yang berlaku dahulu kala, zaman yang saya sifatkan zaman jahiliah itu.

Tuan Speaker, maka dengan itu saya minta kerajaan boleh terus memberi bantuan dari segi peralatan dan sebagainya tetapi pra-syaratnya kita mesti memantau dengan teliti, siapa mereka dan mereka ini mengambil kesempatan atau tidak. Nelayan yang tulen atau tidak ataupun nelayan yang cari makan dapatkan bot, tiga bulan mereka akan jual, enjin sangkut pun mereka jual dan tukar enjin yang *secondhand* daripada peniaga-peniaga dan kemudian setengah beritahu motor sangkut sudah rosak. Walhal motor itu motor baru tetapi rosak setengah tahun mereka dan tukar *secondhand*. Ha... itu gejala sedemikian wajar kita bendung

tetapi bantuan kita kena fikirkan bagaimana kita hendak bantu mereka dan jangan kerana itu kita berhentikan, jangan kerana kita bawa kereta ada kemalangan kita suruh anak jangan membawa memandu kereta lagi. Itu bukan cara untuk membantu rakyat dan saya syorkan agar perkara ini diperhalusi oleh YAB Dato' Menteri Besar dan seterusnya kalau boleh oleh sebab nelayan ini mereka sering kali menghadapi ancaman-ancaman. Ancaman daripada marin, polis, ancaman daripada LKIM, Penguat kuasa dan sebagainya kerana apa, khususnya di Sekinchan bot-bot permit B mereka tidak dibenarkan mengupah, mengambil pekerja asing, tidak boleh ambil pekerja asing walaupun 2 orang tidak boleh. Kerajaan Persekutuan Kementerian tidak izinkan, maka mereka sering kali mengambil secara tidak sah untuk mencari nafkah hidup bagi keluarga dan anak bini mereka. Mereka terpaksa gunakan cara yang *illegal* tidak sah untuk ke laut. Maka mereka sering kali menghadapi ancaman ditangkap, dihukum, disita botnya dan kemudiannya ancaman apa lagi, lanun-lanun di tengah laut dipukul, ditembak dan kemudian ancaman yang terbaru sering kali berlaku pelanggaran bot dengan kapal-kapal besar di perairan dan mereka balik, mereka mengalami kerugian berpuluh ribu. Berpuluh ribu. Dan nelayan pantai persisiran pantai nelayan yang bot-bot kecil memang mengalami kerugian beribu-ribu ringgit. Maka, dengan itu sering kali mereka mengajukan kepada saya 'ada apa bantuan kerajaan negeri untuk perkara ini?' Kadang-kadang, oleh kerana ada bantuan peruntukan ADUN kita boleh bagi RM2,000, RM1,000 sebagai sagu hati untuk meringankan bebanan, tetapi bagi saya itu sekadar untuk bantu sahaja.

Kalau boleh kerajaan juga dalam bajet yang ada ini, saya cadangkan tubuhkan satu tabung khas bencana untuk nelayan. Yang mana nelayan menghadapi bencana yang berat. Ya, yang berat, kapal tenggelam, pelanggaran mati di tengah laut dan sebagainya, diculik ataupun dipukul sehingga mati dan sebagainya, kapalnya dirampas. Perkara yang sedemikian boleh kita pertimbangkan memberi bantuan yang khas. Bukan semua boleh dapat bantuan dalam konteks yang saya cadangkan. Cuma yang khas (yang kes-kes tertentu) supaya satu dana ini ditubuhkan dan bantuannya kepada semua nelayan-nelayan tidak kira Melayu, cina, India. Semuanya. Kita mahu tabung sedemikian kalau boleh saya cadangkan kepada kerajaan negeri Pakatan Rakyat yang begitu prihatin terhadap masalah rakyat.

Tuan Speaker, seterusnya ingin juga saya menyeru sekali lagi kerajaan negeri menulis surat dan memanjangkan kepada Kementerian Pertanian di bawah menterinya Noh Omar untuk merayu agar bot-bot di perairan seluruh negeri Selangor ini di benarkanlah mengupah dua pekerja asing memandangkan (bukan saya menyokong kita membanyakkan pekerja asing. Tidak.) keadaan sekarang saya dah semak, sudah ku renung, sudah saya renung lama dah, tengok bagaimana nak selesaikan masalah pekerja ini. Nampaknya belum ada satu acuan yang baik. Tak ada satu petua yang baik untuk menyelesaikannya. Ramai nelayan-nelayan khususnya permit B mereka merungut kenapa di bidang pembinaan (*construction*) dibina, di bidang perkilangan, sektor perkilangan berpuluh ribu, beratus pekerja asing dibenarkan oleh kerajaan untuk diambil membantu menjana industri tersebut? Kenapa di sektor nelayan ini bot permit B ini, dua orang yang mereka minta dengan cara yang sah mereka mahu. Rezeki yang mereka cari ini halal (secara sah), tidak mahu haram seperti mereka. Maka dengan itu, saya minta kita patut sekali lagi meminta Kementerian Pertanian menimbang perkara ini untuk dibenarkan. Apakah susah sangat untuk membantu nelayan menyelesaikan masalah ini? Kalau kita izinkan dua orang ini (pekerja asing ini) diambil, kerajaan akan dapat duti dan dapat mengawal keadaan. Kalau tidak sering berlaku di mana pekerja asing membunuh nelayan tempatan kerana mereka tiada dokumen-dokumen yang dilengkapkan kerana mereka tidak sah. Tidak sah maka mereka terpaksa curi-curi, sorok-sorok (*nyorok-nyorok*) untuk melakukan kerja-kerja ini. Akhirnya kadang-kadang sesuatu insiden berlaku nelayan tempatan ini akan dibunuh dan gagal dikesan. Ini implikasinya mereka tidak dibenarkan untuk *legalize* (untuk disahkan).

Maka dengan itu, saya memanjangkan perkara ini kepada YAB dan Exco Pertanian agar perkara ini dapat dipanjangkan.

Seterusnya sebagai rumusan, saya ingin tegaskan satu lagi iaitu soal masalah pertanian di negeri Selangor khususnya di negeri Selangor. Setakat ini kita nampak di Sekinchan ini masalah petani. Masalah petani masih belum diselesaikan iaitu masalah kuota subsidi, padi benih tetap diagihkan dengan cara yang tidak telus di mana dewan ini saya pernah membawa usul dan usul ini telah disampaikan kepada Kementerian di bawah menteri yang bohong (yang saya kata menteri pembohong itu) Noh Omar. Kerana apa saya kata begitu? Beliau telah berjanji di depan khalayak orang ramai, petani-petani akan menetapkan harga padi biasa RM1,250 satu tan harga padi biasa. Manakala harga padi benih RM1,400. Tetapi dalam dua musim ini saya nampak, saya pantau harga yang ditawarkan hanya RM1,150 untuk padi biasa, RM1,300 untuk padi benih. Maknanya masih janji tak serupa bikin. Yang dijanjikan, yang ditawarkan lain. Inilah yang dikatakan pemimpin yang tidak konsisten (cakap lain, buat lain). Kita minta menteri yang saya sifatkan sebagai pembohong ini segera tunaikan janjilah supaya hak petani dapat dibela. Petani menunggu enam bulan untuk mendapatkan musim menuai, mendapatkan hasil mereka. Tetapi sering kali apabila sampai masanya kerana cuaca, kerana potongan basah yang tinggi dan harga yang rendah mereka memperoleh pendapatan yang rendah. Oleh yang demikian, saya meminta satu penyelesaian yang holistik dapat dicari untuk pihak kerajaan, untuk pihak kementerian, untuk petani di mana kuota untuk subsidi padi benih ini jangan dimonopoli oleh dua syarikat. Baru-baru ini saya difahamkan Syarikat Sri Merbok di Kedah dapat RM17,000, RM12,000. Haji Md. Nor tetap dengan RM12,000 tidak diagih dengan rata ataupun melasahkan ketelusan. Inilah penyakit paling bahaya. Sindrom yang dialami oleh kementerian khususnya persekutuan sehingga sekarang tidak mahu menyelesaikan masalah ini dan menyebabkan apa? Kerajaan memberi subsidi RM500 dulu (dua tahun yang lepas RM500 satu tan) untuk padi benih kepada pengilang RM500. waktu itu harga yang ditawarkan RM1,400 waktu itu. Zaman Muhyiddin sebagai Menteri Pertanian. RM1,400 subsidi, RM500 untuk pengilang yang memproseskan benih padi yang berkualiti dan bermutu. Selepas menteri daripada Tanjong Karang itu yang saya kata menteri pembohong ini yang kuat gengster, beliau menaikkan RM500 kepada RM1,050. maknanya peningkatan *hundred percent* (100%) peningkatan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat dah agak jauh sikitlah.

YB TUAN NG SUEE LIM : sedikit-sedikit.

TUAN SPEAKER : Ya.

YB TUAN NG SUEE LIM : Sikit untuk saya pusing balik ya. Untuk saya *Corner* sedikit balik ya. Minta izin jasa baik Tuan Speaker. Maka RM1,050 anehnya, peliknya, ajaibnya, hairannya kenapa harga yang ditawarkan bukan RM1,400? Malah sewajarnya RM1,600 atau RM1,800 tetapi harga yang ditawarkan RM1,300. Bukan naik, makin turun. Ini dia. Apakah dasar yang dilaksanakan oleh Kementerian di bawah Noh Omar? Ini perlu kerajaan, kawan-kawan di pihak pembangkang ini tolong panjangkan kepada menteri mereka agar perkara ini dapat selesai. Kita tolong petani semua, bukan tolong syarikat kroni. Ini perkara yang ingin saya nyatakan.

Akhir sekali, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pimpinan YAB Dato' Menteri Besar kerana telah berjaya melaksanakan pelbagai program dalam tempoh masa tiga tahun ini. Tiga tahun berapa bulan? Tiga tahun enam bulan. Tiga tahun tiga bulan. Tiga tahun tiga bulan ini kita telah 39 bulan ini, kita sudah melakukan pelbagai pembaharuan. Skim agenda merakyatkan ekonomi, TAWAS nya, skim mesra usia emasnya, pemberian air percuma 20meter padunya sehingga hari ini rakyat begitu sanjung dengan Pakatan Rakyat dan ramai

kawan-kawan saya di Johor sehingga saya pergi ke Johor, ramai orang di situ (rakyat di Johor) mereka menunggu bilakah mereka dapat air percuma. Mereka mendoakan semoga Pakatan Rakyat terus memerintah dan dapat memerintah di Putrajaya, dapat memberi air percuma kepada mereka di Johor. Rata-rata di Johor mereka minta. Kenapa Selangor dapat buat (boleh lakukan) dalam tempoh masa dalam tiga tahun sahaja? Kenapa yang mereka sokong 50 tahun, sampai hari ini tak beri air percuma di Johor malah tarif air semakin tinggi? Sudah naik dalam tempoh masa setengah tahun yang lalu. Tidak naik, tidak bagi air percuma malah dia naik. Di Selangor tarif air tidak naik, kita lawan dengan syarikat kroni, syarikat gergasi yang tindas rakyat, kita tak bagi dia naik 37% (2009). Mereka kalau ikut perjanjian 37 kita tak bagi naik. Kerajaan negeri tak bagi malah kita bagi air percuma 20meter padu. Ini bezanya kerajaan negeri Pakatan Rakyat. Kita memikirkan bagaimana meringankan bebanan rakyat yang dibelenggu oleh kos sara hidup yang tinggi dan kita memikirkan kalau mereka tak ada rumah, kita memikirkan bagaimana kita nak sediakan rumah yang selesa dan rumah mampu milik. Kalau mereka air tak cukup, kita bagi air percuma. Ini cara kita. Tapi air itu jangan dibuat macam di Putrajaya untuk mandi 'bagaikan mandi badak sumbu' itu janganlah dengan air yang percuma ini. Tapi air percuma ini harus diguna dengan sebaik mungkin.

Akhir sekali, saya ingin tutup dengan serangkap pantun '*selasih disimpen nang jeruh tabung, nanam anggur nang jeruh sangkar, bersih loroh akur nasihat agong, tapi Najib pulak sing ingkar arah*'. Sekian, terima kasih.

YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Meru.

YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN : Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum WKT* dan salam sejahtera. Meru ingin mengatakan bahawa apabila kita berdepan dengan krisis dan kemelut ekonomi yang melanda tanah air yang kita cintai ini, Meru merasakan bahawa kita harus kembali menguruskan khazanah kekayaan ini berpaksikan matlamat untuk memakmurkan seluruh penduduk di negeri ini. Tanggungjawab mulia ini merupakan satu amanah yang mesti ditunaikan bukan hanya untuk memenuhi tuntutan rakyat berbilang kaum yang mengangkat sesebuah kerajaan bahkan bagi orang Islam sebagai tanggungjawab kepada Allah SWT yang akan dipersoalkan di akhirat nanti. Berdasarkan prinsip ini sesebuah kerajaan yang takutkan Tuhan Yang Maha Melihat Lagi Maha Mendengar, bukan setakat memperkenalkan polisi semata-mata bahkan yang lebih penting adalah sistem penyampaian dengan izin (*delivery system*). Ini adalah untuk memastikan pengagihan kesejahteraan negara (ekonomi) ini sampai kepada rakyat di bawah yang betul-betul memerlukan tanpa mengira latar belakang politik, kaum dan agama seseorang itu.

Pada hakikatnya apa yang rakyat saksikan pada hari ini adalah segala-galanya yang dilakukan oleh kerajaan pusat ini adalah jauh bercanggah dengan kaedah pengurusan dalam Islam. Islam sebenarnya meletakkan panduan keutamaan (dengan izin – *fiqh au liat*) yang disebut sebagai '*takdimu ahabbu minal muhim*' (mendahulukan yang lebih penting dari yang penting). Contoh mana yang lebih penting atau utama? Sama ada membina menara warisan yang bernilai RM5 billion atau melaburkan dana tersebut dalam keperluan perkhidmatan asas seperti pendidikan, keperluan utiliti seperti air, tenaga, kesihatan dan pengangkutan? UMNO dan Barisan Nasional tidak memahami kesemua perhitungan ini kerana mereka tidak mengambil kerangka dan asas pemikiran seperti mana dianjurkan oleh Islam. Sebaliknya urus tadbir UMNO dan Barisan Nasional hanya untuk mengaut kekayaan negara untuk dikongsi bersama kelompok dan kroni tertentu yang mempunyai kepentingan dan hubungan elit politik di kalangan mereka. Apa yang dilakukan oleh kepimpinan UMNO dan Barisan Nasional ini dilarang keras oleh Allah SWT di dalam surah Al-haj, surah ke 59, ayat 7 dengan izin (bahasa arab) yang

bermaksud *“apa sahaja harta rampasan yang diberikan Allah kepada rasulnya yang berasal dari penduduk kota-kota, maka adalah untuk Allah, untuk rasul, untuk kerabat rasul, anak-anak yatim, orang-orang yang miskin dan orang-orang di dalam perjalanan dan supaya (bahasa arab) harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang yang kaya sahaja di antara kamu.”*

Inilah hakikat yang terbentang di hadapan mata rakyat apabila skandal demi skandal, kegagalan projek-projek mega didedahkan tanpa kesudahannya. Sama ada kerugian RM12.5billion di dalam krisis PKFZ, RM1billion tambahan dalam projek empangan Bakun, projek istana negara yang akhirnya dikatakan melonjak menjadi RM1billion juga. Menurut laporan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai pembangunan manusia UNHDP pada tahun 2004 *“jurang pendapatan antara golongan kaya dan golongan miskin di Malaysia adalah di antara yang terburuk sekali di Asia.* Dilaporkan juga sebanyak 10% golongan terkaya di Malaysia menguasai 38.4% pendapatan ekonomi Negara. Dilihat dari segi pendapatan seperti yang dilaporkan baru-baru ini 40% dari pendapatan isi rumah di Malaysia berada di bawah RM 1,500.00 sebulan dan 60% berada di bawah RM3,000.00 sebulan. Penyakit yang telah wujud semenjak merdeka ini sebenarnya menjadi semakin parah dan semakin kronik. Justeru Meru berharap Kerajaan Selangor di bawah Pakatan Rakyat di bawah pimpinan Tan Sri Khalid Ibrahim tidak mengulangi kesilapan dan keburukan yang telah dilakukan oleh pimpinan UMNO dan Barisan Nasional. Meru juga ingin merakamkan alfa maglub atau setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor ke arah membantu dan mengurangkan bebanan rakyat marhaen dan menolong mereka membina kehidupan berdikari dan menaruh harapan yang lebih cerah dengan menambah pendapatan isi rumah dan berusaha untuk mendapatkan tempat tinggal mampu milik bagi golongan miskin. Kita sekali-kali tidak akan mewarisi budaya tidak bersih yang diamalkan oleh UMNO dan Barisan Nasional yang bukan setakat gagal memaju ekonomi Malaysia malah yang lebih zalim dan tidak bersih ialah UMNO dan Barisan Nasional terpaksa memecah tabung-tabung rakyat sendiri bagi menampung perbelanjaan deposit negeri yang berterusan. Sebaliknya apa yang jelas usaha Kerajaan Pusat mempelbagaikan sumber pendapatan Negara ini ialah dengan memotong subsidi, mengenakan cukai baru dan memburu pesalah trafik melalui saman-saman ekor mereka. Hutang Negara menurut Ketua Audit Negara berbanding KDNK berada di paras 53.7% iaitu satu kedudukan yang cemas bagi sebuah Negara berpendapatan sederhana seperti Malaysia. Kesemua situasi seperti ini dapat disimpulkan dengan pandangan yang jujur Datuk Idris Jala bahawa hutang Negara boleh mencapai RM 1 trilion menjelang 2019 dan boleh mengheret Kerajaan Malaysia kepada status mufliis. Hebat betul UMNO ini mengurus ekonomi Negara ya!. Inilah maksud mesej yang disabdakan oleh Rasulullah SAW dengan izin *for the past 1,400 year a go.* “Bahasa Arab” Apabila satu amanah itu diserahkan kepada bukan ahlinya maka tunggulah saat kehancurannya. Lebih dahsyat lagi amanah Nabi kepada golongan lebih dahsyat lagi adalah amaran Nabi SAW kepada golongan yang memandang remeh dan sepi terhadap masalah amanah ini ialah apabila Rasul bersabda “Bahasa Arab” tidak ada agama bagi mereka yang tidak menjalankan amanahnya. *Allah Subhanawataala* berfirman dengan izin di dalam Surah Toha Ayat 124 *Bismillahirrahmanirrahim* “**(Bahasa Arab)**” yang bermaksud *sesiapa yang berpaling daripada peringatan-peringatan ku maka bagi kehidupannya yang penuh dengan kebuntuan dan kami akan membangkitkan mereka di hari kiamat nanti dalam keadaan mata mereka buta. Dia bertanya Ya Allah mengapakah aku dibangkitkan dalam kuburku dalam keadaan buta sedangkan aku di dunia dahulu berada dalam keadaan dapat melihat. Allah menjawab demikianlah ketika kamu di dunia dahulu aku mendatangkan peringatan peringatanku dan amaran-amaranku dari ayat-ayat ku kata Allah tetapi kamu langsung tidak mengindahkannya maka pada hari ini pada hari kiamat kamu pula tidak dipedulikan kata Allah.*

Tuan Speaker, gejala guna kuasa dan rasuah merupakan antara barah penyakit ekonomi yang parah di Negara ini. Menurut laporan Ketua Audit Negara sejumlah 28 bilion titisan wang setiap

tahun yang dialami dalam perbelanjaan awam manakala menurut pula sebanyak RM340 bilion ke titisan berlaku sepanjang pemerintahan Dr. Mahathir Mohamed. Tapi yang peliknya setakat ini tiada langsung penafian secara bertulis yang berani dikeluarkan oleh mana-mana pemimpin UMNO dan Barisan Nasional atau usaha untuk menyaman kenyataan-kenyataan tersebut di Mahkamah. Bukan setakat itu sahaja baru-baru ini Negara dikejutkan lagi dengan laporan global Insurans Integriti atau GFI yang mendakwa sebanyak RM 889 bilion wang haram telah mengalir keluar dalam tempoh 8 tahun antara 2000 hingga 2008. Kita perlu ingat bahawa ke titisan begini bukan sahaja merugikan Negara dan rakyat tetapi juga mengurangkan daya saing Malaysia di peringkat global untuk menarik pelaburan. Rakyat juga sedang memerhatikan apa yang kita lakukan kos hidup rakyat Malaysia sekarang ini berada di kedudukan paling tinggi dalam dunia. Menurut laporan Majalah *International Living* Tahun 2010. Kenaikan mendadak barang-barang keperluan hidup seperti harga rumah menjadikan kos hidup rakyat makin tinggi sedangkan pertambahan pendapatan agak perlahan.

TUAN SPEAKER : Boleh masuk ke tajuk Rang Undang-Undang. Panjang betul ni.

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN : Saya nak habiskan. Meru menaruh harapan kepada YAB Menteri Besar Selangor dan Pimpinan rakyat terus menerajui negeri Selangor dengan penuh tanggungjawab demi menjamin keselamatan, keselesaan dan keharmonian dan dengan ini Meru menyokong Usul Bajet tambahan ini.

TUAN SPEAKER : Ya Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker. Kajang mengambil kesempatan ini untuk membahaskan boleh sambung perbahasan. Terima kasih Kajang mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan juga mengucapkan syabas kepada Kerajaan Pakatan Rakyat yang terus menyampaikan kerja kejayaan yang cemerlang untuk mempertahankan hak rakyat dan juga kebajikan rakyat. Dari segi rizab yang disebutkan telah bertambah dan juga pendapatan daripada perlombongan pasir telah meningkat dan dari situ kita telah memperuntukkan kupon untuk kupon kepada warga emas untuk Program Jom *Shopping*, Kajang menyokong penuh ucapan dan juga cadangan daripada Kg. Tunku pagi tadi berkaitan dengan program yang di lancarkan iaitu Jom *Shopping* iaitu program ini nampaknya tidak begitu dirancang dengan rapi kerana kita mendapati waktu satu perbincangan yang diwujudkan diadakan bersama dengan EXCO dengan Ketua-ketua Penyelaras DUN, ADUN dan juga Jawatankuasa JKKK Kita dapati warga-warga emas ini diaturnya dan dianjurkan supaya mereka sama-sama pergi *shopping* di kompleks-kompleks membeli belah dan ini melibatkan kos pentadbiran dan penyelenggaraan yang agak tinggi selain kerumitan dari segi penyelenggaraan dan aturan untuk warga-warga emas ini untuk bersama ke *shopping center* ini dan juga Kajang mendapati kerja-kerja seperti ini memang merumitkan dan juga merupakan satu pembaziran di mana perbelanjaan yang terlibat tidak menepati prinsip yang kita kata "*value for money*". Sekiranya kita dapat meringkaskan khasnya di mana bagi warga emas yang sekitar perbandaran memang mereka begitu mudah dan juga memang adanya ahli-ahli keluarga yang sanggup pergi bersama. Dan mereka sekiannya pergi bersama-sama dengan ahli keluarga baik anak atau cucu maka mereka akan lebih gembira bersama-sama dengan keluarganya dan ia akan merapatkan lagi kemesraan antara ahli keluarga. Dan kita tidak perlu mengaturkan semua ini dan pembaziran ini kita boleh jimatkan untuk program-program yang lain yang dapat memanfaatkan warga-warga emas ini. Tuan Speaker, Kajang juga mendapati banyak lagi skop-skop yang masih kekurangan walaupun negeri kita di Selangor merupakan negeri yang maju dan paling maju di Negara kita ini. Baru-baru ini Kajang telah berkesempatan menjelajahi beberapa kampung-kampung tradisi dan juga kampung baru di kawasan Kajang. Dan Kajang juga mendapati ini mungkin mencerminkan keadaan yang hampir sama di seluruh negeri Selangor ini walaupun di kampung-kampung tradisi di Kajang merupakan kampung yang

dianggap *Suburban* dengan izin iaitu di pinggir bandar. Seharusnya anggap boleh kata lengkap dengan infrastrukturnya akan tetapi kita dapati masalah yang telah menenangkan penduduk kampung begitu lama berpuluh tahun masalahnya belum diselesaikan. Iaitu masalah perparitan yang tidak teratur memang wujud di kampung-kampung yang Kajang menjelajahi iaitu perparitan yang tidak teratur menyebabkan banjir kilat sentiasa berlaku. Dan ini telah menyebabkan kesulitan dan juga kerugian di kampung-kampung ini. Jalan juga didapati tidak begitu baik sampai ada jalan tanah jalan batu kelikir masih wujud di kampung-kampung di sekitar Kajang. Dan masalah sisa pepejal memang merupakan masalah yang lama dan mengajak anjing liar termasuk monyet pun masuk kampung untuk cari makan di tempat buang sampah. Dan pengurusan seperti ini seharusnya kita harus memberi perhatian yang lebih dan memberi peruntukan yang cukup untuk menyelesaikan masalah yang asas seperti ini. Dan Kajang memang bercadang Kerajaan harus pertimbangkan peruntukan yang cukup secara berperingkat sekiranya boleh sehingga tahun yang akan datang dapat menyelesaikan masalah-masalah infra di seluruh negeri kita ini. Tuan Speaker, Kajang juga menyokong penuh skim pemilikan tanah sendirian yang telah dibawa oleh Kerajaan Negeri yang merupakan satu skim yang memang kreatif dan juga julung kali di Negara kita. Kita dapati rumah kediaman ini memang penting dan ini akan memudahkan perolehan tanah dan juga rumah bagi penduduk ataupun rakyat di negeri Selangor. Akan tetapi kita dapati ada satu kategori di mana pada Akta dan juga Skim kita tidak dapat menjaga iaitu tanah-tanah di mana tuan-tuan tanah ini memiliki tanah kediaman di dalam kampung tradisi dan kampung baru tetapi mereka telah menggunakannya untuk perniagaan kecil-kecilan di kampung-kampung. Dan mereka ini sekiranya mereka dinilai untuk pembayaran premium mereka terpaksa membayar premium yang tinggi mengikut kadar tanah perniagaan. Maka mereka sentiasanya tidak mampu dan Kajang telah mendapat aduan-aduan yang banyak daripada kampung-kampung di sekitar Kajang di mana mereka mengadu premium yang perlu mereka bayar meningkat sampai RM 200 lebih ribu sampai RM 300 ribu dan mereka tidak mampu dan mereka Cuma minta pengurangan dan tidak diluluskan. Dan kategori tanah seperti ini Kajang bercadang pihak negeri dapat mempertimbangkan kes-kes seperti ini dan memberi keutamaan ataupun keistimewaan kepada pemegang tanah ini dan juga bayaran premium yang mampu mereka bayar.

Tuan Speaker, Kajang juga bercadang pada ambang penguatkuasaan akta pengurusan sisa pepejal yang akan bermula pada September 2011 kita harus meneliti di negeri kita, sisa pepejal bukan satu masalah, masalah pengurusan bukan masalah terlalu besar sangat. Walau pun ia nampaknya agak besar. Ini adalah kerana kita dapati sistem yang ada pada Alam Flora juga pengendaliannya tidak begitu baik. Menyebabkan kita dapat aduan-aduan dan juga masalah sampah tidak dapat diselesaikan sehingga hari ini juga. Walau pun pihak Alam Flora mempunyai jentera-jentera yang mencukupi, tetapi kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh Alam Flora tidak mempunyai jentera-jentera ini dan tidak mampu memberi perkhidmatan yang cukup. Dan tambah lagi dengan pengurusan dan pemantauan yang tidak rapi maka masalah sisa pepejal berterusan sehingga hari ini kita masih tidak ada penyelesaian yang baik. Kajang bercadang kutipan hasil sisa pepejal di negeri Selangor ini tidak diberi kepada Alam Flora, kita terus kita ada GLC di bawah Kerajaan Negeri seperti Worldwide. Kita boleh lantik Worldwide untuk menguruskan ini dan kita telah ada tempat-tempat pelupusan sampah yang sedia ujud. Kita sediakan sistem yang cukup baik yang cukup sempurna dan Kajang bercadang kerajaan mempertimbangkan bukan sahaja pembersihan di ambil balik, tetapi kutipan sisa pepejal juga diambil balik. Ini kerana pada zaman sekarang ini di mana sumber termasuk sumber dari sisa pepejal merupakan sumber yang boleh ditebus guna boleh *recycle*, *reuse* dengan izin. Ini merupakan sumber yang begitu penting di mana bila kita ambil alih kita boleh mengamalkan sistem kitar semula dan kita tebus guna sampah, sisa-sisa yang boleh diguna semula. Dengan ini kita boleh memaju ke hadapan menggalakkan rakyat di Selangor dari segi

persediaan untuk kitar semula dan menjaga alam sekitar tidak semata-mata membuang sampah dikutip oleh konvensional seperti Alam Flora dan dibuang ke tempat pelupusan sampah seperti *landfill* dengan izin. Jadi sekiranya kita sama-sama pertimbangkan satu sistem yang baik untuk Negara maju, untuk rakyat dan untuk bumi ini kita harus galakkan kitar semula yang mana saya rasa Selangor mampu buat begitu. Dengan ini Kajang menyatakan sokongan penuh terhadap rang undang-undang yang dicadangkan ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan untuk menggulung.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kerana beberapa perhatian terhadap bajet tambahan bagi enakmen perbekalan yang kita utarakan. Saya ingin menyentuh semula perkara yang saya sebut pada penggal pertama apabila kita membentangkan bajet tambahan yang pertama pada tahun 2011, iaitu saya mengatakan bahawa tujuan kita membuat belanjawan ini supaya kita ada apa yang disebut *very tight control* maknanya satu kawalan yang sangat terperinci mengenai bajet supaya semua orang tahu ke mana duit ini hendak disalurkan. Itu adalah satu cara yang paling baik untuk mengurus belanjawan negeri Selangor yang mempunyai pendapatan *revenue* yang terhad dan perbelanjaan yang begitu banyak diperlukan. Saya cadangkan perkara ini supaya dewan sendiri dapat mengetahui bagaimana setiap tambahan itu digunakan, kalau tidak satu cara yang selalu dibuat oleh mereka yang menyediakan belanjawan itu meletakkan kesemua perkara ini dalam apa yang disebut kontingensi. Kontingensi itu sangat besar sehinggakan mereka tidak tahu apa yang hendak digunakan. Sebab itu saya katakan cara yang terbaik untuk negeri dalam aspek ketelusan adalah menyediakan belanjawan yang boleh disemak penggunaannya. Sebagai contoh kita tidak boleh masukkan perbelanjaan tambahan pejabat dewan sejumlah 1.26 juta ini dalam kontingensi yang dahulu. Sebab kita tahu, boleh jadi kita hendak tambahkan elaun Ahli Dewan Negeri, tetapi kita tidak buat sebab kita mahu elaun itu diluluskan dahulu pada dua belas hari bulan April kemudian barulah bajet itu kita kemukakan kepada dewan ini untuk diberitahu dewan tentang kegunaan wang tersebut.

Kedua, kita juga buat hari ini kita berbincang tentang belanjawan tambahan 10 juta yang diperlukan untuk pembelian kenderaan Jabatan Kerja Raya Selangor. Ini kita tidak utarakan kepada dewan ini kalau kita tahu kita tidak mempunyai dana yang cukup untuk belanjawan ini. Tetapi kita tahu kenderaan yang dimiliki oleh JKR ini sudah melebihi tujuh atau lapan tahun. Jadi ia perlu ditukar dan dewan sudah tentu hendak bertanya mengapa kita ingin membelanjakan 10 juta ringgit dan kita ada jawapan tentang perbelanjaan ini. Ini satu cara yang terbaik dalam pengurusan belanjawan supaya kita tahu keadaannya. Kalau tidak kita boleh rangkumkan ini kepada kontingensi jangkaan sahaja. Jadi, tidak perlu datang ke dewan lagi. Tetapi dengan cara ini kita dapat menentukan pegawai-pegawai yang mengemukakan belanjawan-belanjawan itu mesti siap sedia untuk memberitahu apa yang patut digunakan. Ini maksudnya *control* itu sudah berada di dewan. Bukan kontrol itu berada di pengurusan. Seperti juga contoh 1.8 juta untuk Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor.

Kemudian, berbalik kepada persoalan yang dikemukakan mengenai air atau pun subsidi air. Subsidi air kita sudah adakan beberapa kali perbincangan. Dan perbincangan yang terakhir ialah saya menulis surat kepada Menteri pada 27 hari bulan Jun yang mengatakan kepada Menteri Air Tenaga Hijau dan Air tentang cara yang paling efektif untuk kita menyelesaikan perbezaan pandangan kita. Dan saya katakan bagi menunjukkan komitmen kami, dibentuk sebuah Jawatankuasa Khas yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Yang Berbahagia Dato' Haji Mohamed Khusrin bin Haji Munawi. Jawatankuasa Khas ini ditugaskan untuk mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak Kementerian. Ahli-Ahli Jawatankuasa Khas ini tersebut termasuk Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri iaitu Yang Berhormat Dr. Xavier

Jayakumar, Pengawal Selia Air Selangor dan juga Pengarah UPEN Y. Bhg. Dato' Noordin bin Sulaiman, Presiden Kumpulan Darul Ehsan dan juga Ketua Eksekutif Kumpulan Perangsang, Encik Suhaimi Kamaruzaman, Peguam dan Perunding Cara Puan Fahda Nor Ahmad Kamal, manakala pegawai kanan penyelidikan dan analisis ekonomi kepada YAB Dato' Menteri Besar Encik Abdul Halim Yusof selaku Setiausaha. Dan kita berharap perkara ini dapat diselesaikan secepat mungkin, walaupun kita tidak menjangkakan ia selesai sebelum November ini. Dalam belanjawan kita, kita hanya berikan kontingensi sampai Disember ini. Tapi yang penting juga dalam surat saya kepada menteri, saya telah menyatakan kita telah menilai aset air Selangor, iaitu aset pemilikan Kerajaan Negeri ataupun aset-aset air yang dimiliki oleh negeri yang sekarang dinilai oleh pakar profesional kita. Asetnya terdiri daripada *Water treatment plan*, loji pembersihan air kita bernilai 2.1 bilion. Ada dua dam, *in ponding reservoir* iaitu apa yang disebut tempat takungan air dan simpanan air yang bernilai 488 juta. *Reservoir* ataupun empangan 587 juta, *booster pumps* dan *alcoves* 180 juta dan *pipeline*, paip-paip yang dipasang seluruh negeri Selangor bernilai 8,000 juta. Jadi jumlah aset air Selangor yang sebelumnya kita tidak mempunyai rekod yang terbaik, sekarang sudah ada rekod yang terbaik dan saya serahkan kepada Kementerian dengan nilai kesemuanya 12.3,000 juta. Dalam rundingan kita ini, kita jangkakan jika Kerajaan Persekutuan mengambil kira aset-aset air kita ini dan jika aset air ini diterima pakai, sebagai satu usaha menyusun semula industri air ini dengan hanya menggunakan 1,000 juta ringgit lebih daripada penilaian tersebut. Kita sudah dapat memberikan air percuma selama sekurang-kurangnya lapan tahun. Jadi oleh sebab itu, strategi kita jelas. Pertama, menentukan bahawa rundingan kita dengan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air itu memberikan kembali harta pemilikan kita ini sebagai salah satu aset dalam penyusunan semula. Kedua, setelah penyusunan semula ini berlaku kita boleh *recognised the value* dengan duit itu boleh kita gunakan sebagai bayaran untuk air percuma. Dengan itu jika berlaku tiga, empat ratus juta yang kita gunakan dalam akaun kita untuk air percuma ini boleh dipulangkan balik kepada Kerajaan Selangor dan rizab kita boleh meningkat sampai 400 juta lagi. Sebab itulah saya menyatakan kita dapat terangkan bagaimana perbelanjaan ini dapat kita gunakan.

TUAN SPEAKER : Yang Amat Berhormat boleh berhenti sebentar,

YAB DATO' MENTERI BESAR : Okey.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan ini masih memerlukan masa, maka Dewan pada hari ini perlu disambungkan. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membuat satu usul yang berbunyi seperti berikut:-

“ Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dalam peraturan tetap Negeri Selangor hendaklah menyambung Persidangan hari ini sehingga selesai penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan No. 2 (2011) oleh pihak Kerajaan “

YB DATO' DR HASAN BIN MOHAMED ALI : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Usul ini telah pun disokong, saya kemukakan untuk mendapat persetujuan, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang setuju sila kata YA, Ahli –Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ingin jelaskan tentang beberapa konsep yang dibangkitkan oleh rakan-rakan mengenai air: Tidak bererti kita juga mesti memikirkan masa hadapan tentang pengurusan air yang salah satunya daripada ciri utama PAKATAN RAKYAT adalah untuk mengembalikan hak rakyat. Antara hak-hak rakyat yang saya fikirkan perlu kita bincangkan dan perlu kita utarakan adalah hak asasi, dan pendidikan ialah hak asasi. Maknanya pendidikan untuk semua, bererti itu adalah hak asasi dan saya anggap air juga adalah hak asasi, tetapi penggunaannya serupa juga dengan pendidikan apabila semua rakyat dapat pendidikan percuma. Tetapi jika mereka ingin pendidikan yang lebih, mereka sendiri perlu membayar yang lebih tersebut.

Serupa juga dengan air, saya rasa 20 meter padu adalah air yang asas. Tetapi jika mereka menggunakan dalam keadaan dalam berlebihan, kita mesti menilai semula tentang penggunaan air yang berlebihan yang contoh yang diberikan oleh Bukit Antarabangsa tentang penggunaan untuk mandi begitu banyak. Jadi 20 meter padu kita tidak kenakan harga, tetapi kalau dia mempunyai *swimming pool* ataupun berlebihan boleh jadi kita kena pertingkatkan lagi bayaran untuk bayaran tersebut dan hal ini hendak kita kaji supaya selain itu, mereka yang miskin juga kita beri peruntukan khas. Tetapi asas kita adalah kita mesti mendapatkan apa yang kita sebut hak asasi untuk semua, dan ini akan berlaku, perbincangan ini akan berlaku. Sebab kita juga hendak menilai sama ada penswastaaan kita ini akan berjaya seperti mahu atau tidak kita membayar setiap jalan yang kita bina, ataupun kita akan membuat satu rancangan yang hak asas untuk perjalanan diberi percuma, tetapi penggunaan yang berlebihan dikenakan bayaran kepada semua yang menggunakannya.

Jadi, perkara ini saya ingat kita mula bincangkan dalam usaha kita mencari jalan tentang bagaimana kita menterjemahkan kemakmuran negeri kepada rakyat dengan cara yang saksama. Jadi, dua perkara yang saya jelaskan tentang *The rolling budget* yang paling penting untuk kita lakukan. Kedua, kita juga mesti melihat daripada segi apa yang kita katakan; apa asas daripada segi ekonomi yang kita mahu uruskan. Itulah sahaja yang saya ingat, tetapi banyak perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan mengenai isu-isu bersih yang saya anggap sangat penting, tetapi *budget* kita tidak terlibat tetapi daripada segi kepentingannya ialah dengan adanya demokrasi, barulah kita sekarang dapat membincangkan perkara-perkara ini dalam Dewan yang begitu tertib dan juga berpandu bahawa kita adalah pemegang amanah rakyat yang menentukan setiap ringgit yang kita gunakan ini adalah merupakan amanah daripada rakyat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan adalah bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah dibacakan kali kedua sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Di persetujui.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, memandangkan masa sudah sampai mengikut Usul, maka saya tangguhkan dewan ini sehingga hari esok, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan jam 4.45 petang. Terima kasih.

(Dewan ditangguhkan pada jam 4.45 petang)